

Hakcipta © tesis ini adalah milik pengarang dan/atau pemilik hakcipta lain. Salinan boleh dimuat turun untuk kegunaan penyelidikan bukan komersil ataupun pembelajaran individu tanpa kebenaran terlebih dahulu ataupun caj. Tesis ini tidak boleh dihasilkan semula ataupun dipetik secara menyeluruh tanpa memperolehi kebenaran bertulis daripada pemilik hakcipta. Kandungannya tidak boleh diubah dalam format lain tanpa kebenaran rasmi pemilik hakcipta.



**MODEL PENGURUSAN PENGETAHUAN  
UNTUK PEMERKASAAN KOMUNITI: KAJIAN KES  
DI PROVINSI GORONTALO, INDONESIA**



**IJAZAH DOKTOR FALSAFAH  
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA  
2018**



Awang Had Salleh  
Graduate School  
of Arts And Sciences

Universiti Utara Malaysia

**PERAKUAN KERJA TESIS / DISERTASI**  
(Certification of thesis / dissertation)

Kami, yang bertandatangan, memperakukan bahawa  
(We, the undersigned, certify that)

**MOHAMMAD RIFAI KATILI**

calon untuk Ijazah  
(candidate for the degree of)

**PhD**

telah mengemukakan tesis / disertasi yang bertajuk:  
(has presented his/her thesis / dissertation of the following title):

**"MODEL PENGURUSAN PENGETAHUAN UNTUK PEMERKASAAN KOMUNITI: KAJIAN KES DI  
PROVINSI GORONTALO-INDONESIA"**

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit tesis / disertasi.  
(as it appears on the title page and front cover of the thesis / dissertation).

Bahawa tesis/disertasi tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan, sebagaimana yang ditunjukkan oleh calon dalam ujian lisan yang diadakan pada : **11 Mei 2017.**

*That the said thesis/dissertation is acceptable in form and content and displays a satisfactory knowledge of the field of study as demonstrated by the candidate through an oral examination held on:  
May 11, 2017.*

Pengerusi Viva:  
(Chairman for VIVA)

Assoc. Prof. Dr. Wan Rozaini Sheik Osman

Tandatangan  
(Signature)

Pemeriksa Luar:  
(External Examiner)

Prof. Dr. Sohaimi Zakaria

Tandatangan  
(Signature)

Pemeriksa Dalam:  
(Internal Examiner)

Assoc. Prof. Dr. Huda Hj Ibrahim

Tandatangan  
(Signature)

Nama Penyelia/Penyelia-penyelia:  
(Name of Supervisor/Supervisors)

Prof. Dr. Shahizan Hassan


Tandatangan  
(Signature)

Tarikh:  
(Date) **May 11, 2017**

## **Kebenaran Merujuk**

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi keperluan pengurniaan Ijazah Doktor Falsafah daripada Universiti Utara Malaysia (UUM). Saya dengan ini bersetuju membenarkan pihak Perpustakaan Universiti Utara Malaysia mempamerkannya sebagai bahan rujukan umum. Saya juga bersetuju bahawa sebarang bentuk salinan sama ada secara keseluruhan atau sebahagian daripada tesis ini untuk tujuan akademik perlulah mendapat kebenaran daripada Penyelia Tesis atau Dekan Awang Had Salleh Graduate School of Art and Sciences terlebih dahulu. Sebarang bentuk salinan dan cetakan bagi tujuan komersial adalah dilarang sama sekali tanpa kebenaran bertulis daripada penyelidik. Pernyataan rujukan kepada penyelidik dan Universiti Utara Malaysia perlulah dinyatakan jika rujukan terhadap tesis ini dilakukan.

Kebenaran untuk menyalin atau menggunakan tesis ini sama ada secara sebahagian atau sepenuhnya hendaklah dipohon melalui:



Dekan Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences  
UUM College of Arts and Sciences

Universiti Utara Malaysia

06010 UUM Sintok

## Abstrak

Pada masa ini, Pengurusan Pengetahuan (KM) telah menjadi satu penyelesaian untuk meningkatkan prestasi organisasi. Dalam masa yang sama, pemerksaan komuniti adalah paradigma baharu dalam pembangunan manusia untuk mencipta, memperkuat, dan melindungi potensi yang dimiliki oleh masyarakat. Di Indonesia, dengan mengambil kira isu kemiskinan yang dialami oleh golongan miskin di kawasan bandar, pemerksaan komuniti dijalankan sebagai sebuah program nasional. Ia bertujuan untuk menyedarkan masyarakat khususnya para pemimpin organisasi untuk merealisasikan nilai-nilai kemanusiaan, prinsip-prinsip kemasyarakatan dan pembangunan mampan dalam kehidupan bermasyarakat. Walau bagaimanapun, kajian empirikal yang berkaitan dengan hal itu menunjukkan bahawa pelaksanaannya adalah terhad kerana dinilai berorientasikan hasil dan bukannya kepada proses pemerksaan. Malahan, kajian empirikal berkaitan KM dalam konteks pemerksaan komuniti di Indonesia adalah terhad. Objektif utama penyelidikan ini adalah untuk membangunkan sebuah model KM untuk menyelaraskan pelaksanaan program pemerksaan komuniti di wilayah Gorontalo, Indonesia. Penyelidikan ini menggunakan kaedah kualitatif dengan pendekatan kajian kes. Temubual separa berstruktur, pemerhatian, dan analisis dokumentasi telah dijalankan untuk mendapatkan data tentang pelaksanaan program pemerksaan komuniti di wilayah Gorontalo, Indonesia. Model Analisis Interaktif dan kaedah Penjodohan Pola telah digunakan untuk menganalisis data dan membangunkan model KM. Hasil penyelidikan menunjukkan bahawa manusia, proses, organisasi, dan teknologi maklumat adalah komponen utama KM dalam konteks pemerksaan komuniti. Hal ini menunjukkan bahawa pembangunan model KM perlu melibatkan seluruh komponen secara seimbang untuk membantu memantapkan pelaksanaan pemerksaan komuniti. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penyelidikan ini turut menyumbang kepada pembentukan model KM untuk pemerksaan komuniti. Selain itu, hasil penyelidikan ini dapat diaplikasikan oleh kerajaan tempatan di peringkat daerah berkenaan pelaksanaan tadbir urus yang baik dan keberkesanan penggunaan teknologi maklumat.

**Kata Kunci:** Model KM, Sistem pengurusan pengetahuan, Pemerksaan komuniti, Tadbir urus baik, Infrastruktur teknologi maklumat.

## Abstract

Currently, Knowledge Management (KM) has become a solution to improve performance of organization. In the meantime, community empowerment is a new paradigm of human development to create, strengthen, and protect potential owned by community. In Indonesia, with regards to the issue of poverty experienced by the poor in urban areas, community empowerment has been regarded as a national programme. The aim is to sensitize the community especially leaders of organizations for the realization of humanitarian values, the principles of sustainable development in the community and community living. However, empirical studies related to it have shown that its implementation is limited because it has been perceived as result based orientation rather than the process of empowerment. In fact, empirical studies related to KM in the context of community empowerment in Indonesia are very limited. The main objective of this research is to develop a KM model to streamline the implementation of community empowerment in the Province of Gorontalo, Indonesia. This research uses qualitative method through case studies. Semi structured interviews, observations, and analysis of documentation was carried out to obtain data on the implementation of community empowerment in the Province of Gorontalo, Indonesia. Interactive Analyze model and Pattern Matching method were used to analyze the data and to develop a KM model. Research results show that people, processes, organization, and Information Technology (IT) are main components of KM in the context of community empowerment. This shows that the development of KM model must involve the entire component in balance to help strengthen the implementation of community empowerment. This research contributes to the establishment of KM model to community empowerment. In addition, the research results can be applied by the local government district with respect to the implementation of good governance and effective use of IT.

**Keywords:** KM model, Knowledge management system, Community empowerment, Good governance, IT infrastructure.

## Penghargaan

Terlebih dahulu saya panjatkan setinggi-tinggi kesyukuran dan pujian kepada Allah SWT atas limpah kudrat dan kurnia-Nya sehingga tesis ini dapat diselesaikan. Shalawat dan salam kepada baginda Nabi Muhammad SAW beserta keluarga dan sahabat hingga akhir zaman.

Pertamanya penghargaan tidak terhingga penyelidik sampaikan kepada Penyelia, iaitu: Yang Berbahagia Profesor Dr. Shahizan Hassan. Setulus penghargaan dan jutaan terima kasih kepada beliau di atas curahan ilmu akademiknya dan kesabaran di atas bimbingan, semangat, nasihat, dan inspirasi yang diberikan kepada saya. Beliau adalah figur utama yang membantu penyelidik untuk menyiapkan tesis ini. Kesediaan beliau meluangkan masa sejak proses pembuatan cadangan, penyelidikan sehingga berakhirnya penulisan tesis ini. Terima kasih diucapkan dan hanya Allah yang dapat membalasnya.

Ucapan terima kasih juga disampaikan kepada pihak UUM khususnya pegawai dan staf SOC di CAS, pegawai dan staf lain dalam persekitaran UUM yang turut membantu saya menyelesaikan tesis ini.

Dorongan, sokongan dan pengorbanan seisi keluarga, isteri Dra. Lailany Yahya, M.Si, dan anakda Rifany Humairah Purnama Katili sangatlah bererti dan boleh dibanggakan. Kepada Allahyarham ibu bapa saya, Ani Dunga dan Saleh G. Katili, terima kasih yang tidak terhingga di atas restu, sokongan, dan galakan di sepanjang perjalanan hidup saya. Terima kasih juga kepada ibu Sartin Abdul Latief, kakak-kakak, adik-adik, dan anak saudara saya di atas sokongan mereka yang tidak dapat disebutkan satu per satu.

Selain itu, saya juga amat berterima kasih kepada Rektor Universitas Negeri Gorontalo yang telah memberi izin kepada saya untuk menyambung pelajaran di Universiti Utara Malaysia dan juga kepada pihak kerajaan daerah Gorontalo, khususnya Gabenor Gorontalo, Bupati Kabupaten Gorontalo, Datuk Bandar Gorontalo, di atas keizinan pengumpulan data di wilayah negeri berkenaan. Kepada seluruh peserta temubual, khususnya perunding, di atas kebaikan hati dalam menyediakan pelbagai data dan maklumat semasa pengumpulan data. Tak lupa juga para pakar yang telah memberikan penilaian kepada model hasil penyelidikan ini.

Akhir sekali, penghargaan dan terima kasih saya rakamkan kepada kawan-kawan yang sentiasa membantu semasa belajar di UUM. Semoga Allah SWT memberikan keberkatanNya kepada kita semua. Aamiin.

# Isi Kandungan

Kebenaran Merujuk.....	i
Abstrak .....	iii
Abstract .....	iv
Penghargaan .....	v
Isi Kandungan .....	vi
Senarai Jadual.....	x
Senarai Rajah .....	xi
Senarai Lampiran .....	xiii
Senarai Singkatan.....	xiv
<b>BAB SATU PENGENALAN.....</b>	<b>1</b>
1.1 Latar Belakang Masalah.....	1
1.2 Pernyataan Masalah .....	6
1.3 Persoalan Penyelidikan .....	9
1.4 Objektif Penyelidikan .....	9
1.5 Skop Penyelidikan .....	10
1.6 Kepentingan Penyelidikan .....	10
1.7 Struktur Tesis Penyelidikan .....	11
1.8 Definisi Terma Utama.....	12
<b>BAB DUA KAJIAN LITERATUR.....</b>	<b>14</b>
2.1 Pengenalan .....	14
2.2 Konsep Pengetahuan .....	14
2.2.1 Data, Maklumat dan Pengetahuan.....	15
2.2.2 Jenis Pengetahuan: Tasit dan Eksplisit.....	17
2.2.3 Kitar Hayat Pengetahuan.....	18
2.3 Konsep Pengurusan Pengetahuan .....	20
2.3.1 Definisi KM.....	21
2.3.2 Aktiviti Manipulasi Pengetahuan .....	23
2.3.3 Faktor-faktor Pemboleh KM .....	27
2.3.4 Pemodelan KM.....	30
2.4 Konsep Pemeraksanaan Komuniti .....	33
2.4.1 Definisi Pemeraksanaan .....	33



2.4.2	Konsep Pemerksaan Komuniti .....	36
2.5	Pemerksaan Komuniti di Indonesia .....	39
2.5.1	Kemiskinan dan Pemerksaan Komuniti di Indonesia.....	39
2.5.2	PNPM Bandar .....	41
2.5.3	Isu-isu Pelaksanaan Program Pemerksaan Komuniti .....	49
2.6	Kajian Terdahulu dalam KM .....	52
2.6.1	KM dalam Syarikat di China.....	52
2.6.2	Faktor-faktor Kritikal Dalam KM Bagi Projek Perniagaan .....	54
2.6.3	Model KM Organisasi Sektor Awam: Satu Kajian Kes.....	55
2.6.4	Satu Kajian Faktor Pemboleh KM di Pelbagai Negara.....	56
2.6.5	Model KM Untuk Menghubungkan Strategi, Faktor Kritikal Kejayaan, Amalan dan Prestasi Organisasi: Kes Universiti di Iran .....	57
2.6.6	Peranan KM dalam Pemerksaan Kakitangan Universiti di Iran.....	58
2.6.7	Peranan KM dalam Pemerksaan Kakitangan Bank di Iran .....	59
2.6.8	Pembangunan Model KM Untuk Menguruskan Masalah Diabetes di Thailand.....	59
2.6.9	Model KM untuk Inovasi .....	60
2.6.10	Model KM untuk Pembelajaran Komuniti di Thailand .....	61
2.6.11	Model Hubungan KM dan Pemerksaan Pekerja .....	63
2.6.12	Implikasi Kajian Lepas Terdahulu Terhadap Penyelidikan .....	64
2.7	Rumusan .....	65
	<b>BAB TIGA METODOLOGI PENYELIDIKAN .....</b>	<b>67</b>
3.1	Pengenalan .....	67
3.2	Pendekatan Penyelidikan .....	67
3.3	Reka Bentuk Penyelidikan .....	68
3.3.1	Reka Bentuk Kajian Kes .....	68
3.3.2	Rangka Kerja Penyelidikan .....	71
3.3.3	Kaedah Penentuan Peserta .....	73
3.3.4	Kaedah Pengumpulan Data .....	75
3.3.5	Kesahan Data.....	80
3.3.6	Analisis Data .....	82
3.4	Rumusan .....	86

<b>BAB EMPAT KEADAAN SEMASA PEMERKASAAN KOMUNITI .....</b>	<b>87</b>
4.1 Pengenalan .....	87
4.2 Deskripsi Provinsi Gorontalo .....	87
4.2.1 Kedudukan Geografi .....	87
4.2.2 Sistem Kerajaan.....	88
4.2.3 Kepadatan Penduduk.....	90
4.3 Isu-isu Kemiskinan di Provinsi Gorontalo.....	92
4.4 Pelaksanaan PNPM Bandar .....	94
4.4.1 Pendekatan Pemerksaan .....	95
4.4.2 Strategi Pemerksaan .....	95
4.4.3 Struktur Pelaksana Program .....	99
4.4.4 Fakta-fakta Pelaksanaan PNPM Bandar .....	102
4.5 Justifikasi Kajian.....	106
4.6 Rumusan .....	107
<b>BAB LIMA DAPATAN KAJIAN.....</b>	<b>108</b>
5.1 Pengenalan .....	108
5.2 Sumber Pengetahuan.....	108
5.2.1 Manusia .....	109
5.2.2 Proses Pemerksaan .....	119
5.2.3 Teknologi.....	121
5.3 Aktiviti Manipulasi Pengetahuan.....	123
5.3.1 Pemerolehan Pengetahuan.....	124
5.3.2 Pengagihan Pengetahuan.....	126
5.3.3 Penggunaan Pengetahuan.....	129
5.3.4 Penyimpanan Pengetahuan.....	132
5.4 Faktor-faktor Penyokong KM.....	136
5.4.1 Keadaan Sumber Manusia.....	137
5.4.2 Keadaan Organisasi.....	140
5.4.3 Keadaan Infrastruktur IT.....	144
5.5 Model KM Untuk Pemerksaan Komuniti .....	147
5.5.1 Pembangunan Model.....	147
5.5.2 Analisis Penjelasan Pembangunan Model.....	153
5.6 Rumusan .....	162

<b>BAB ENAM PERBINCANGAN DAN RUMUSAN.....</b>	<b>165</b>
6.1 Pengenalan .....	165
6.2 KM dan Pemerksaan Komuniti .....	165
6.3 Model KM Untuk Pemerksaan Komuniti .....	174
6.4 Implikasi Penyelidikan.....	192
6.4.1 Implikasi Teori .....	192
6.4.2 Implikasi Praktikal .....	193
6.5 Batasan Penyelidikan .....	194
6.6 Cadangan Penyelidikan Lanjutan.....	195
6.7 Kesimpulan dan Saranan.....	196
6.7.1 Kesimpulan.....	196
6.7.2 Saranan .....	197
<b>RUJUKAN .....</b>	<b>199</b>



**UUM**  
 Universiti Utara Malaysia

## Senarai Jadual

Jadual 1.1 Definisi terma utama.....	12
Jadual 2.1 Data, maklumat, dan pengetahuan .....	16
Jadual 2.2 Perbandingan ciri daripada pengetahuan tasit dan eksplisit .....	18
Jadual 2.3 Ringkasan aktiviti manipulasi pengetahuan.....	24
Jadual 2.4 Ringkasan perbandingan model KM .....	31
Jadual 3.1 Perkaitan persoalan penyelidikan .....	69
Jadual 4.1 Jumlah penduduk provinsi Gorontalo.....	91
Jadual 4.2 Komposisi pasukan fasilitator.....	101
Jadual 6.1 Persamaan KM dan Pemerdayaan Komuniti.....	171
Jadual 6.2 Cadangan pelarasan infrastruktur IT dan aktiviti manipulasi pengetahuan .....	190



**UUM**  
Universiti Utara Malaysia

## Senarai Rajah

Rajah 2.1: Hirarki pengetahuan.....	15
Rajah 2.2: Kitar hayat pengetahuan .....	19
Rajah 2.3: Proses-proses utama KM .....	25
Rajah 2.4: Model manusia, proses, dan teknologi dalam KM .....	28
Rajah 2.5: Faktor-faktor pemboleh KM.....	29
Rajah 2.6: Polisi mengurangkan kemiskinan di Indonesia .....	40
Rajah 2.7: Struktur organisasi pengurusan program .....	48
Rajah 2.8: Tren HDI Indonesia .....	50
Rajah 2.9: Model dinamik KM .....	53
Rajah 2.10: Model konseptual faktor-faktor yang mempengaruhi inisiatif KM.....	54
Rajah 2.11: Model KM organisasi di sektor awam.....	55
Rajah 2.12: Model faktor pemboleh KM .....	56
Rajah 2.13: Model konseptual KM .....	58
Rajah 2.14: Model KM untuk inovasi.....	61
Rajah 2.15: Model KM untuk Pusat Pembelajaran Komuniti.....	62
Rajah 2.16: Model hubungan antara KM dan pemeraksanaan pekerja .....	63
Rajah 3.1: Komponen-komponen penyelidikan.....	70
Rajah 3.2: Jenis reka bentuk kajian.....	71
Rajah 3.3: Rangka kerja penyelidikan .....	72
Rajah 3.4: Kategori peserta.....	74
Rajah 3.5: Kaedah pengumpulan data.....	76
Rajah 3.6: Model Analisis Interaktif.....	83
Rajah 4.1: Peta wilayah Gorontalo .....	88
Rajah 4.2: Hubungan struktural organisasi kerajaan daerah.....	89
Rajah 4.3: Bilangan kemiskinan mengikut provinsi di Indonesia .....	93
Rajah 4.4: HDI mengikut provinsi di Indonesia .....	94
Rajah 5.1: Kitaran masyarakat .....	119
Rajah 5.2: Hubungan sumber pengetahuan dan faktor pemboleh KM .....	148
Rajah 5.3: Hubungan proses pemeraksanaan dan proses KM .....	150
Rajah 5.4: Faktor-faktor pemboleh KM dalam pemeraksanaan komuniti.....	153
Rajah 5.5: Hubungan unsur-unsur subjek pemeraksanaan .....	156
Rajah 5.6: Hubungan faktor pemboleh KM dan aktiviti KM .....	158



## Senarai Lampiran

Lampiran A Surat Izin Penyelidikan Pejabat Kerajaan Bandar Gorontalo.....	213
Lampiran B Surat Izin Penyelidikan Pejabat Kerajaan Kabupaten Gorontalo .....	214
Lampiran C Surat Izin Penyelidikan Pejabat Kerajaan Provinsi Gorontalo .....	215
Lampiran D Protokol Temubual .....	217
Lampiran E Senarai Soalan Temubual.....	220
Lampiran F Senarai Sumber Data .....	222



**UUM**  
Universiti Utara Malaysia

## Senarai Singkatan

Askot	Asisten Koordinator
BKM	Badan Keswadayaan Masyarakat
BLM	Bantuan Langsung Masyarakat
HDI	Human Development Index
IFKD	Indeks Fiskal dan Kemiskinan Daerah
IT	Information Technology
KM	Knowledge Management
KMW	Konsultan Manajemen Wilayah
KMS	Knowledge Management System
Korkot	Koordinator Kota
KSM	Kelompok Swadaya Masyarakat
Musrenbang	Musyawaharah Perencanaan Pembangunan
OSP	Oversight Service Provider
P2KP	Proyek Penanggulangan Kemiskinan Perkotaan
PJM	Perencanaan Jangka Menengah
PJOK	Penanggung Jawab Operasional Kegiatan
PNPM	Program Nasional Pemberdayaan Masyarakat
Pronangkis	Program Penanggulangan Kemiskinan
Satker	Satuan Kerja
SKPD	Satuan Kerja Perangkat Daerah
TKPKD	Tim Koordinasi Penanggulangan Kemiskinan Daerah
TNP2K	Tim Nasional Percepatan Penanggulangan Kemiskinan



# **BAB SATU**

## **PENGENALAN**

### **1.1 Latar Belakang Masalah**

Dalam konteks pembangunan manusia, pemerksaan komuniti adalah satu strategi untuk mengatasi jurang antara kemampuan dan peluang bagi individu untuk mengambil bahagian dalam proses pembangunan masyarakat. Ini dapat dilihat dalam pelaksanaan program pembangunan manusia di pelbagai negara. Di United Kingdom, contohnya, pemerksaan komuniti telah menjadi komponen utama tadbir urus kerajaan tempatan (Adamson & Bromiley, 2008; Mayo, Blake, Diamond, Foot, Gidley, Shukra, & Yarnit, 2009) manakala di Thailand, Sri Langka, Lao PDR, dan Uzbekistan pula telah menjalankan pendidikan tidak formal menggunakan teknologi maklumat (*IT*) (UNESCO, 2005), Sompong dan Rampai (2015).

Konsep pembangunan manusia, di mana pemerksaan komuniti adalah sebahagian daripadanya, diutamakan dan disokong oleh UNDP (Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Program Pembangunan) yang membangunkan Indeks Pembangunan Manusia (*HDI/Human Development Index*) untuk mengukurnya (UNDP, 2010a). HDI adalah jumlah yang diproses daripada penunjuk kesihatan (ukuran *longevity*), pendidikan (ukuran *knowledge*), dan ekonomi (ukuran *living standard*). Konsep pembangunan manusia ini berkait rapat sama ada Pencapaian Matlamat Pembangunan Milenium (*Millenium Development Goals-MDGs*) (Bappenas, 2010) dan Pencapaian Matlamat Pembangunan Berterusan (*Sustainable Development Goals-SDGs*) (UNDP, 2015), di mana kedua-duanya meletakkan manusia sebagai matlamat daripada pembangunan negara.

Di Indonesia, usaha-usaha pemerksaan komuniti telah dibuat oleh kerajaan untuk mengatasi masalah kemiskinan, pendidikan, kesihatan, pemakanan tidak seimbang, dan isu-isu sosial yang lain. Usaha pemerksaan komuniti tersebut dapat dilihat daripada pelbagai jenis pelaburan seperti wang, kemudahan, dan infrastruktur yang disediakan oleh pihak kerajaan dalam Anggaran Pendapatan Perbelanjaan Negara (APBN) dan Anggaran Pendapatan Perbelanjaan Daerah (APBD) kepada pelbagai program pembangunan untuk mempercepatkan aktiviti sosial dan ekonomi masyarakat. Sebagai contoh adalah Program Nasional Pemerksaan Komuniti Mandiri (PNPM Mandiri), di mana ianya telah dilaksanakan sejak dirasmikan oleh Presiden Susilo Bambang Yudhoyono di Palu, Sulawesi Tengah, pada 30 April 2007.

PNPM Mandiri adalah sebuah program pengurangan kemiskinan terbesar yang dilakukan dan memainkan peranan penting dalam konteks pembangunan manusia di Indonesia. Ia merupakan program yang strategik kerana selaras dan bertindak bagi mengurangkan kemiskinan. Menurut TNP2K (2011) program ini bertujuan membantu golongan miskin dalam usaha untuk memperkukuhkan modal, intensif buruh, perkhidmatan kesihatan, pendidikan, dan akses kepada teknologi yang boleh meningkatkan kebajikan golongan miskin. Di samping itu, ia dilaksanakan untuk memperbaiki keberkesanan pengurangan kemiskinan dan mencipta peluang pekerjaan dengan penglibatan komuniti, bermula dengan fasa perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian. Konsep utama program ini adalah “daripada, oleh, dan untuk masyarakat”, di mana kerajaan tempatan tidak terlibat secara langsung dalam pelaksanaan program ini kecuali hanya sebagai penyelia. Keutamaan (*flagship*) program ini adalah untuk mencapai pengurangan sebanyak 50 peratus penduduk miskin di Indonesia pada tahun 2015 (Ditjen Cipta Karya, 2012).

Berdasarkan keterangan di atas, difahami bahawa program pemerksaan komuniti PNPM Mandiri dijalankan sebagai strategi pengurangan kemiskinan melalui usaha memperkukuhkan keseluruhan potensi dari sumber-sumber tempatan (alam sekitar, teknologi, sosial, kebudayaan, dan ekonomi) berasaskan pada sumber manusia. Selain itu, ianya dilaksanakan untuk menyokong peningkatan HDI dan pencapaian sasaran MDGs (Ditjen Cipta Karya, 2012).

Akan tetapi kajian daripada pelbagai pihak, iaitu: UNDP dan Kementerian Perancangan Pembangunan Nasional/Badan Perancangan Pembangunan Nasional Indonesia (Bappenas) menunjukkan bahawa pembangunan manusia di Indonesia walaupun telah menunjukkan kejayaan, tetapi masih menghadapi masalah dan cabaran. Laporan UNDP pada tahun 2010 menunjukkan tahap HDI Indonesia adalah masih di peringkat 108 dari 193 negara-negara di dunia atau peringkat 6 di negara-negara ASEAN (UNDP, 2010a). Manakala pada tahun 2015, nilai HDI ialah 0.689, sehingga Indonesia masih di peringkat 113 daripada 188 negara di dunia atau tergolong dalam kategori pembangunan manusia peringkat sederhana (UNDP, 2016).

Merujuk kepada laporan pencapaian MDGs di Indonesia yang dikeluarkan oleh Bappenas (2010) mencatatkan kes yang sama. Sebagai contoh, daripada segi mengatasi kemiskinan dan kelaparan. Pada tahun 2009, tahap kemiskinan menurun 14.5 peratus daripada tahun 2010 kepada 13.33 peratus, tetapi jurang antara kadar kemiskinan di kalangan negeri-negeri yang masih ketara. Ia juga sesuai data daripada 33 negeri di Indonesia, iaitu: 17 negeri mempunyai tahap kemiskinan di bawah purata negara, dan 16 negeri-negeri lain mempunyai tahap kemiskinan yang melebihi purata kebangsaan. Di sisi lain, tahap kemiskinan di kawasan luar bandar masih lebih tinggi daripada di kawasan bandar. Manakala tahap kemiskinan di kawasan luar

bandar di Indonesia adalah 16.56 peratus pada tahun 2010 berbanding hanya 9.87 peratus di kawasan bandar.

Adapun pada tahun 2016, mengikut BPS (2016) tentang profil kemiskinan di Indonesia, kadar penduduk miskin di kawasan bandar pada Mac 2016 berkurangan 7.79 peratus daripada September 2016 kepada 7.73 peratus. Begitu juga kadar penduduk miskin di luar bandar menurun daripada 14.11 peratus pada Mac 2016 menjadi 13.96 peratus pada September 2016. Walaupun dalam tempoh Mac 2016–September 2016 kadar kemiskinan menurun, tetapi bilangan orang miskin di kawasan bandar meningkat sebanyak 0.15 juta orang (10.34 juta orang menjelang Mac 2016 menjadi 10.49 juta orang menjelang September 2016). Manakala di luar bandar menurun sebanyak 0.39 juta orang (17.67 juta orang menjelang Mac 2016 menjadi 17.28 juta orang pada September 2016).

Fakta-fakta yang lain datang daripada pelbagai kajian yang menunjukkan bahawa program pemeraksanaan komuniti untuk menyelesaikan masalah kemiskinan adalah kurang berjaya dalam mencapai matlamat yang ditetapkan, apatah lagi ianya dinilai gagal. Pada tahun 2010, Laporan Tahunan PNPM Mandiri menunjukkan bahawa masalah utama program ini berkait rapat dengan operasi dan kawalan yang lemah, pelan kerja tidak dikawal ketat dan berdisiplin (Ditjen PMD Kemdagri, 2010). Manakala daripada kajian yang dijalankan oleh kumpulan penyelidik INFID (2010) di tiga negeri di Indonesia, iaitu: Nusa Tenggara Barat (NTB), Nusa Tenggara Timur (NTT), dan Sumatera Utara, bahawa amalan daripada program pemeraksanaan komuniti lebih berorientasikan hasil dan bukan proses memperkasakan. Kumpulan penyelidik itupun secara tegas mencadangkan menghentikan program tersebut

kerana ia tidak mempunyai kesan positif untuk meningkatkan kuasa dan kemampuan berdikari komuniti miskin.

Perkara yang sama berlaku dalam pelaksanaan program PNPM Bandar di empat provinsi di Indonesia, iaitu: Jawa Barat, Jawa Tengah, Kepulauan Bangka Belitung, dan Sulawesi Selatan (Kementerian Pekerjaan Umum, 2011). PNPM Bandar adalah bahagian daripada PNPM Mandiri (lihat muka surat 41). Daripada model pengurusan program PNPM Bandar yang sedang dijalankan di kawasan tersebut, aspek-aspek yang dinilai belum baik, iaitu: penggunaan teknologi, prinsip kesetaraan, kewangan, prinsip pengagihan, ketelusan dan akauntabiliti, prinsip pembangunan sumber manusia, prioriti, kerjasama, autonomi, penyertaan, tenaga, dan motivasi. Manakala kajian Setiyanik (2015) di Provinsi Jawa Tengah pula menunjukkan bahawa ianya berkaitan dengan masalah pendampingan (*facilitation*) program di peringkat komuniti, latihan dan bimbingan komuniti melalui perkongsian. Ia pula mencadangkan perlunya penyederhanaan pelaksanaan program di peringkat komuniti. Di samping itu, perlu dilaksanakan latihan dan pembinaan kepada masyarakat dengan melibatkan pihak berkepentingan yang lain (pekongsi). Tambahan pula, fasilitator perlu untuk memahami ciri-ciri masyarakat setempat.

Daripada huraian di atas, jelas menunjukkan bahawa usaha-usaha pihak kerajaan untuk menjalankan program pemerksaan komuniti melalui program PNPM Mandiri, khususnya PNPM Bandar di pelbagai di kawasan di Indonesia masih mengalami masalah dan halangan dalam pelaksanaannya. Merujuk kepada Chambers (1995), perkara itu boleh disebabkan oleh kelemahan kefahaman asas, reka bentuk, dan proses pelaksanaan, di mana ianya hanya dilihat sebagai platform untuk memberi bantuan kewangan kepada masyarakat, terutamanya golongan miskin.

Walau bagaimanapun, mengikut World Bank (2002), untuk mencapai kejayaan program pemerksaan komuniti, ianya boleh merujuk kepada unsur-unsur, iaitu: akses kepada maklumat, perangkuman dan penyertaan, akauntabiliti, dan kapasiti organisasi tempatan. Malah, arahan-arahan World Bank itu boleh menjadi rujukan bahawa masalah dalam program pemerksaan komuniti terletak kepada reka bentuk program, pengurusan program, dan teknologi yang digunakan.

Sementara itu, menurut Parpart *et al.*, (2003), pemerksaan adalah sebuah proses sosial yang hasilnya boleh diperbaiki dan dinilai. Selain itu, pemerksaan tidak mengambil berat tentang keputusan/hasil sahaja, tetapi juga adalah dalam proses. Kajian yang dijalankan oleh Hur (2006) juga menyatakan bahawa penyelidikan ke atas pemerksaan lebih tertumpu kepada hasil daripada proses. Oleh itu, usaha-usaha untuk mengatasi kemiskinan dan isu-isu untuk meningkatkan kapasiti sumber manusia adalah perlu untuk menyokong pencapaian maklumat program pemerksaan komuniti, memandangkan ia adalah satu proses yang memberi tumpuan kepada sumber manusia.

## **1.2 Pernyataan Masalah**

Dalam konteks pembangunan daerah, di provinsi Gorontalo telah dijalankan program pemerksaan komuniti untuk pengurangan kemiskinan bahkan pada tahun 2004 ianya telah menjadi sebuah kawasan perintis bagi projek memperkasakan komuniti di Indonesia (rujuk [www.gorontalo.gov.id](http://www.gorontalo.gov.id)). Pada tahun 2004 itu pula, program pemerksaan komuniti bermula dijalankan yang semasa itu dipanggil sebagai Program Pengurangan Kemiskinan Bandar (P2KP). Kemudian diteruskan dengan program PNPM Bandar pada tahun 2007 sehingga saat ini (tahun 2017) ianya dikenali sebagai program Kotaku (rujuk <http://kotaku.pu.go.id/>).

Berdasarkan huraian di atas, program pemerksaan komuniti telah lama dijalankan sebagai pilihan utama pengurangan kemiskinan di Provinsi Gorontalo. Walaupun strategi dan polisi telah ada dan jelas, akan tetapi untuk saat ini pelaksanaan program pengurangan kemiskinan tersebut belum optimum, manakala sumber manusia yang dimiliki juga belum memadai, yang juga menjadi masalah dan cabaran yang besar dalam pelaksanaan program pemerksaan komuniti di Gorontalo (Ismail, 2010; Muhammad, 2009; UNDP, 2010b; BPS Provinsi Gorontalo, 2016). Hasil kajian Kadji (2011) pula menunjukkan bahawa pelaksanaan program pemerksaan komuniti (PNPM Bandar) di Bandar Gorontalo masih belum mencapai matlamat yang diharapkan. Terutamanya dalam proses komunikasi, kewujudan sumber-sumber, dan penyertaan komuniti dalam pelaksanaan program tersebut.

Merujuk kepada pendekatan yang digunapakai untuk pengurangan kemiskinan dalam program PNPM Bandar, hakikatnya ia dijalankan untuk membangunkan kesedaran kritikal kepada masyarakat dan kerajaan tempatan tentang nilai-nilai kemanusiaan, prinsip-prinsip kemasyarakatan, dan prinsip-prinsip pembangunan mampan sebagai asas yang kukuh untuk membina sebuah masyarakat yang berdikari (Ditjen Cipta Karya, 2012). Walaupun asas pendekatan yang digunakan adalah sama, namun pelaksanaan program di setiap daerah perlu strategi tersendiri dalam penubuhan dan mengurus kepentingan masyarakat dan kerajaan yang selaras dengan ciri-ciri dan keadaan sumber-sumber tempatan sehingga menjadi berkesan dan konsisten.

Dalam literatur KM, penyelidik mendapati bahawa KM dalam organisasi mempunyai peranan strategik dan telah menjadi satu penyelesaian yang berkesan untuk meningkatkan prestasi organisasi. Ini termasuklah organisasi di sektor awam (Acheampong & Kandadi, 2008; Arpaci, 2009; Cong & Pandya, 2003; Girard &

McIntyre, 2010; Jain, 2009; de Lusignan, Pritchard, & Chan, 2002; McAdam & Reid, 2000; McNabb, 2007; Misra, Hariharan, & Khaneja, 2003; Nair, 2005; Osborne & Gaebler, 1995; Pee & Kankanhalli, 2008; Riege & Lindsay, 2006; Zhang, 2010), organisasi di sektor swasta (Azyantie & Shahizan, 2006; Mvungi & Jay, 2005) dan organisasi bukan kerajaan (*NGO*) (Hurley & Green, 2005).

Akan tetapi daripada kajian awal penyelidikan, masih sedikit kajian empirikal mengenai inisiatif KM untuk pemeraksanaan komuniti, terutamanya di Indonesia. Walau bagaimanapun, terdapat pelbagai kajian yang mengaitkan antara KM dan pemeraksanaan di luar negara, iaitu: peranan KM dalam pemeraksanaan staf universiti di Iran (Azizollah, Elahe, Zhara & Shirvan, 2013), pembangunan model KM untuk mengukuhkan pembelajaran komuniti di Thailand (Sompong & Rampai, 2015), peranan KM dalam pemeraksanaan staf bank di Iran (Ahmadi, Hoseinipour & Ghahramani, 2014), penerapan KM untuk pemeraksanaan komuniti di Thailand (Viriyavipart, Dangharn & Bualakun (2014), dan KM untuk memperkasakan pekerja (Hasani & Sheikhesmaeili, 2016).

Dalam literatur, inisiatif KM untuk mencipta nilai dan kelebihan daya saing adalah untuk mengoptimumkan proses mencipta, berkomunikasi, dan menggunakan semua pengetahuan yang diperlukan untuk mencapai matlamat organisasi (Tiwana, 2001). Manakala KM yang berkesan boleh meningkatkan keupayaan individu dan daya saing organisasi (Cong & Pandya, 2003; Schulz & Jobe, 2001). Perkara itu pada peringkat individu ditakrifkan untuk meningkatkan kemahiran dan pengalaman melalui kerjasama dan perkongsian pengetahuan, sementara di peringkat organisasi dapat meningkatkan prestasi organisasi dari segi kecekapan, produktiviti, kualiti, dan inovasi.



Berdasarkan penerangan di atas, pendekatan KM yang berkaitan dengan program pengurangan kemiskinan masih berkurangan. Khususnya inisiatif KM untuk memperkasakan komuniti di kawasan bandar provinsi Gorontalo di Indonesia. Oleh itu, penyelidik mencadangkan sebuah inisiatif KM bagi memperkembangkan program pemerksaan komuniti di kawasan bandar. Cadangan penyelidikan ini sebagai satu strategi untuk mengukuhkan keupayaan komuniti dan kerajaan tempatan untuk mempertingkatkan kebolehcapaian matlamat program pemerksaan komuniti di provinsi Gorontalo.

Penyelidikan ini berkaitan dengan isu-isu peningkatan kerjasama (*collaboration*) dan kemampanan (*sustainability*) dalam program pengurangan kemiskinan. Ini adalah penting bagi menambah nilai kepada usaha memperkukuhkan nilai-nilai kemanusiaan, prinsip-prinsip kemasyarakatan (tadbir urus baik) serta prinsip-prinsip pembangunan mampan yang menjadi asas kepada pembinaan masyarakat berdikari sesuai matlamat program pemerksaan komuniti.

### **1.3 Persoalan Penyelidikan**

Penyelidikan ini bertujuan untuk mengeksplorasi konsep KM dalam proses pemerksaan komuniti. Dua persoalan penyelidikan telah dikenalpasti iaitu:

- (i) Bagaimanakah KM boleh diintegrasikan dalam proses pemerksaan komuniti?
- (ii) Bagaimanakah KM boleh digunakan dengan cara yang sesuai untuk memantapkan pelaksanaan pemerksaan komuniti?

### **1.4 Objektif Penyelidikan**

Objektif utama penyelidikan ini adalah untuk membangunkan sebuah model KM untuk pemerksaan komuniti. Objektif khusus penyelidikan ini adalah:

- (i) Untuk mengenal pasti sumber pengetahuan yang wujud dalam proses pemeraksanaan komuniti.
- (ii) Untuk menganalisis konsep KM dalam proses pemeraksanaan komuniti menggunakan sumber pengetahuan yang dikenalpasti.
- (iii) Untuk membina satu model KM untuk pemeraksanaan komuniti.

### **1.5 Skop Penyelidikan**

Dalam penyelidikan ini, penyelidik telah menetapkan fokus penyelidikan kepada aktiviti KM dan faktor pemboleh KM dalam konteks proses pemeraksanaan komuniti bagi meningkatkan keberkesanan objektif program PNPM Bandar. Selain itu, penyelidik menggunakan pendekatan kualitatif dan strategi kajian kes.

Satu lagi batasan adalah wilayah Kabupaten Gorontalo dan Bandar Gorontalo, di Provinsi Gorontalo, Indonesia sebagai lokasi penyelidikan. Kedua wilayah tersebut telah dipilih sebagai lokasi penyelidikan kerana pada masa ini ia telah mengambil bahagian dalam program pemeraksanaan komuniti (PNPM Bandar). Selain itu, provinsi Gorontalo pula dipilih berdasar kepada kapasitinya sebagai satu kawasan perintis bagi projek pemeraksanaan komuniti di Indonesia. Walau bagaimanapun, pada masa ini, Gorontalo masih termasuk wilayah dengan kadar kemiskinan tertinggi, iaitu peringkat lima (5) di Indonesia (Bappenas, 2013; BPS, 2016).

### **1.6 Kepentingan Penyelidikan**

Terdapat dua sebab utama yang menjadi teras penyelidikan ini, iaitu:

- (i) Penyelidikan KM yang dikaitkan dengan pemeraksanaan komuniti setakat pengetahuan penyelidik belum pernah dilakukan di Indonesia khususnya di Provinsi Gorontalo. Oleh itu, hasil penyelidikan boleh membantu memberikan

nasihat dan input kepada kerajaan daerah untuk memperbaiki rekabentuk program, pengurusan program dan penggunaan IT yang diterima pakai, sekaligus meningkatkan kualiti pelaksanaan program pemerksaan komuniti yang dicadangkan berasaskan pengetahuan. Selain itu, ia boleh menjadi satu strategi yang lebih berkesan bagi pelaksanaan program pembangunan manusia di Indonesia dan negara-negara sekitar.

- (ii) Kajian ini menyelidiki konsep KM dalam konteks pemerksaan komuniti menggunakan strategi kajian kes. Ini boleh menjadi sebahagian daripada penyelidikan dalam bidang KM dan pemerksaan komuniti. Terutamanya ia akan memperkaya konsep/teori KM dan model pemerksaan komuniti. Tambahan pula, penyelidikan ini untuk mengisi kekosongan dalam penyelidikan bidang KM yang berkaitan dengan konsep pemerksaan komuniti.

### **1.7 Struktur Tesis Penyelidikan**

Tesis penyelidikan ini terdiri daripada enam bab, iaitu:

- (i) Bab Satu, membincangkan latar belakang masalah, pernyataan masalah, persoalan penyelidikan, objektif penyelidikan, skop penyelidikan, kepentingan penyelidikan, struktur tesis penyelidikan, dan definisi terma utama.
- (ii) Bab Dua, membincangkan konsep pengetahuan, KM, pemerksaan komuniti, amalan dan isu-isu pemerksaan komuniti di Indonesia, dan kajian terdahulu dalam bidang KM.
- (iii) Bab Tiga, membincangkan metodologi penyelidikan yang dijalankan, iaitu: pendekatan penyelidikan, reka bentuk penyelidikan termasuklah reka bentuk kajian kes, rangka kerja penyelidikan, kaedah penentuan peserta, kaedah pengumpulan data, kesahan data, analisis data, dan proses analisis data.

- (iv) Bab Empat, membincangkan keadaan semasa pemerksaan komuniti. Bab ini menghuraikan mengenai deskripsi daerah Provinsi Gorontalo, isu kemiskinan, pelaksanaan program PNPM Bandar, termasuklah pendekatan, strategi, struktur pelaksana, dan fakta-fakta pelaksanaan program. Selanjutnya diterangkan justifikasi kajian tentang keadaan semasa pemerksaan komuniti di Provinsi Gorontalo, khususnya pelaksanaan PNPM Bandar.
- (v) Bab Lima membincangkan Dapatan Kajian. Pada bab ini dihuraikan tema dapatan kajian tentang sumber pengetahuan, aktiviti manipulasi pengetahuan, faktor-faktor penyokong KM, dan model KM untuk pemerksaan komuniti.
- (vi) Bab Enam, memuatkan Perbincangan dan Rumusan. Pada bab ini dibincangkan tentang KM dan Pemerksaan Komuniti serta model KM untuk pemerksaan komuniti, implikasi penyelidikan sama ada teori dan praktikal, batasan penyelidikan, dan cadangan penyelidikan lanjutan, termasuklah kesimpulan dan saranan.

## 1.8 Definisi Terma Utama

Jadual 1.1

*Definisi terma utama*

Terma	Definisi
Aktiviti manipulasi pengetahuan ( <i>knowledge manipulation activity/knowledge activity</i> )	Transaksi atau manipulasi pengetahuan, di mana pengetahuan adalah objek, tidak hasilnya (Kraaijenbrink <i>et al.</i> , (2006) dalam Heavin & Adam, 2012).
Faktor pemboleh KM ( <i>KM enablers</i> )	Faktor-faktor organisasi yang membantu pembangunan pengetahuan melalui proses KM (Anderson, 1997 dalam Khianmeesuk, 2013).
Infrastruktur IT ( <i>IT infrastructure</i> )	Pelbagai perkakasan, perisian, komunikasi, data, aplikasi, kemahiran, kebolehan, dan faktor pekerja (Wei & Yeganeh, 2013).

Jadual 1.1 sambungan ..

Inisiatif ( <i>initiative</i> )	Kebolehan untuk melihat apa-apa yang perlu dilakukan dan berusaha pula untuk menjayakannya. (Kamus Bahasa Melayu dalam <a href="http://prpm.dbp.gov.my/">http://prpm.dbp.gov.my/</a> )
Komuniti ( <i>community</i> )	Sekumpulan manusia yang mendiami kawasan di mana semua ahli berinteraksi antara satu sama lain, mempunyai pembahagian peranan dan status yang jelas, mempunyai keupayaan untuk menyediakan tetapan bagi ahli-ahli (Warren dalam Ndraha, 1990)
Pembelajaran ( <i>learning</i> )	Proses mendapatkan pengetahuan dan dilanjutkan dengan penghakikian pengetahuan yang dimiliki sebelum ini (Kim, 1993)
Pemeriksaan komuniti ( <i>community empowerment</i> )	Pembangunan aset dan keupayaan golongan miskin untuk menyertai, berunding, pengaruh, kawalan, dan tanggungjawab dalam institusi yang memberi kesan kepada kehidupan mereka (World Bank, 2002).
Pengurusan pengetahuan ( <i>knowledge management/KM</i> )	Proses yang sistematik dan integratif dalam menyelaraskan aktiviti-aktiviti organisasi untuk memperoleh, mencipta, menyimpan, perkongsian, membangun, dan menyebarkan pengetahuan oleh individu-individu dan kumpulan untuk mencapai matlamat organisasi (Rastogi, 2000).
Sistem pengurusan pengetahuan ( <i>knowledge management system/KMS</i> )	Sistem yang digunakan untuk membuat repositori pengetahuan, meningkatkan akses dan berkongsi pengetahuan, serta berkomunikasi melalui kerjasama dan menguruskan pengetahuan sebagai aset dalam organisasi pembelajaran (Abdullah <i>et al.</i> , 2005).
Sumber pengetahuan ( <i>knowledge source</i> )	Tempat punca pengetahuan dijanakan atau dikeluarkan. Pemilik pengetahuan (Munir, 2008).
Tadbir urus baik ( <i>good governance</i> )	Suatu perjanjian berkenaan peraturan negara yang dibentuk bersama oleh kerajaan, masyarakat dan sektor swasta (UNDP, 1997).

## **BAB DUA**

### **KAJIAN LITERATUR**

#### **2.1 Pengenalan**

Bab ini menerangkan konsep dan teori Pengurusan Pengetahuan (KM), yang menjadi asas penyelidikan. Bermula dari perbincangan mengenai konsep Pengetahuan dan KM. Kemudian membincangkan konsep Pemerksaan Komuniti dan amalan pemerksaan komuniti di Indonesia, termasuklah isu-isu pelaksanaan program pemerksaan komuniti. Seterusnya pada akhir bab ini membincangkan pelbagai kajian mengenai model KM dan inisiatif KM yang berkaitan dengan pemerksaan daripada kajian lepas terdahulu.

#### **2.2 Konsep Pengetahuan**


Hari ini pengetahuan telah menjadi satu faktor produksi yang sangat strategik bagi individu dan organisasi. Ini ditunjukkan oleh mengecutnya pelaburan yang diperuntukkan bagi barangan fizikal (*physical goods*), manakala bagi faktor tak wujud mempunyai pelaburan yang lebih besar (Tojo, 2008). Untuk mengekalkan daya saing, cabaran yang dihadapi oleh organisasi dalam hal ini, adalah: kerjasama, inovasi, adaptasi, penguasaan teknologi dan pasaran dan penguasaan aset intelek bagi organisasi. Cabaran-cabaran ini perlu menggalakkan kemunculan pelaksanaan KM dalam organisasi.

Di peringkat yang paling asas, pengetahuan benar-benar dicipta oleh individu-individu yang wujud dalam organisasi. Menurut Garcia (2006) aset-aset pengetahuan organisasi terbahagi kepada dua lokus, iaitu: 80 peratus dimiliki oleh individu dalam ingatan mereka, manakala 20 peratus lagi adalah pengetahuan yang tertulis

(dokumentasi). Sehubungan dengan itu, Davenport dan Prusak (1988) menyatakan bahawa di dalam organisasi, pengetahuan boleh wujud dalam artifak-artifak seperti dokumen, video, audio, atau repositori dan rutin organisasi, proses, amalan dan norma-norma.

### 2.2.1 Data, Maklumat dan Pengetahuan

Dalam organisasi, pengetahuan mempunyai kedudukan yang berbeza berbanding dengan data dan maklumat. Data berada di dalam dunia, pengetahuan di dalam diri manusia, manakala maklumat mengambil kedudukan sebagai perantara antara data dan manusia. Kedudukan tiga elemen ini adalah seperti bentuk piramid (Rajah 2.1).



Rajah 2.1: Hirarki pengetahuan

Sumber: Kompilasi daripada Burton-Jones (1999); Knigth dan Howes (2003)

Walaupun hirarki ketiga-tiga elemen tersebut mempunyai nilai-nilai yang berbeza, tetapi ia bukanlah mudah untuk memisahkan antara satu sama lain. Berdasarkan nilainya, maklumat adalah data yang ditapis dan ditafsirkan, demikian halnya dengan

pengetahuan adalah maklumat yang ditapis dan ditafsirkan. Dalam konteks ini, data dan maklumat bukan pengetahuan sehingga diketahui cara untuk mengorek makna atau nilai kedua-duanya.

Oleh itu, pengetahuan bukanlah data atau maklumat (Alavi & Leidner, 2001). Pengetahuan ialah kefahaman, yang diperoleh melalui pengalaman, penaakulan, intuisi, dan pembelajaran (Cong & Pandya, 2003). Di samping itu, perbezaan di antara data, maklumat, dan pengetahuan ditunjukkan dalam Jadual 2.1.

Jadual 2.1

*Data, maklumat, dan pengetahuan*

<b>Pengarang</b>	<b>Data</b>	<b>Maklumat</b>	<b>Pengetahuan</b>
Ackof (1989)	Simbol-simbol	Data yang diproses menjadi berguna; menyediakan jawapan soalan "siapa", "apa", "di mana", dan "apabila"	Aplikasi data dan maklumat; jawapan soalan "Bagaimana".
Nonaka dan Takeuchi (1995)	-	Aliran mesej bermakna	Komitmen dan kepercayaan yang dicipta dari mesej-mesej ini.
Wiig (1997)	-	Fakta organisasi untuk menggambarkan keadaan atau syarat	Kebenaran dan kepercayaan, perspektif dan konsep, penilaian dan jangkaan, kaedah dan tahu bagaimana
Spek dan Spijkervet (1997)	Simbol belum ditafsirkan	Data dengan makna	Kemampuan untuk membezakan makna
Davenport (1997)	Pemerhatian mudah	Data dengan kaitan dan tujuan	Maklumat yang berharga dari minda manusia
Quigley dan Debbons (1997)	Teks yang tidak menjawab soalan-soalan kepada masalah tertentu	Teks yang menjawab soalan-soalan siapa, apabila, apa atau di mana	Teks yang menjawab soalan-soalan mengapa dan bagaimana
Choo et.al (1998)	Fakta dan mesej	Data yang terletak hak dengan makna	Wajar, kepercayaan yang benar
Davidson dan Voss (2002)	Fakta dan simbol-simbol	Fakta yang ditafsirkan daripada data	Idea-idea, pemikiran dan kepercayaan

Sumber: Stenmark (2002)



### **2.2.2 Jenis Pengetahuan: Tasit dan Eksplisit**

Telah difahami bahawa individu merupakan pemacu utama bagi sesebuah organisasi. Dalam kes ini, keupayaan organisasi untuk mencipta inovasi produk dan perkhidmatan mempunyai kebergantungan kepada pengetahuan individu di dalamnya. Seperti menurut Nonaka dan Takeuchi (1995) bahawa keupayaan inovatif organisasi berakar dalam keupayaan untuk menggunakan pengetahuan yang dimiliki oleh individu yang wujud dalam organisasi. De Geus (1997) pun telah menyatakan bahawa terdapat hubung kait antara syarikat-syarikat yang berhayat panjang dengan keupayaan individu untuk menguruskan pengetahuan. Dalam hal ini, difahami bahawa penciptaan pengetahuan merupakan satu proses, di mana pengetahuan pada asasnya berasal daripada individu dan fungsi organisasi hanya memberi sokongan atau menyediakan konteks bagi individu untuk mencipta pengetahuan.

Polanyi seperti yang dicatat dalam Nonaka dan Takeuchi (1995) menjelaskan bahawa pengetahuan terdiri daripada dua jenis, iaitu: tasit dan eksplisit. Pengetahuan tasit adalah pengetahuan peribadi, yang tertanam dalam minda individu dan ia wujud sebagai kepercayaan peribadi, perspektif, naluri, dan nilai-nilai. Pengetahuan eksplisit adalah pengetahuan yang didokumentasikan dalam bahasa rasmi dan mudah dihantar antara individu. Cong dan Pandya (2003) membahagikan pengetahuan eksplisit kepada dua kategori: (1) berstruktur, dan (2) yang tidak berstruktur. Pengetahuan berstruktur adalah maklumat yang disusun dengan cara yang khusus untuk pencarian seterusnya, antara lain dokumen, pangkalan data, dan lain-lain. E-mel, gambar, bahan latihan, audio dan video adalah contoh pengetahuan yang tidak berstruktur.

Sifat-sifat utama pengetahuan tasit dan eksplisit ditunjukkan pada Jadual 2.2.

## Jadual 2.2

*Perbandingan ciri daripada pengetahuan tasit dan eksplisit*

<b>Ciri daripada Pengetahuan Tasit</b>	<b>Ciri daripada Pengetahuan Eksplisit</b>
Kemampuan menyesuaikan diri, untuk berhadapan dengan situasi yang baharu dan luar biasa	Kemampuan untuk menyebarkan, menghasilkan semula, mengakses dan membuat permohonan semula di seluruh organisasi
Kepakaran, pengetahuan, tahu - mengapa dan menjaga-mengapa	Kemampuan untuk mengajar, untuk melatih
Kemampuan untuk bekerjasama, berkongsi wawasan untuk menghantar budaya	Kemampuan untuk mengatur, sistematik; untuk menterjemahkan wawasan ke dalam pernyataan misi, ke dalam garis panduan operasi
Latihan dan bimbingan untuk memindahkan pengalaman berasas pada satu ke satu, muka ke muka	Pemindahan pengetahuan melalui produk dan perkhidmatan, dan proses yang didokumentasikan.

Sumber: Dalkir (2005)

### **2.2.3 Kitar Hayat Pengetahuan**

Dalam tahap individu dan organisasi, perubahan maklumat kepada pengetahuan dirumuskan oleh Nonaka dan Takeuchi (1995) dalam empat mod penukaran pengetahuan. Aliran dalam penukaran di atas dirujuk sebagai "Kitar Hayat Pengetahuan".

Empat mod tersebut iaitu:

(i) Pengetahuan tasit – pengetahuan tasit

Mod yang pertama, iaitu penukaran pengetahuan daripada pengetahuan tasit ke pengetahuan tasit dipanggil Sosialisasi. Dalam hal ini, pengetahuan tasit diubah melalui interaksi antara individu manakala ia berkait rapat dengan unsur-unsur emosi dan konteks nuansa individu.

(ii) Pengetahuan tasit – pengetahuan eksplisit

Mod kedua adalah penukaran pengetahuan tasit ke pengetahuan eksplisit yang dipanggil Pensuratan.


(iii) Pengetahuan eksplisit – pengetahuan eksplisit

Mod ketiga, iaitu penukaran pengetahuan eksplisit ke pengetahuan eksplisit. Proses ini berlaku melalui proses yang menggabungkan pelbagai pengetahuan eksplisit yang dipunyai individu, yang dikenali sebagai Kombinasi.

(iv) Pengetahuan eksplisit – pengetahuan tasit

Mod keempat melalui aktiviti menukar pengetahuan eksplisit ke pengetahuan tasit yang mana aktiviti itu serupa dengan aktiviti yang telah sering dilakukan untuk menimba pengetahuan, melalui aktiviti-aktiviti pembelajaran. Aktiviti ini dikenali sebagai Pensiratan.

Kitar hayat pengetahuan ini dikenali sebagai proses penciptaan pengetahuan (Rajah 2.2.).



Rajah 2.2: Kitar hayat pengetahuan

Sumber: Nonaka dan Takeuchi (1995)

Kitar hayat pengetahuan berlaku melalui aktiviti menangkap idea-idea pengetahuan tasit dan pengetahuan eksplisit. Kedua-duanya adalah saling melengkapi dan berkembang melalui proses interaksi bersama. Mod penukaran pengetahuan ini dikenali sebagai model *SECI*. Model *SECI* ini menunjukkan kitar hayat pengetahuan sebagai proses penciptaan pengetahuan yang terdiri daripada empat aktiviti berdasarkan kepada pengetahuan tasit dan eksplisit.

### **2.3 Konsep Pengurusan Pengetahuan**

Kedudukan strategik pengetahuan dalam membina daya saing organisasi, telah meningkatkan kesedaran pelbagai pihak untuk melaksanakan KM ke dalam strategi perniagaan organisasi. Ini disokong oleh kajian para penyelidik dan pengamal yang menunjukkan bahawa organisasi yang menganggap sumber-sumber pengetahuan sebagai aset utama, sentiasa mampu untuk mendorong organisasi lebih inovatif daripada pesaingnya. Walau bagaimanapun timbul soalan, iaitu bagaimanakah untuk menguruskan pengetahuan? Menurut Cong dan Pandya (2003) KM adalah berkait rapat dengan keputusan untuk menentukan siapa yang akan berkongsi pengetahuan, bagaimanakah untuk menyebarkan pengetahuan kepada yang patut menerimanya, dan bagaimanakah untuk menggunakannya. Oleh yang demikian, pada dasarnya KM berkaitan dengan proses untuk mendapatkan pengetahuan yang betul, diagihkan kepada orang yang sesuai, dan pada masa yang tepat.

Bersama-sama dengan meningkatnya persaingan di antara organisasi pada era pengetahuan pada masa ini, cabaran yang semakin meningkat adalah bagaimanakah untuk menangani keperluan peningkatan keberkesanan penggunaan pengetahuan untuk mencapai matlamat organisasi. Di samping itu, aktiviti-aktiviti perniagaan

organisasi yang dicetuskan oleh perkembangan ICT juga menyumbang kepada semakin pentingnya peranan KM.

Sebagai sumber kekuatan organisasi, fokus KM adalah kepada tiga soalan teras (Carnes, 2002), iaitu: (1) apakah pengetahuan yang diperlukan untuk mencapai objektif organisasi? (2) bagaimana untuk mendapatkan pengetahuan yang diperlukan? (3) bagaimana untuk mempraktikkan pengetahuan yang diperlukan? Jawapan kepada soalan-soalan ini menunjukkan bahawa pelaksanaan KM bertujuan untuk mewujudkan nilai aset pengetahuan dan kecekapan dalam organisasi.

### **2.3.1 Definisi KM**

Pada peringkat saintifik, KM adalah subjek yang luas dan merangkumi pelbagai aspek dan bidang ilmu seperti ICT, Sains Maklumat, Sistem Sains dan Kejuruteraan, Kejuruteraan Pengetahuan, Kerjasama Kejuruteraan, Pembangunan Organisasi, Pengurusan Perubahan, Pengurusan Prestasi, dan lain-lain (Bahra, 2001; Carnes, 2002; Dalkir, 2005; Kuriakose, Raj, Satya, & Swaminathan, 2010). Oleh yang demikian, takrifan KM adalah pelbagai, manakala Earl (1999) menyatakan bahawa tiada persetujuan umum mengenai definisi dan konsep KM.

Menurut Bali (2005) KM adalah penciptaan dan pengurusan alam sekitar yang menggalakkan pengetahuan yang diwujudkan, perkongsian, belajar, meningkatkan, teratur, dan digunakan untuk kepentingan organisasi dan pelanggan. Idea ini menunjukkan bahawa KM sebagai satu strategi yang bermula dari penciptaan pengetahuan hingga tahap aplikasi. Sebagai suatu proses, KM ditakrifkan oleh beberapa orang pakar, seperti berikut:

- (i) Kinney (1998): KM sebagai satu proses mencipta, menguasai, memperoleh dan menggunakan pengetahuan untuk menyokong dan meningkatkan prestasi organisasi.
- (ii) Rastogi (2000): KM adalah satu proses yang sistematik dan integratif dalam menyelaraskan aktiviti-aktiviti organisasi untuk memperolehi, mencipta, menyimpan, berkongsi, memajukan, dan menyebarkan pengetahuan oleh individu dan kumpulan untuk mencapai matlamat organisasi.
- (iii) Harman dan Brelade (2000): KM adalah pemerolehan dan penggunaan sumber-sumber untuk mewujudkan suasana di mana maklumat boleh dicapai oleh individu; dan individu yang memperolehinya boleh berkongsi dan menggunakan maklumat tersebut untuk membina pengetahuan mereka sendiri dan adalah digalakkan untuk menggunakan pengetahuan mereka untuk kepentingan organisasi.
- (iv) Cong dan Pandya (2003): KM merupakan keupayaan sesebuah organisasi untuk menggunakan pengetahuan secara kolektif melalui proses penjaan, perkongsian pengetahuan dan eksploitasi yang dibolehkan oleh teknologi untuk mencapai objektifnya.
- (v) Jennex (2005): KM merupakan amalan selektif yang mampu mengaplikasikan pengetahuan dari hasil pengalaman terdahulu bagi aktiviti-aktiviti semasa dan akan datang dengan maksud untuk meningkatkan keberkesanan organisasi.

Pelbagai definisi yang diberikan oleh para pakar di atas mempunyai pandangan yang berbeza. Tetapi aktiviti-aktiviti utama dalam konteks proses KM itu sendiri, secara umumnya terbahagi kepada dua perkara asas iaitu: (a) aktiviti penciptaan pengetahuan, dan (b) aktiviti pemindahan pengetahuan. Hal ini berlaku kerana ia dipercayai bahawa penciptaan dan pemindahan pengetahuan adalah penting untuk

keberkesanan organisasi jangka panjang (Hurley & Green, 2005) dan bertujuan untuk meningkatkan prestasi organisasi melalui penggunaan kolektif pengetahuan (Kuriakose *et al.*, 2010).

Dalam konteks proses KM, peranan manusia merupakan unsur penting kejayaan organisasi. Ini selaras dengan takrifan KM yang diberikan oleh Buckman (2004) bahawa KM merupakan pendekatan sistemik untuk membantu maklumat dan pengetahuan muncul dan mengalir kepada orang yang betul pada masa yang tepat untuk mewujudkan nilai. Manakala menurut Cong dan Pandya (2003) manfaat KM berlaku dalam: (i) individu, (ii) organisasi. Di peringkat individu, KM menyediakan peluang bagi individu untuk meningkatkan kemahiran dan pengalaman dengan bekerja bersama-sama dan berkongsi pengetahuan dengan orang lain, belajar daripada satu sama lain, memperbaiki prestasi peribadi yang akhirnya membawa kepada pembangunan kerjaya yang lebih baik. Di peringkat organisasi, KM menyediakan faedah Cong dan Pandya (2003), iaitu: (a) meningkatkan prestasi organisasi melalui peningkatan kecekapan, produktiviti, kualiti dan inovasi, (b) membuat keputusan yang lebih baik, memperkembangkan proses-proses, meningkatkan inovasi, integriti data dan kerjasama yang lebih rapat.

### **2.3.2 Aktiviti Manipulasi Pengetahuan**

Teori KM pada asasnya muncul untuk menjawab soalan: bagaimanakah menguruskan pengetahuan? Jika ia merujuk kepada proses, jawapan kepada soalan ini adalah berkaitan dengan aktiviti manipulasi pengetahuan dari proses penciptaan sehingga pemakaiannya. Secara umum, ini merangkumi aktiviti mengenal pasti keadaan dalam organisasi, penentuan keperluan, dan meningkatkan pengaruh pelbagai proses dalam usaha untuk menangani keperluan organisasi. Dalam konteks

ini, aktiviti manipulasi pengetahuan yang dicadangkan oleh para pakar adalah sangat berbeza (Jadual 2.3).

Jadual 2.3


*Ringkasan aktiviti manipulasi pengetahuan*

<b>Pengarang</b>	<b>Aktiviti Manipulasi Pengetahuan</b>
Leonard-Barton, 1995	1. Penyelesaian masalah dikongsi dan kreatif 2. Mengimport dan menyerap pengetahuan teknologi dari luar firma 3. Bereksperimen dan prototaip 4. Melaksanakan dan menggabungkan metodologi dan alat baru.
Arthur Andersen and APQC, 1996	1. Kongsi 2. Cipta 3. Kenal pasti 4. Kumpul 5. Suai 6. Mengurus 7. Terapkan
Wiig, 1993	1. Penciptaan 2. Manifestasi 3. Gunakan 4. Pemindahan
Choo, 1996	1. <i>Sensemaking</i> (termasuk tafsiran maklumat) 2. Penciptaan pengetahuan (termasuk transformasi maklumat) 3. Membuat keputusan (termasuk pemprosesan maklumat)
van der Spek and Spijkervet, 1997	Dalam proses akta 1. Membangunkan 2. Mengedar 3. Menggabungkan 4. Memegang
Nonaka, 1996	1. Sosialisasi (penukaran pengetahuan tasit ke tasit) 2. Internalisasi (penukaran pengetahuan eksplisit ke tasit) 3. Combination (penukaran pengetahuan eksplisit ke eksplisit) 4. Externalisasi (penukaran pengetahuan tasit ke eksplisit )
Alavi, 1997	1. Pemerolehan (penciptaan pengetahuan dan pembangunan kandungan), 2. Pengindeksan, 3. Penapisan, 4. Menghubungkan (aktiviti 2, 3, dan 4 melibatkan pemeriksaan, pengkelasan, pengkatalogan, mengintegrasikan, dan bersambung sumber-sumber dalaman dan luaran), 5. Mengedarkan (pembungkusan dan penghantaran pengetahuan dalam bentuk laman web), 6. Aplikasi (menggunakan pengetahuan)
Szulanski, 1996	1. Permulaan (mengiktirafkan keperluan pengetahuan dan memenuhi keperluan itu) 2. Pelaksanaan (berlaku pemindahan pengetahuan) 3. Tajakan ( <i>ramp-up</i> ) (menggunakan pemindahan pengetahuan) 4. Integrasi (mendalami pengetahuan)

Sumber: Holsapple dan Joshi (2008)



Perbezaan ini muncul kerana di dalam organisasi, pengetahuan bukan sahaja dimasukkan ke dalam dokumen-dokumen atau repositori, tetapi terdapat juga dalam aktiviti-aktiviti rutin organisasi, serta pelbagai proses dalam organisasi. Ia adalah seperti yang telah dinyatakan oleh Davenport dan Prusak (1988) bahawa pengetahuan adalah campuran pengalaman berbingkai, nilai, konteks maklumat, pandangan para pakar, gerak hati yang mendalam, dan rangka kerja untuk menilai dan menggabungkan pengalaman dan maklumat baru. Walaupun terdapat pelbagai aktiviti dalam proses KM, tetapi aktiviti-aktiviti tersebut dalam konteks sistem pengurusan pengetahuan (*knowledge management system/KMS*) boleh dirumuskan dalam empat tahap utama (Alavi & Leidner, 2001) iaitu: penciptaan (*creation/capture*), penyimpanan (*storage/archival*), penyebaran (*retrival/transfer*) dan penggunaan (*application/reuse*). Dalam Rajah 2.3, ditunjukkan bahawa proses-proses utama dalam KM adalah sangat berbeza.



Rajah 2.3: Proses-proses utama KM

Sumber: diadaptasi daripada Abdullah (2008)

Sebagai satu konsep, perbezaan boleh berlaku disebabkan oleh ciri-ciri dan sudah tentu perniagaan daripada setiap organisasi adalah berlainan (Bhatt, 2000; Hurley & Green, 2005; Zhang, 2010). Mengikut Weidner seperti yang dicatat Tobing (2007), pelbagai proses KM boleh diringkaskan dalam dua fungsi utama, iaitu: (1) mengumpulkan (*collecting*), dan (2) menyambungkan (*connecting*). Mengumpulkan berkaitan dengan aktiviti mengumpul, menyimpan, dan mengekalkan pelbagai pengetahuan yang dimiliki oleh organisasi dan individu. Manakala menyambungkan berkaitan dengan aktiviti-aktiviti bagi memastikan bahawa semua pengetahuan organisasi boleh dicapai oleh pengguna dan pihak berkuasa.

Dalam penyelidikan ini, penyelidik memandang bahawa kedua-dua fungsi adalah penting, kerana kepada kedua-dua fungsi pelbagai proses-proses utama KM bertumpu. Dalam erti kata lain, proses KM yang berkesan tertumpu kepada fungsi mengumpulkan dan menyambungkan. Untuk menjalankan fungsi mengumpulkan, organisasi boleh melakukan kodifikasi pengetahuan dengan mencipta peta pengetahuan sebagai panduan yang boleh membawa bersama-sama individu-individu yang memerlukan sama ada maya atau bersemuka. Di sisi lain untuk melaksanakan fungsi menyambungkan, organisasi boleh memindahkan pengetahuan melalui forum serta media tertentu, dan edar kepada pengguna.

Konsep kedua-dua fungsi di atas, ditunjukkan oleh penyelidik (lihat Rajah 2.3) kepada warna hijau (mengumpulkan) dan biru (menyambungkan). Perkara yang utama dalam hal ini adalah bagaimanakah proses-proses itu berjalan manakala apa yang dilakukan dalam menjalankan proses-proses ini menjadi penting untuk difahami. Ini adalah sebahagian daripada dasar persoalan dalam penyelidikan ini.

### 2.3.3 Faktor-faktor Pemboleh KM


Dari keterangan aktiviti dan proses KM di atas, satu soalan yang penting untuk difahami ialah apakah faktor-faktor yang memainkan peranan dalam pelaksanaan KM? Jawapan kepada soalan ini, secara teori boleh belajar daripada kewujudan faktor pemboleh KM. Daripada pelbagai model KM yang dibangunkan oleh para pakar, menunjukkan kewujudan elemen-elemen yang berfungsi sebagai faktor pemboleh dalam pelaksanaan KM, pada dasarnya terdiri daripada: manusia, proses, dan teknologi (Bhatt, 2000); Cong dan Pandya (2003); Misra (2007); Nair (2005).

Elemen Manusia memberi tumpuan kepada keadaan sosial organisasi untuk merangsang, memelihara, berkongsi dan menggunakan pengetahuan; elemen Proses memberi tumpuan kepada keadaan organisasi untuk mencipta, menguasai dan berkongsi pengetahuan; dan elemen Teknologi adalah bagaimanakah untuk menyimpan dan membuat pengetahuan boleh dicapai dan membolehkan pengguna untuk bekerja bersama-sama walaupun pada jarak yang jauh.

Misra (2007) berpendapat bahawa: (1) manusia adalah berkait rapat dengan nilai-nilai dan tingkah laku, (2) proses adalah mengenai struktur dalaman, dan (3) teknologi sebagai fasilitator. Menurut Cong dan Pandya (2003) tiga elemen ini menjadi sesuatu yang sentiasa akan bertindak sebagai pemangkin/faktor pemboleh atau sebaliknya sebagai penghalang kepada amalan KM dalam organisasi. Rangka kerja tiga elemen ini secara kreatif digambarkan oleh Misra (2007) dalam bentuk kerusi tanpa sandaran dengan tiga kaki seperti ditunjukkan dalam Rajah 2.4.

Menurut Edwards (2009) fokus kepada faktor pemboleh KM adalah cara biasa untuk melihat KM dalam organisasi dan perspektif perubahan organisasi. Tetapi, menurut

Leavitt seperti yang dicatat Hurley dan Green (2005), KM yang berkesan hanya boleh dicapai melalui keseimbangan elemen-elemen ini. Oleh itu konsep keseimbangan faktor-faktor pemboleh KM ini telah menarik perhatian para pakar.




Rajah 2.4: Model manusia, proses, dan teknologi dalam KM

Sumber: Misra (2007)

Dengan konsep bahawa pengetahuan boleh wujud sebagai pengetahuan tasit (termasuk pengetahuan eksplisit), setiap organisasi mestilah mengetahui dan mengkaji potensi pengetahuan yang dimiliki, sama ada tersembunyi (tasit) dalam diri individu dan eksplisit.

Sebagai hasil kajian Delphi Group, Inc, Uriarte (2008) menunjukkan bahawa pengetahuan dalam sesebuah organisasi disimpan dengan struktur sebagai berikut: 42 peratus dalam otak pekerja, 26 peratus daripada dokumentasi kertas, 20 peratus dokumentasi elektronik, dan 12 peratus daripada pengetahuan elektronik. Dapatan ini menunjukkan bahawa usaha untuk menguruskan pengetahuan yang sedia ada kepada individu atau organisasi memerlukan imbalan berkadar daripada setiap faktor pemboleh.

Walau bagaimanapun, dalam konteks pembelajaran, menurut Bhatt (2000) komposisi tiga faktor pemboleh KM adalah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2.5.



Rajah 2.5: Faktor-faktor pemboleh KM

Sumber: Bhatt (2000)

Bhatt (2000) menghuraikan ketiga-tiga faktor, seperti berikut:

- (i) Manusia: sikap, berkongsi, inovasi, kemahiran, kerja berpasukan, motivasi, organisasi, visi/objektif, standard masyarakat.
- (ii) Proses: Peta KM, alir kerja, integrasi, amalan terbaik, standard perniagaan.
- (iii) Teknologi: storan data dan format, rangkaian, internet, pengkalan data dan analisis, alat keputusan, standard automasi.

Walau bagaimanapun, kepelbagaian faktor-faktor pemboleh KM di atas adalah selari dengan kajian Akhavan *et al.*, (2011), Chen (2006), Girard dan McIntyre (2010), Tjakraatmadja *et al.*, 2015) yang menunjukkan bahawa untuk merealisasikan keuntungan dan manfaat KM, diperlukan deskripsi yang jelas mengenai keadaan faktor pemboleh KM serta perkaitan antara unsur-unsur penyokong KM tersebut. Ini

dinyatakan pula dengan jelas oleh Rubenstein, Liebowitz, Buchwalter, McCaw, Newman, dan Rebeck (2001) di mana ia mestilah menjadi bahagian dalam suatu model KM.

Dari konsep KM di atas, jelas bahawa faktor-faktor manusia, proses, organisasi, dan teknologi adalah elemen-elemen KM yang harus dipertimbangkan dalam konteks pembangunan KM. Di mana dalam penyelidikan ini, keempat elemen digunakan sebagai dasar bagi pembentukan model KM. Manakala keadaan sosial, keadaan organisasi, dan keadaan teknologi di persekitaran pemeraksanaan komuniti juga menjadi dasar kerana ia sebagai unsur-unsur penyokong KM (Sangkala, 2007). Unsur-unsur ini juga adalah selari dengan kajian Girard dan McIntyre (2010), Magnier-Watanabe *et al.*, (2011), Tjakraatmadja *et al.*, (2015).

#### 2.3.4 Pemodelan KM

Model ialah suatu bentuk intelek dalam artifak daripada yang menyediakan abstrak, rasmi, visual, interaksi dan fenomena perwakilan yang dipermudahkan (Coffey & Atkinson, 1996). Model dalam konteks KM adalah untuk menyediakan peta jalan dan panduan bagaimana untuk menciptakan, memindahkan, menterjemah, atau menggunakan pengetahuan, atau menurut Kuriakose *et al.*, (2010) sebagai mewakili amalan terbaik. Manakala menurut Abdullah (2008) model KM boleh dilihat sebagai pendekatan pemikiran bersistem.

Dalam mengurus pengetahuan, model KM merupakan rangka kerja daripada aktiviti manipulasi pengetahuan dan asas dalam melaksanakan KM. Dalam konteks ini, Rubenstein *et al.*, (2001) menyatakan bahawa rangka kerja KM boleh diklasifikasikan sebagai preskriptif, deskriptif, atau gabungan kedua-duanya. Jenis

preskriptif memberi bimbingan kepada prosedur KM tanpa memberi huraian khusus bagaimana ia harus dicapai. Jenis ini kebanyakan dilakukan oleh penyelidik. Jelas sekali ini adalah lebih kepada metodologi dalam aktiviti pelaksanaan KM. Berbeza dengan ciri-ciri jenis deskriptif yang mengenal pasti sifat penting KM yang boleh mempengaruhi kejayaan atau kegagalan inisiatif KM.

Pelbagai kajian ke atas model KM telah dijalankan oleh para penyelidik dan pakar. Ringkasan pelbagai model KM itu ditunjukkan pada Jadual 2.4. Daripada pelbagai model KM tersebut, dapat difahami bahawa dalam penyelidikan KM ada spesifikasi yang membezakan satu penyelidikan dengan penyelidikan lain, sama ada klasifikasi atau dimensi-dimensi yang menjadi substansi kajian. Ini adalah penting kerana ia menunjukkan kepelbagaian aspek penyelidikan dalam pemodelan KM yang pernah dilakukan.

Jadual 2.4

*Ringkasan perbandingan model KM*

<b>Dimensi Pengarang</b>	<b>Tumpuan</b>	<b>Asal usul</b>	<b>Sumber Pengetahuan</b>	<b>Aktiviti Manipulasi Pengetahuan</b>
Wiig,1993	Pengurusan identiti mempengaruhi kelakuan KM.	Tidak ditunjukkan		Lihat jadual 2.3
Leonard-Barton, 1995	Menguruskan interaksi antara kemampuan teknologi organisasi dan aktiviti pembangunan pengetahuan	Bidang penyelidikan	1.Pengetahuan pekerja 2.Pengetahuan dalam sistem fizikal	Lihat jadual 2.3
Arthur Andersen dan APQC, 1996	Menyediakan asas untuk penanda aras kelakuan dalam KM dan di antara organisasi	Konsultasi pengalaman		Lihat jadual 2.3
Choo,1996	Menjelaskan bekerja dari organisasi “mengetahui”.	Sintesis daripada penyelidikan yang lalu		Lihat jadual 2.3

Jadual 2.4 sambungan ..

van der Spek Spijkervet, 1997	Mencirikan konseptual yang mencerminkan tinjauan kitaran untuk mengawal kelakuan KM	Tidak dinyatakan		Lihat jadual 2.3
Sveiby, 1997	Ciri-ciri dan mengukur aset tidak ketara (terutama pengetahuan)	Konsultasi pengalaman	1. Struktur luaran 2. Struktur dalaman 3. Kecekapan pekerja	
Petrash, 1996	Ciri-ciri dan mengukur modal intelek.	Pengalaman praktikal organisasi	1.Modal insan 2.Modal organisasi 3.Modal pelanggan	
Nonaka, 1996	Mencirikan penciptaan pengetahuan melalui interaksi pengetahuan tasit dan eksplisit di kalangan individu, kumpulan, dan organisasi	Tidak ditunjukkan		
Szulanski, 1996	Mengenal pasti halangan kepada amalan terbaik memindahkan dalam sesebuah organisasi	Sintesis penyelidikan yang lalu dan satu kajian empirikal		Lihat jadual 2.3
Alavi, 1997	Menggunakan teknologi untuk mencapai KM di KPMG Peat Marwick	Kajian kes		Lihat jadual 2.3
Misra <i>et al.</i> , 2003	Menggunakan empat tunggak iaitu: manusia, proses, teknologi dan pengurusan	Sintesis penyelidikan lepas dan satu kajian empirikal		

Sumber: Holsapple dan Joshi (1999)

Berdasarkan konsep pemodelan KM di atas, penyelidikan ini termasuk dalam klasifikasi deskripsi yang mengambil kira elemen manusia, proses, dan teknologi sebagai dimensi tumpuan penyelidikan. Manakala dimensi yang lain adalah berkaitan dengan sumber pengetahuan dan aktiviti manipulasi pengetahuan dalam konteks proses pemeraksanaan komuniti.



## 2.4 Konsep Pemerksaan Komuniti

### 2.4.1 Definisi Pemerksaan

Istilah Pemerksaan telah digunakan secara meluas dalam banyak bidang, iaitu: politik, psikologi, pendidikan, kajian perempuan, pengurusan, ekonomi, sosiologi, dan lain-lain. Walau bagaimanapun, pemerksaan adalah satu konsep yang berkait rapat dengan pendekatan alternatif untuk pembangunan gerakan sosial, dan inisiatif berasaskan masyarakat akar umbi. Menurut Hur (2006) terdapat tiga asas untuk memahami pemerksaan, iaitu: (1) ianya adalah multidimensi, (2) berlaku di peringkat individu dan kumpulan, dan (3) ianya adalah satu proses sosial yang hasilnya boleh diperbaiki dan dinilai. Manakala menurut Parpart *et al.*, (2003) hasil pemerksaan boleh diukur, diperbaiki dan dinilai terhadap prestasi yang diharapkan.

Dalam kamus *Merriam-Webster*, istilah pemerksaan mempunyai dua makna, iaitu: (1) untuk memberi kuasa kepada seseorang, dan (2) untuk memberi kuasa rasmi atau kuasa undang-undang kepada seseorang. Menurut Stewart (1998) pemerksaan akan muncul apabila seorang atau beberapa orang mempunyai kuasa (*power*) dan autoriti daripada pihak berkuasa. Makna itu menerangkan konsep pemerksaan adalah idea kuasa kerana pemerksaan mempunyai kaitan dengan perubahan kuasa. Perubahan kuasa itu sendiri ditakrifkan oleh Page dan Czuba (1999) sebagai memperoleh, mengeluarkan, mengurangkan, dan kehilangan kuasa.

Pada dasarnya, kuasa difahami sebagai dikongsi kerana ia benar-benar boleh mengukuhkan semasa dikongsi dengan orang lain (Kreisburg, 1992). Mengikut Deegan seperti yang dicatat Linhorst (2006) pemerksaan melibatkan perkongsian kuasa yang lebih bermakna dan kuasa itu adalah generatif dan boleh diwujudkan dalam kalangan manusia. Definisi perkongsian kuasa itu sendiri adalah sebagai satu

proses yang berlaku dalam hubungan manusia, yang memberikan kemungkinan pemberian kuasa (Hur, 2006). Ini memberikan erti yang lebih jelas bahawa pemerkasaan adalah bermakna berkongsi kuasa.

Kuasa mempunyai pelbagai definisi. Rapar (2001) mengatakan bahawa kuasa adalah keupayaan untuk menetapkan sesuatu sehingga orang lain mematuhi apa yang ditetapkan itu. Lebih jelas Plato dalam Rapar (2001) menyatakan bahawa kuasa adalah kesanggupan untuk meyakinkan orang lain (pujukan) untuk melakukan apa yang dipercayai supaya selaras dengan keperluan orang yang berbuat demikian. Selain itu, menurut Weber seperti dicatat Berry (2003), kuasa sebagai kemungkinan bagi seseorang dalam hubungan sosial berada dalam kedudukan untuk melaksanakan keinginan sendiri walaupun ada perlawanan. Beberapa definisi kuasa itu memberi kejelasan bahawa kuasa adalah sinonim dengan keupayaan untuk mempengaruhi orang lain.

Dalam konteks struktur kuasa, Rapar (2001) memetik Plato menyatakan bahawa sumber kuasa bukanlah pangkat, kedudukan atau jabatan, mahupun harta milik dan kekayaan tetapi datang dari ilmu pengetahuan yang dimiliki oleh manusia. Oleh yang demikian hanya pengetahuan yang boleh membimbing dan membawa manusia kepada kebenaran. Berdasarkan hujah di atas, pemerkasaan dan kuasa seharusnya tidak dilihat sebagai perkara yang berbeza. Pemerkasaan adalah untuk menggunakan kuasa manakala kuasa itu sendiri adalah berkait rapat dengan imej.

Menurut Clutterbuck (2003) pemerkasaan adalah satu usaha untuk menggalakkan dan membolehkan individu untuk mengambil tanggungjawab bagi usaha-usaha untuk memperbaiki cara mereka bekerja dan menyumbang kepada pencapaian

matlamat organisasi. Dalam takrif di atas, Clutterbuck (2003) pula menegaskan bahawa pemerksaan mempunyai lima dimensi, iaitu: (1) menggalakkan, (2) tanggungjawab, (3) pembaikan, (4) menyumbang, dan (5) pencapaian matlamat. Manakala menurut Stewart (1994) pemerksaan merupakan proses dan usaha untuk mendapatkan atau memberi kuasa, kekuatan atau keupayaan kepada individu atau masyarakat yang lemah untuk mengenalpasti, menganalisa, menentukan keperluan dan potensi serta masalah yang dihadapi dan untuk memilih satu alternatif penyelesaian dengan mengoptimumkan sumber dan potensi secara bebas.

Pembinaan pemikiran yang terkandung dalam penjelasan di atas menunjukkan bahawa pemerksaan menekankan proses memberi atau bertukar sedikit kuasa atau keupayaan seseorang bagi menentukan pilihan hidupnya untuk lebih berdikari. Meskipun demikian, kebanyakan kajian tentang pemerksaan lebih tertumpu kepada hasil. Manakala beberapa penyelidikan (Conger & Kanungo, 1988; Darlington & Michele, 2004) memberi tumpuan kepada proses, tetapi rumusan mereka lebih relevan kepada hasil daripada proses yang sebenarnya. Dalam konteks amalan KM, pemerksaan adalah satu pendekatan untuk mengiktiraf potensi individu untuk aktiviti penciptaan (knowledge creation) dan perkongsian pengetahuan (knowledge sharing) (Armistead & Meakins, 2002). Manakala Chen, Liang, dan Lin (2008) mengatakan bahawa isu menjaga keseimbangan dalam penciptaan dan perkongsian pengetahuan dalam organisasi adalah sangat penting, memandangkan dalam proses KM terdapat pelbagai aktiviti manipulasi pengetahuan (lihat Holsapple & Joshi, 2008). Tambahan pula, KM itu sendiri adalah satu konsep mewakili organisasi untuk membuat, menggunakan, dan melindungi pengetahuan (Armistead & Meakins, 2002)

Daripada pelbagai konsep di atas, pemerksaan boleh ditakrifkan sebagai sebuah proses perkongsian kuasa. Selain itu, terdapat pengiktirafan kepada daya yang dimiliki objek. Dalam proses itu pula, terkandung konsep transformasi kuasa, iaitu mengalirkan kuasa dari subjek kepada objek sehingga berlaku peralihan fungsi dari objek menjadi subjek. Tambahan pula, pemerksaan bukan sahaja ditafsirkan dari segi ekonomi di mana individu boleh memenuhi keperluan mereka, tetapi juga mengandungi prinsip-prinsip untuk membangun, menggalakkan, dan meningkatkan kesedaran mengenai potensi/daya yang dimiliki.

#### **2.4.2 Konsep Pemerksaan Komuniti**

Dalam konteks masyarakat, istilah pemerksaan mengandungi erti demokrasi ekonomi manakala menurut Kartasasmita (1997) demokrasi ekonomi mengandungi erti kedaulatan rakyat dalam bidang ekonomi, di mana aktiviti ekonomi yang berlaku adalah dari rakyat, oleh rakyat dan untuk rakyat. Konsep ini berkaitan dengan kawalan teknologi, pemilikan modal, akses pasaran, sumber maklumat, dan kemahiran pengurusan. Oleh itu, pemerksaan komuniti adalah usaha komuniti untuk meningkatkan status dan darjat keadaan tidak mampu, untuk melepaskan diri daripada perangkap kemiskinan dan ketinggalan. Selain itu, ia merupakan satu faktor yang membolehkan bagi masyarakat untuk terus hidup Kartasasmita (1996). Perkara yang sama diterangkan oleh *The Department for Communities and Local Government* seperti dicatat dalam CDX (2010) bahawa pemerksaan komuniti membolehkan lebih ramai orang untuk memainkan peranan aktif dalam membuat keputusan yang memberi kesan kepada komuniti mereka.

Konsep yang lebih relevan dibentangkan oleh World Bank (2002) yang menyatakan bahawa pemerksaan komuniti merupakan pengembangan aset dan keupayaan

golongan miskin untuk menyertai, berunding, pengaruh, kawalan, dan tanggungjawab dalam institusi yang memberi kesan kepada kehidupan mereka. Definisi World Bank itu menunjukkan bahawa orang-orang (terutama mereka yang tidak mampu) memerlukan pelbagai jenis aset dan keupayaan untuk meningkatkan kesejahteraan hidupnya. Dalam hal ini aset termasuk aset fizikal dan kewangan. Manakala keupayaan ditakrifkan sebagai kapasiti individu untuk menggunakan aset, dan dalam kes ini termasuk kesihatan, pendidikan, kemahiran, dan kebolehan untuk mengambil bahagian dalam kehidupan sosial.

Selain itu, menurut Chambers (1995) pemerksaan komuniti adalah satu konsep yang berpusat pada manusia, penyertaan, memperkasakan, dan mampan, manakala menurut Ife (1995) pemerksaan komuniti adalah untuk menyediakan orang ramai sumber, peluang, pengetahuan, dan kemahiran untuk meningkatkan kapasiti mereka bagi menentukan masa depan mereka sendiri; untuk mengambil bahagian dan menjejaskan kehidupan mereka. Oleh itu dapat difahami bahawa maksud konsep pemerksaan komuniti mengandungi erti untuk meningkatkan taraf hidup dan kebajikan individu selaras dengan kapasiti sumber tempatan yang wujud dalam masyarakat.

Walaupun tiada model institusi tunggal untuk pemerksaan komuniti, tetapi berdasarkan pengalaman World Bank (2002) terdapat unsur-unsur penting yang menyokong kepada kejayaan dalam pemerksaan komuniti, iaitu:

- a) Akses kepada maklumat. Maklumat menjadi satu kuasa yang penting dalam komunikasi dua hala antara kerajaan dan masyarakat. Termasuk peranan teknologi maklumat dan komunikasi dalam memperluaskan akses kepada maklumat.

- b) Perangkuman/penyertaan. Perangkuman memberi tumpuan kepada soalan, iaitu: siapakah yang dimasukkan manakala penyertaan berurusan dengan soalan bagaimanakah mereka dimasukkan dan apa peranan mereka. Ini adalah satu usaha pihak berkuasa untuk mengawal keputusan dan sumber untuk memastikan bahawa keterbatasan pengetahuan tempatan dan sumber orang ramai boleh membawa komitmen kepada perubahan.
- c) Akauntabiliti. Unsur ini berkait rapat dengan tanggungjawab pihak yang berkepentingan seperti pegawai-pegawai kerajaan, kakitangan awam dan pihak-pihak lain yang berkepentingan.
- d) Kapasiti organisasi tempatan. Unsur ini merujuk kepada kemampuan individu dan kumpulan untuk bekerjasama, menyusun, dan menggerakkan sumber untuk menangani masalah kepentingan awam.

Huraian di atas, jelas menunjukkan bahawa pemeraksanaan komuniti adalah perniagaan utama kerajaan manakala ianya mengandungi makna perlu bermula dari kehendak politik pihak kerajaan (White dalam Suhendra, 1998). Walau bagaimanapun, dengan memahami bahawa keadaan sosial, budaya, politik dan ekonomi masyarakat yang berbeza-beza (termasuk institusi yang berkaitan), maka strategi pemeraksanaan oleh kerajaan mesti juga berbeza. Tambahan pula, keadaan di atas menunjukkan kemunculan pelbagai strategi kerajaan dalam konteks usaha untuk pemeraksanaan komuniti. Oleh itu, boleh difahami bahawa kejayaan pemeraksanaan komuniti adalah bergantung kepada penglibatan pelbagai unsur-unsur, terutamanya perpaduan keupayaan manusia, pengurusan maklumat, dan proses pelaksanaannya. Dalam penyelidikan ini, unsur-unsur itu merupakan bahagian daripada konsep pemeraksanaan komuniti yang diselidiki.

## **2.5 Pemerksaan Komuniti di Indonesia**


### **2.5.1 Kemiskinan dan Pemerksaan Komuniti di Indonesia**

Hari ini, kemiskinan masih dialami oleh kebanyakan penduduk dunia, tidak terkecuali di Indonesia. Sebagai contoh, keadaan kemiskinan itu adalah tidak punya akses kepada pendidikan, kesihatan, perumahan, pekerjaan, dan sebagainya. Kemiskinan juga difahami sebagai keadaan kekurangan barangan dan perkhidmatan dasar, pengasingan sosial, pergantungan, dan ketidakupayaan masyarakat untuk mengambil bahagian dalam aktiviti kemasyarakatan.

Untuk menekankan keprihatinan terhadap masalah kemiskinan, kerajaan Republik Indonesia telah mengambil bahagian dalam program Matlamat Pembangunan Milenium (*MDGs-Millennium Development Goals*). *MDGs* adalah peta jalan Deklarasi Milenium, dipersetujui oleh 189 ketua-ketua negara pada September 2000 di persidangan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di New York, Amerika Syarikat. Kesepakatan global yang ingin dicapai melalui *MDGs* adalah mencapai target pembangunan bersama iaitu mengatasi kemiskinan dan kelaparan, pendidikan dasar untuk semua, kesaksamaan gender dan memperkasakan perempuan, mengurangkan kematian kanak-kanak, memperbaiki kesihatan ibu bersalin, perjuangan menentang penyakit-penyakit berjangkit dan penyakit-penyakit lain, memastikan kemampuan alam sekitar, dan mewujudkan perkongsian global untuk pembangunan. Tujuan *MDGs* adalah untuk menjadikan manusia sebagai fokus utama pembangunan yang meliputi ke semua komponen untuk membawa kebajikan kepada masyarakat (Bappenas, 2010).

Dalam konteks mengurangkan kemiskinan, kerajaan Indonesia mempunyai pelbagai program pembangunan manusia yang memfokuskan kepada aspek ekonomi,

pendidikan, dan kesihatan, seperti ditunjukkan pada Rajah 2.6.



Rajah 2.6: Polisi mengurangkan kemiskinan di Indonesia

Sumber: Bappenas (2010)

Dalam Kelompok 2, iaitu kumpulan program berasaskan komuniti atau PNPM Mandiri, ia adalah yang terbesar dan tumpuan untuk mengurangkan golongan miskin di Indonesia. Matlamat program pemerkasaan ini adalah: "Untuk meningkatkan kemakmuran dan peluang pekerjaan kepada masyarakat miskin secara berdikari". Pelaksanaan program PNPM Mandiri adalah berdasarkan kepada Kepmenkokesra No.025/Kep/Menko/Kesra/VII pada tahun 2007 mengenai Panduan Umum Program Nasional Pemerkasaan Komuniti Mandiri (PNPM Mandiri) (rujuk [www.tnp2k.go.id/](http://www.tnp2k.go.id/)). Melalui PNPM Mandiri dirumuskan mengenai mekanisme usaha-usaha pengurangan kemiskinan yang melibatkan unsur-unsur masyarakat. Bermula dari tahap perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian. PNPM Mandiri itu sendiri adalah platform bagi pelbagai program pengurangan kemiskinan yang berasaskan pemerkasaan komuniti yang terdapat dipelbagai institusi kerajaan



dalam satu gerakan bersepadu dan berfokus.

PNPM Mandiri dikategorikan ke dalam dua bahagian (rujuk [www.tnp2k.go.id/](http://www.tnp2k.go.id/)):

- (i) PNPM-Inti: terdiri daripada program pemerksaan komuniti wilayah seperti PNPM Luar Bandar, **PNPM Bandar**, PNPM Infrastruktur Sosio-Ekonomi Wilayah (PISEW), PNPM Infrastruktur Luar Bandar (PIIP) dan PNPM Wilayah Tertinggal dan Khusus (P2DTK) (telah selesai tahun 2012).
- (ii) PNPM Penguatan: terdiri daripada program-program pemerksaan komuniti berdasarkan sektor, wilayah, dan khas untuk menyokong pelaksanaan pengurangan kadar kemiskinan yang berkaiian dengan akses tertentu. Termasuk di dalam PNPM penguatan ialah PNPM Peningkatan Usaha Perniagaan Tani (PUAP), PNPM Kelautan dan Perikanan (KP), PNPM Pelancongan, PNPM Generasi, PNPM *Green Kecamatan Development Program* (G-KDP), PNPM *Neighborhood Development* (ND), PNPM Perumahan dan Penempatan.

### **2.5.2 PNPM Bandar**

Satu program pemerksaan komuniti yang dimasukkan ke dalam PNPM Inti, ialah PNPM Bandar. Program ini bermula daripada Program Pengurangan Kemiskinan Bandar (P2KP) yang dilaksanakan pada tahun 1999 oleh kerajaan pusat melalui Kementerian Kerja Raya (PU) dalam usaha untuk membina masyarakat berdikari dan kerajaan tempatan untuk mengurangkan kemiskinan secara berterusan. Program ini merupakan satu platform yang strategik dan lengkap kerana menyiapkan landasan masyarakat berdikari melalui lembaga kepimpinan masyarakat yang representatif, berakar dan kondusif kepada pembangunan sosial masyarakat dan menyediakan program kemasyarakatan jangka sederhana dalam pengurangan kemiskinan.

Sebagai satu bentuk integrasi, pada tahun 2007 P2KP menukar namanya kepada PNPM Bandar dengan memperuntukkan dana tambahan dalam tahun fiskal 2008, termasuklah 8,813 kelurahan daripada 995 kecamatan yang tersebar di 245 bandar/kabupaten (Ditjen Cipta Karya, 2012).

Dalam pandangan PNPM Bandar, dipercayai bahawa kemiskinan adalah hasil dan punca kemiskinan adalah keadaan utama, di mana pemimpin masyarakat yang mempunyai kuasa tetapi tidak dapat melaksanakan nilai yang tinggi dalam setiap keputusan dan tindakan yang diambil. Gejala-gejala kemiskinan dalam pandangan PNPM Bandar (Ditjen Cipta Karya, 2012), iaitu:

- (i) Tidak mempunyai akses ke dalam sistem politik.
- (ii) Tidak mempunyai akses kepada persekitaran penempatan yang baik.
- (iii) Modal sosial yang rendah
- (iv) Tidak mempunyai akses kepada peluang dan sumber ekonomi.

Justeru, PNPM Bandar bertujuan untuk memperkasakan masyarakat melalui aktiviti-aktiviti yang dipanggil Tridaya, iaitu: (1) kuasa pembangunan sosial, (2) kuasa pembangunan alam sekitar, dan (3) kuasa pembangunan ekonomi. Dalam konsep ini, ia dilakukan untuk memudahkan masyarakat dan kerajaan tempatan supaya dapat menangani punca kemiskinan secara berdikari dan berterusan. Pendekatan yang dianggap berkesan untuk mewujudkan proses perubahan tersebut adalah pendekatan pemerksaan komuniti dengan strategi pemudahan (*pendampingan/facilitation*).

Walau bagaimanapun, pelaksanaan program pemerksaan komuniti telah dibuat melalui pengukuhan daripada lembaga masyarakat (BKM). Terutamanya dalam usaha untuk memantapkan pemimpin komuniti supaya mereka boleh menjadi ‘mesin

penggerak' dalam menginstitusikan nilai-nilai kemanusiaan (gerakan moral), prinsip-prinsip masyarakat (gerakan tadbir urus baik) serta prinsip-prinsip pembangunan mampan (gerakan Tridaya). Justeru, ini adalah perkara yang utama dalam program pemerkasaan komuniti (PNPM Bandar) yang berkaitan dengan pengetahuan.

### **2.5.2.1 Asas Hukum dan Tujuan**

Sebagai satu program utama, PNPM Bandar adalah sama dan merujuk kepada asas PNPM Mandiri sebagaimana yang ditetapkan dalam Garis Panduan Am untuk PNPM, iaitu: Peraturan Presiden No. 15, Tahun 2010 mengenai Percepatan Pengurangan Kemiskinan dan Arahan Presiden No. 3, Tahun 2010 mengenai Program Pembangunan Keadilan. Tujuan PNPM Bandar, iaitu: "Membantu masyarakat miskin di kawasan bandar peserta program di kelurahan/kampung untuk mendapat manfaat daripada peningkatan persekitaran dan tadbir urus baik".

### **2.5.2.2 Sasaran Program**

- a) Pengukuhan lembaga kepimpinan masyarakat (BKM) yang boleh dipercayai, aspirasi, mewakili, dan bertanggungjawab untuk menggalakkan pertumbuhan dan pembangunan, penyertaan masyarakat dan berdikari;
- b) Ketersediaan Perancangan Jangka Sederhana Program Kemiskinan (PJM Pronangkis) di peringkat kelurahan/kampung sebagai satu platform untuk mewujudkan sinergi pelbagai program pengurangan kemiskinan yang komprehensif dan selaras dengan kehendak dan keperluan masyarakat dalam pembangunan persekitaran yang sihat, serasi, harga diri, dan berterusan.
- c) Kebangkitan forum BKM di peringkat kecamatan dan bandar/daerah untuk mengawal keharmonian pelbagai program daerah.

- d) Peningkatan keupayaan kerajaan pusat dan tempatan untuk bekerja dengan BKM bagi penyediaan perkhidmatan kepada golongan masyarakat miskin;
- e) Merealisasikan pemudahan teknikal dan sumbangan pembiayaan mengikut Indeks Fiskal dan Kemiskinan Daerah (IFKD) kerajaan bandar/daerah bagi PNPM Bandar dan meningkatkan kesedaran kualiti alam sekitar;
- f) Mewujudkan program kerjasama antara BKM dan pelbagai pihak yang berkenaan;
- g) Masyarakat yang sedar, peduli dan dapat melaksanakan beberapa siri aktiviti PNPM di wilayahnya secara berdikari dan berterusan selaras dengan garis panduan PNPM Bandar.

### **2.5.2.3 Asas Hukum dan Tujuan**

Menurut konsep PNPM Bandar terdapat tiga kumpulan sasaran utama program yang disediakan bantuan teknikal/pemudahan (Ditjen Cipta Karya, 2012). Ketiga-tiga kumpulan, iaitu:

- a) Komuniti. Komuniti ialah warga kelurahan peserta program yang bergabung dengan BKM/KSM.
- b) Kerajaan Tempatan. Kerajaan tempatan ialah kerajaan bandar/kabupaten dan kerajaan kelurahan/kampung yang berkait rapat dengan pelaksanaan program ini.
- c) Pihak Peduli. Pihak Peduli adalah individu atau persatuan profesional, universiti, *NGO*, bank, dan lain-lain pihak yang menaruh minat atau perhatian terhadap kemiskinan.

### **2.5.2.4 Komponen Program**

Menurut Ditjen Cipta Karya (2012), klasifikasi bersiri proses pemeraksanaan komuniti dalam PNPM Bandar dijalankan melalui komponen program berikut:

a) Pembangunan Masyarakat

Komponen pembangunan masyarakat termasuk satu siri aktiviti untuk membangunkan kesedaran kritikal dan kebebasan masyarakat yang terdiri daripada pemetaan potensi, masalah dan keperluan masyarakat, perancangan penyertaan, penggunaan sumber, pemantauan dan penyelenggaraan daripada keputusan yang telah dicapai. Untuk menyokong aktiviti-aktiviti ini, disediakan dana penyokong bagi aktiviti pembelajaran komuniti, pembangunan relawan dan operasi penyertaan, fasilitator, pembinaan kapasiti, penengah dan perakuan.

b) Bantuan Langsung Masyarakat (BLM)

Komponen ini adalah galakan dana yang diberikan kepada kumpulan masyarakat untuk membiayai beberapa aktiviti yang dirancang oleh masyarakat bagi meningkatkan kebajikan, terutama golongan miskin.

c) Peningkatan Kapasiti Kerajaan dan Pelaksana Tempatan

Komponen ini adalah satu siri aktiviti yang membina kapasiti kerajaan tempatan dan pelaksana tempatan/kumpulan berkait lainnya untuk mampu mewujudkan keadaan yang kondusif dan sinergi untuk masyarakat terutama golongan miskin dalam mengekalkan kehidupan yang baik. Aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan komponen ini, iaitu: seminar, latihan, bengkel, lawatan lapangan yang terpilih dan lain-lain.

d) Bantuan Pengurusan dan Pembangunan Program

Komponen ini merangkumi aktiviti-aktiviti untuk menyokong kerajaan dan kumpulan-kumpulan lain yang terlibat di dalam pengurusan aktiviti seperti penyediaan perunding pengurusan, kawalan kualiti, penilaian, dan pembangunan program.

### 2.5.2.5 Pengurusan Program

Menurut Ditjen Cipta Karya (2012), pengurusan program PNPM Bandar secara umum dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu: (a) Pusat dan (b) Daerah.

a) Pusat.

Pihak yang bertanggungjawab terhadap pengurusan program di peringkat nasional adalah Kementerian Kerja Raya Direktorat Jenderal Cipta Karya yang bertindak sebagai institusi penganjur program (*executing agency*). Untuk melaksanakan PNPM Bandar, ditubuhkan Unit Pengurusan Program Pengurangan Kemiskinan Bandar (PMU P2KP) selaras dengan Keputusan Menteri Pekerjaan Umum No. 358/KPTS/M/2008 bertarikh 10 Jun 2008 tentang Organisasi dan Susunan Kerja Unit Pengurusan Program Pengurangan Kemiskinan Bandar.

b) Daerah.

Pengurusan program di peringkat daerah terdiri daripada:

1) Provinsi.

Di peringkat provinsi dibentuk Pasukan Penyelaras Pelaksanaan PNPM (TKPP) dengan Keputusan Gubernur melalui Badan Perancangan Pembangunan Daerah (Bappeda) Provinsi. Ahli TKPP terdiri daripada pejabat daripada agensi-agensi yang berkaitan di daerah, di bawah penyelarasan Pasukan Penyelaras Pengurangan Kemiskinan Daerah (TKPKD) Provinsi. Sebagai pelaksana ditetapkan Dinas Kerja Raya/Bidang Ke-Cipta Karya-an dalam kawalan/koordinasi Satker Non Menengah Tertentu (SNVT) PBL peringkat provinsi.

2) Kabupaten/Bandar.

Di peringkat Kabupaten/Bandar, dibentuk Pasukan Penyelaras Pelaksanaan PNPM (TKPP) berdasarkan Keputusan Datuk Bandar/Bupati melalui Badan Perancangan Pembangunan Daerah (Bappeda) Kabupaten/Bandar. Ahli-ahli TKPP terdiri daripada penjabat instansi berkaitan di bawah penyelarasan TKPKD kabupaten/bandar. Pelaksana pentadbiran ditetapkan Satker Pembangunan Infrastruktur Penempatan (PIP) Kabupaten/Bandar.


3) Kecamatan.

Di peringkat kecamatan, unsur utama pelaksanaan PNPM Bandar adalah: 1) Camat dan staf, dan 2) Penanggungjawab Operasi Kegiatan (PJOK). Peranan utama camat adalah untuk memberikan sokongan dan jaminan pada kelancaran pelaksanaan PNPM Bandar di kawasan masing-masing. PJOK adalah staf kecamatan yang ditetapkan melalui Keputusan Bupati/Datuk Bandar untuk mengawal aktiviti-aktiviti di peringkat kelurahan sesuai wilayah kerjanya.

4) Kelurahan.

Di peringkat kelurahan, pelaksana kerajaan untuk program pemerksaan komuniti adalah Lurah (ketua kampung) dan staf kelurahan. Secara umum peranan utama Lurah adalah memberikan sokongan dan menjamin bahawa pelaksanaan program pemerksaan komuniti di kawasan mereka boleh berjalan dengan lancar mengikut kaedah-kaedah yang diguna pakai supaya objektif program pemerksaan komuniti boleh dicapai dengan baik. Untuk itu Lurah boleh menggunakan staf kelurahan mengikut fungsi masing-masing.

Struktur organisasi PNPM Bandar seperti ditunjukkan dalam Rajah 2.7.



Rajah 2.7: Struktur organisasi pengurusan program

Sumber: Ditjen Cipta Karya (2012)

Daripada Rajah 2.7 di atas, difahami bahawa PNPM Bandar adalah program pemerksaan komuniti yang ditujukan kepada komuniti di peringkat kampung/kelurahan. Yang menjadi tanda atur cara daripada program ini ialah penyaluran pembiayaan aktiviti-aktiviti operasi diberikan secara langsung kepada masyarakat dan bukan melalui kerajaan tempatan. Walau bagaimanapun, bagi memastikan kemapanan pelbagai keputusan yang dicapai, program pemerksaan ini memerlukan penglibatan pihak-pihak berkuasa daripada kerajaan daerah secara penuh, sinergi yang wujud dalam masyarakat, dan kumpulan peduli (swasta,



universiti, media, NGO, dan sebagainya) serta perkongsian di antara ketiga-tiga pihak.

### **2.5.3 Isu-isu Pelaksanaan Program Pemerksaan Komuniti**

Di Indonesia, kemiskinan merupakan satu masalah sosial yang tidak mudah untuk mengatasi, tetapi ianya sangat penting untuk diuruskan. Ia boleh dilihat dengan jelas daripada pelaksanaan program pemerksaan komuniti PNPM Bandar. Pelaksanaan program ini menunjukkan perhatian khusus yang diberikan oleh kerajaan pusat dalam mengurangkan kemiskinan dengan menggunakan pendekatan pemerksaan komuniti.


Malah, PNPM Bandar yang dilaksanakan sebagai projek pemerksaan komuniti (Ditjen Cipta Karya, 2012). Bermula pada tahun 1999, program ini dipanggil P2KP. Kemudian pada tahun 2007 ia dipanggil PNPM Bandar. Sebagai program berasaskan projek, pada 31 Desember 2015, program ini telah selesai. Akan tetapi pada tahun 2016 ia terus dilaksanakan tetapi menggunakan nama program Bandar Tanpa Slum (Kotaku) (rujuk <http://kotaku.pu.go.id/>). Hal ini menunjukkan bahawa walaupun ia adalah berdasarkan kepada projek, program pemerksaan komuniti di kawasan bandar ini terus dijalankan sehingga pada masa ini.

Pada tahun 2014, fakta-fakta tentang keadaan kemiskinan di Indonesia yang dilaporkan oleh Kementerian PPN/Bappenas RI menunjukkan bahawa tahap kemiskinan pada Mac 2014 adalah 11.25 peratus atau turun 0.11 peratus berbanding pada Mac 2013. Akan tetapi, penurunan ini telah diikuti peningkatan jurang (*disparity*) antara wilayah, di mana peningkatan jurang tersebut disebabkan oleh

keadaan kemiskinan pada masa ini telah mencapai tahap kronik dan keadaan ekonomi makro yang belum optimum (Iryanti, 2014).

Menurut Iryanti (2014) pula, daripada segi ekonomi, punca jurang tersebut adalah kerana pertumbuhan di kawasan bandar adalah tidak sekata berbanding di kawasan luar bandar. Manakala daripada segi faktor bukan ekonomi adalah jurang perkhidmatan asas pendidikan dan kesihatan, akses identiti, dan lain-lain infrastruktur asas. Oleh itu, polisi yang ditetapkan oleh pihak kerajaan pusat adalah akan terus melanjutkan program-program pengurangan kemiskinan yang terintegrasi (*pro-poor growth, pro-job, pro-poor*) dalam usaha untuk mewujudkan kebajikan masyarakat, khususnya golongan miskin.

Walau bagaimanapun, pada tahun 2014-2016 diperolehi data bahawa walaupun HDI Indonesia menunjukkan trend meningkat, tetapi ianya belum mencapai sasaran yang diharapkan. Hal ini ditunjukkan dalam Rajah 2.8.



Rajah 2.8: Tren HDI Indonesia

Sumber: BPS (2016)

Malah kemiskinan di Indonesia adalah satu isu yang sangat kompleks, kerana ia tidak hanya berkaitan dengan masalah pematuhan keperluan hidup harian yang rendah, komuniti yang berpendapatan rendah, tetapi juga ketidakupayaan dalam faktor ekonomi dan bukan ekonomi. Di samping itu, untuk menangani masalah kemiskinan ia perlu dilakukan bersama-sama dengan melibatkan seluruh pihak sama ada kerajaan, swasta, dan masyarakat itu sendiri.

Memandangkan masalah kemiskinan adalah kompleks, walaupun program-program berkaitan untuk mengurangkan kemiskinan telah dilaksanakan, tetapi ia dinilai belum tepat ke sasaran, di mana program-program yang sedia ada masih belum memahami kehendak sebenar golongan orang miskin. Ini dikenali dari laporan-laporan pelbagai pihak, antaranya ialah laporan kajian Tim INFID (2010) yang menunjukkan fakta-fakta, seperti berikut:

- a. Kekurangan penyertaan masyarakat dalam pelaksanaan program ini.
- b. Lebih berorientasikan hasil dan tidak memperkasakan komuniti.
- c. Sinergi tidak dibangunkan antara pihak kerajaan tempatan, pihak pengurusan program, komuniti, dan institusi-institusi yang berkaitan dengannya.

Daripada penerangan di atas, ia adalah jelas bahawa dasar yang diambil oleh pihak kerajaan untuk meneruskan program-program pemerksaan komuniti untuk pengurangan kemiskinan menunjukkan bahawa masalah kemiskinan belum terselesaikan secara komprehensif. Oleh itu, untuk menangani masalah kemiskinan ini masih memerlukan kajian yang berterusan untuk mengoptimumkan proses pelaksanaan program pengurangan kemiskinan. Ini kerana kemiskinan merupakan satu masalah yang mengambilkira ciri-ciri yang pelbagai. Di samping itu, walaupun pelbagai program pengurangan kemiskinan telah dijalankan, gejala kemiskinan juga

semakin meningkat sehingga memerlukan pendekatan baharu (inovasi) untuk mengatasinya.

Daripada fakta-fakta di atas, difahami bahawa pengurangan kemiskinan adalah satu proses yang panjang, yang memerlukan kerjasama antara semua komponen secara komprehensif dan bersepadu dalam pelaksanaannya. Oleh itu, satu kajian mengenai kemampuan program pemerksaan komuniti dan unsur-unsur yang berkaitan dengan itu amat diperlukan untuk menambah baik proses pelaksanaan program pengurangan kemiskinan.


## **2.6 Kajian Terdahulu dalam KM**

### **2.6.1 KM dalam Syarikat di China**

Chen (2006) mencadangkan satu rangka kerja KM untuk menyokong perusahaan di Cina. Ia adalah berdasarkan kajian kes KM yang telah berjaya dilaksanakan dalam beberapa tahun kebelakangan. Model dinamik yang dicadangkan (Rajah 2.9) memasukan enam aktiviti KM yang saling berkaitan, iaitu: menangkap, menyimpan, berkongsi, mengeksploitasi, dan meneroka pengetahuan.

Model itu menunjukkan tiga faktor utama dalam proses penggunaan strategi KM, iaitu: manusia, teknologi dan polisi. Berdasarkan model dinamik KM ini, Chen (2006) menganalisis: (1) bagaimana kerja pengetahuan dalam sesebuah organisasi dan kesan tiga faktor utama itu untuk melaksanakan KM dalam konteks budaya Cina dan teknologi, (2) mengapa perusahaan Cina perlu membangun KM sama ada dalam lingkungan ekonomi global mahupun pembangunan organisasi, dan (3) bagaimana sesebuah organisasi dapat melaksanakan strategi KM dikaitkan dengan dengan tiga faktor utama pelaksanaan KM berdasarkan arus keadaan perusahaan di Cina.

Menurut Chen (2006) sebagai satu strategi, KM: (i) boleh bertindak pada tahap yang berbeza seperti individu, kumpulan, organisasi, dan juga negara, (ii) boleh membantu perusahaan di Cina untuk memperolehi kelebihan daya saing dalam persekitaran ekonomi global, dan (iii) boleh memudahkan pengembangan organisasi. Selain itu, inisiatif KM adalah: (a) boleh memudahkan penciptaan pengetahuan untuk perusahaan Cina, (b) membolehkan aliran dan kerja pengetahuan perusahaan di Cina berjalan secara optimum.




Rajah 2.9: Model dinamik KM

Sumber: Chen (2006)

Walaupun terdapat banyak model KM yang berjaya dalam perusahaan-perusahaan di Barat, perusahaan dikehendaki membina rekabentuk sistem KM menurut budaya tempatan. Oleh itu, Chen (2006) mencadangkan bahawa perusahaan harus mempertimbangkan dan menguruskan tiga faktor utama di persekitaran teknologi dan budaya tempatan dengan baik untuk melaksanakan strategi KM yang berjaya.

## 2.6.2 Faktor-faktor Kritikal Dalam KM Bagi Projek Perniagaan

Ajmal *et al.*, (2010) meneroka kajian untuk mengenal pasti dan memeriksa pelbagai faktor yang mempengaruhi kejayaan atau kegagalan inisiatif KM dalam syarikat-syarikat yang berasaskan projek. Mereka membina sebuah model konsep inisiatif KM (Rajah 2.10) dengan enam faktor utama yang berpotensi untuk kejayaan inisiatif KM. Model ini kemudiannya diperiksa melalui kaji selidik dalam talian yang ditujukan kepada pengurus dan pembantu daripada projek perniagaan di Finland.




Rajah 2.10: Model konseptual faktor-faktor yang mempengaruhi inisiatif KM

Sumber: Ajmal *et al.*, (2010)

Kajian Ajmal *et al.*, (2010) mendapati bahawa kekurangan insentif dan kekurangan sistem maklumat yang betul adalah halangan yang paling penting kepada inisiatif KM yang berjaya dalam projek ini. Penyelidikan ini terhad kepada kajian empirikal. Implikasi penyelidikan adalah bahawa pengurus projek harus merangka sebuah pakej insentif yang menarik untuk menggalakkan ahli-ahli projek bagi mengambil bahagian dalam inisiatif KM dan mencadangkan ide untuk peluang KM yang baharu. Pengurus juga perlu memastikan bahawa sistem maklumat yang berkesan harus mesra (*user-friendly*) sebelum memperkenalkan inisiatif KM.

### 2.6.3 Model KM Organisasi Sektor Awam: Satu Kajian Kes

Girard dan McIntyre (2010) menyiasat kejayaan model KM kepada organisasi sektor awam. Menggunakan pendekatan kajian kes, mereka menunjukkan nilai pemodelan KM berasaskan sains dalam perkhidmatan awam di Kanada. Daripada keputusan kajian ini diperolehi sebuah model KM yang dipanggil *The Inukshuk* (Rajah 2.11). Model tersebut menyediakan satu pendekatan yang holistik dan terdiri daripada lima faktor pemboleh, iaitu: teknologi, kepimpinan, budaya, pengukuran, dan proses.



Rajah 2.11: Model KM organisasi di sektor awam


Sumber: Girard dan McIntyre (2010)

Kajian ini menjelaskan bahawa KM boleh menjadi satu cara untuk pemimpin masa hadapan menghadapi banyak cabaran dengan organisasi mereka. Walau bagaimanapun, bagi memastikan pulangan terbaik atas pelaburan pengetahuan, ia

adalah perlu untuk memahami faktor pemboleh KM bagi memastikan organisasi mendapat manfaat maksimum. Manakala implikasi praktikal kajian ini iaitu model yang dicadangkan boleh digunakan untuk lain-lain inisiatif bagi memudahkan perancangan dan pelaksanaan KM dalam organisasi sektor awam.

#### 2.6.4 Satu Kajian Faktor Pemboleh KM di Pelbagai Negara

Magnier-Watanabe, Benton, dan Senoo (2011) menyelidiki faktor KM dalam organisasi di empat negara. Tujuannya adalah untuk menilai kesan faktor pemboleh KM yang meliputi: kepimpinan, *Ba*, budaya organisasi, kawalan organisasi kebangsaan, dan gaya kerja KM, yang merujuk kepada proses sosialisasi, eksternalisasi, kombinasi, dan internalisasi (*SECI*) (Rajah 2.12).



Rajah 2.12: Model faktor pemboleh KM

Sumber: Magnier-Watanabe *et al.*, (2011)

Kaji selidik yang dijalankan mendapatkan data melalui soal selidik yang diedarkan kepada syarikat induk di Jepun dan cawangan perusahaannya yang berada di Amerika Serikat, China, dan Perancis. Magnier-Watanabe *et al.*, (2011) kemudian berbanding bagaimana faktor organisasi mempengaruhi proses KM dalam pelbagai perusahaan itu. Penyelidikan ini menunjukkan bahawa faktor-faktor organisasi mempengaruhi amalan KM secara berbeza di setiap negara.




Selain itu, kajian Magnier-Watanabe *et al.*, (2011) menunjukkan bahawa aktiviti KM dalam organisasi perlu disesuaikan dengan ciri-ciri organisasi untuk meningkatkan kecekapan dalam usaha jauhnya. Di samping itu, ia menunjukkan bahawa strategi yang berkenaan amat penting untuk amalan KM yang berkesan, walaupun ia diamalkan pada organisasi perniagaan yang sama tetapi tempat yang berbeza.

### **2.6.5 Model KM Untuk Menghubungkan Strategi, Faktor Kritikal Kejayaan, Amalan dan Prestasi Organisasi: Kes Universiti di Iran**

Kajian Akhavan *et al.*, (2011) bertujuan untuk mengkaji pengaruh strategi KM yang berbeza di universiti dan prestasi institusi pengajian tinggi. Para penyelidik ini melakukan langkah-langkah mengenal pasti, menganalisis dan mengelaskan faktor-faktor yang menghubungkan strategi KM, prestasi organisasi, dan amalan KM di universiti; dan membina sebuah model (Rajah 2.13) yang komprehensif untuk menyiasat pengaruh strategi KM yang berbeza pada universiti dan institusi pengajian tinggi.

Kajian ini dijalankan berdasarkan fakta bahawa sebelum itu tiada kajian yang menyiasat faktor-faktor yang mungkin mempunyai kesan sederhana kepada hubungan antara strategi KM dan prestasi organisasi. Dalam kajian ini dinyatakan juga bahawa strategi KM yang berjaya seharusnya mengenal pasti faktor-faktor utama bagi organisasi dan memanfaatkannya kepada keputusan organisasi. Antara faktor-faktor yang dimaksudkan ialah profesionalisme, pengalaman, kemahiran, keupayaan pengetahuan, komunikasi sosial antara kakitangan, dan terutamanya dalam kalangan pengurus universiti.



Rajah 2.13: Model konseptual KM

Sumber: Akhavan *et al.*, (2011)

### 2.6.6 Peranan KM dalam Pemerksaan Kakitangan Universiti di Iran

Kajian Azizollah, Elahe, Zhara dan Shirvan (2013) adalah dilakukan untuk memeriksa peranan aspek KM dalam memperkasakan kakitangan di Universiti Sistan dan Baluchestan, Iran. Dalam kajian ini, pemerksaan dianggap sebagai satu faktor yang penting dalam pengurusan yang berjaya, di mana faedah-faedah pemerksaan diketahui boleh merujuk kepada beberapa perkara, iaitu: komitmen pekerja, perkhidmatan, kecekapan, responsif, kuasa sinergi dan pengurusan. Kajian ini bersifat Deskriptif. Manakala untuk menganalisis data digunakan perisian SPSS.

Daripada dimensi KM yang selidiki, diperolehi keputusan bahawa selain daripada pemindahan pengetahuan (*knowledge transfer*) dan kemudahan KM (*KM facilities*), dimensi yang lain adalah budaya KM (*the culture of KM*), penyelenggaraan pengetahuan (*knowledge maintenance*), dokumentasi pengetahuan (*knowledge documentation*). Manakala budaya KM dan penyelenggaraan pengetahuan dinyatakan tidak mempunyai kesan yang ketara ke atas pemerksaan kakitangan.

### **2.6.7 Peranan KM dalam Pemerksaan Kakitangan Bank di Iran**

Ahmadi, Hoseinipour, dan Ghahramani (2014) dalam penyelidikannya mengkaji peranan KM dalam pemerksaan kakitangan dalam Bank Refah dan cawangannya di Provinsi Azarbaijan Barat. Kaedah penyelidikan kajian ini adalah Deskriptif–Korelasi. Keputusan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan antara KM dan pemerksaan kakitangan bank dalam bank Refah dan cawangannya di Azarbaijan Barat. Peranan KM meliputi penciptaan (*knowledge creation*), penyimpanan (*knowledge storage*), pengagihan (*knowledge distribution*), dan penggunaan pengetahuan (*knowledge utilization*).

### **2.6.8 Pembangunan Model KM Untuk Menguruskan Masalah Diabetes di Thailand**

Kajian Viriyavipart *et al.*, (2014) merupakan satu kajian tindakan penyertaan mengenai masalah diabetes. Objektif kajian ini adalah untuk memperkasakan komuniti dan proses pengurusan pengetahuan terhadap amalan terbaik menangani masalah diabetes. Kawasan pengkajian adalah Nongkung, terletak di daerah Kaedam di Provinsi Mahasarakham yang mempunyai kadar pesakit diabetes yang sangat tinggi.

Kaedah kajian terdiri daripada pemerhatian, penyertaan, dialog untuk bertukar-tukar dengan lebih mendalam, pembelajaran temubual, perbincangan kumpulan fokus dan penubuhan forum komuniti. Populasi yang dikaji adalah pemimpin masyarakat, wakil-wakil daripada pentadbiran daerah kecil, pusat kesihatan, pejabat kesihatan daerah dan 1,085 penghidap diabetes dan berisiko tinggi penyakit diabetes yang berumur 35 tahun dan banyak lagi.

Hasil kajian menunjukkan bahawa daripada proses pembelajaran yang dilaksanakan harus ada tiga kategori utama untuk menyelesaikan penyakit kencing manis, iaitu: 1) pemimpin melawat rumah, 2) pemimpin pentadbiran, dan 3) pesakit diabetes dan saudara yang boleh membantu membuat keputusan yang baik. Daripada kajian ini difahami bahawa model KM yang dibangunkan berkaitan dengan proses KM untuk memperkasakan komuniti bagi menjalankan amalan terbaik dalam menangani masalah diabetes melalui suatu proses pembelajaran yang melibatkan masyarakat dan pelbagai pihak berkepentingan di kawasan tempatan.

### **2.6.9 Model KM untuk Inovasi**

Tjakraatmadja, Sushandoyo, dan Kristinawati (2015) mencadangkan sebuah model KM untuk menguruskan pengetahuan dalam organisasi supaya pertubuhan itu mampu melahirkan inovasi (Rajah 2.14). Model itu menunjukkan bahawa organisasi mesti menyediakan asas yang kukuh dalam bentuk budaya saling mempercayai dan mempelajari tabiat. Asas itu adalah untuk menyokong penubuhan organisasi pembelajaran dan daripadanya dibina dua pilar, iaitu: (1) pekerja berpengetahuan (*knowledge workers*), dan (2) kemudahan sokongan proses pembelajaran (*learning facilities*).



Rajah 2.14: Model KM untuk inovasi

Sumber: Tjakraatmadja *et al.*, (2015)

Walau bagaimanapun, di atas organisasi pembelajaran tersebut dibina dua pilar untuk mencipta sebuah bangunan seperti rumah, iaitu: metode KM (*KM Methods*) dan perkakas KM (*IT*). Asas dan pilar-pilar itu menyerupai sebuah bangunan organisasi pembelajaran yang dipanggil Model Rumah Jann KM untuk Inovasi (Tjakraatmadja *et al.*, 2015). Daripada model itu difahami bahawa sesebuah organisasi dapat melaksanakan KM dengan cara yang baik, manakala organisasi itu telah mempunyai ciri-ciri sebagai sebuah bangunan organisasi pembelajaran.

#### 2.6.10 Model KM untuk Pembelajaran Komuniti di Thailand

Kajian Sompong dan Rampai (2015) menyelidiki Pusat Pembelajaran Komuniti (ICT-CLC) di Thailand untuk meningkatkan potensi ICT ke dalam masyarakat berasaskan pengetahuan dan mengembangkan sebuah model KM untuk mengukuhkannya (Rajah 2.15).



Rajah 2.15: Model KM untuk Pusat Pembelajaran Komuniti


Sumber: Sompong dan Rampai (2015)

Beberapa kajian terdahulu telah menunjukkan bahawa Pusat Pembelajaran Komuniti di Thailand akan mengalami banyak masalah dalam operasi. Hampir seluruh pusat pembelajaran tidak dapat mengintegrasikan aplikasi ICT dalam meningkatkan potensi dalam pembangunan masyarakat. Objektif kajian ini adalah untuk: 1) mengkaji isu-isu, halangan, dan amalan terbaik dalam kearifan tempatan untuk mengukuhkan Pusat Pembelajaran Komuniti TIK (ICT-CLC) di pelbagai wilayah di Thailand, 2) membangunkan sebuah model KM kearifan tempatan untuk mengukuhkan ICT-CLC, 3) membangunkan sebuah pelan operasi latihan untuk ahli-ahli jawatankuasa dan kakitangan untuk mengukuhkan pusat pentadbiran, dan 4) menilai pelan operasi strategik KM untuk mengukuhkan ICT-CLC. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa majoriti daripada pusat pembelajaran ICT-CLC di Thailand mempunyai masalah dan kekangan dari segi pengurusan dan perkhidmatan. Selain itu, banyak pusat-pusat kecil yang tidak mempunyai rancangan jangka panjang, aktiviti penyelenggaraan dan kearifan tempatan.

### 2.6.11 Model Hubungan KM dan Pemerksaan Pekerja

Hasani dan Sheikhesmaeili (2016) melakukan penyelidikan untuk mengkaji hubungan antara KM dan pemerksaan pekerja di institusi pengajian tinggi. Subjek kajian adalah ahli-ahli kakitangan institusi pendidikan tinggi di Iran. Cadangan model dalam kajian ini menerangkan hubungan antara KM dan pemerksaan pekerja yang diperolehi daripada model yang dicadangkan oleh Sallis (2002), Chen dan Huang (2007), Massa dan Testa (2009), dan model pemerksaan yang berpunca daripada Spreitzer dan Mishra (1999). Model kajian ini ditunjukkan pada Rajah 2.16.



Rajah 2.16: Model hubungan antara KM dan pemerksaan pekerja

Sumber: Hasani dan Sheikhesmaeili (2016)

Kaedah penyelidikan dalam kajian ini adalah deskriptif. Manakala untuk menganalisis data digunakan perisian SPSS. Dalam kajian ini, dimensi KM yang dikaji iaitu: penciptaan pengetahuan, pencapaian pengetahuan, penyimpanan

pengetahuan, berbagi pengetahuan dan aplikasi pengetahuan. Manakala dimensi pemerksaan pekerja meliputi: makna, kompetensi, otonomi, efektifitas dan kepercayaan. Keputusan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara KM dan pemerksaan pekerja. Di samping itu, peranan positif KM adalah ia boleh meramalkan aspek pemerksaan pekerja di institusi pengajian tinggi.

#### **2.6.12 Implikasi Kajian Lepas Terdahulu Terhadap Penyelidikan**

Berdasarkan huraian dan analisis penyelidikan KM lepas, KM boleh difahami dan ditafsirkan sebagai satu usaha untuk mengeksploitasi potensi pengetahuan dalam pengurusan organisasi, sama ada di peringkat individu dan organisasi untuk mencapai tujuan organisasi selaras dengan misi yang telah ditetapkan. Usaha ini mendedahkan inisiatif KM sebagai satu penyelesaian yang berkesan bagi memantapkan pelaksanaan tugas-tugas organisasi dalam pelbagai perspektif.

Secara khusus, pembangunan penyelidikan dalam bidang KM mempunyai perbezaan dari segi tumpuan, iaitu: (i) penyelidikan yang memberi tumpuan kepada proses KM, (ii) penyelidikan yang memberi tumpuan kepada pengetahuan sebagai sumber/aset.

Tumpuan pertama adalah untuk menyiasat bagaimana proses penciptaan pengetahuan dan perkongsian pengetahuan berlaku dalam organisasi, termasuk pengkalan aktiviti, pengambilan, dan juga aplikasi KM. Tumpuan kedua adalah mengguna pakai pandangan yang berdasarkan sumber. Pandangan ini menyiasat pengetahuan organisasi sebagai aset, manakala tujuannya adalah untuk menyiasat kesan keupayaan KM terhadap prestasi organisasi.

Kedua-dua fakta di atas sama ada tumpuan kajian mahupun perbezaan organisasi menunjukkan bahawa pengetahuan setiap organisasi dan bagaimana untuk



mengurus pengetahuan sememangnya berbeza. Perkara yang sama dinyatakan oleh Spender dan Scherer, (2007) bahawa inisiatif KM dalam organisasi adalah mengikut perspektif tertentu. Menurut Hurley dan Green (2005), ia melibatkan ciri-ciri pelbagai elemen dalam organisasi yang melibatkan manusia, teknologi, struktur organisasi, dan tugas-tugas yang dikerjakan. Perkara ini menunjukkan bahawa aktiviti-aktiviti KM dari penciptaan pengetahuan sehingga penggunaannya, banyak dipengaruhi oleh faktor-faktor persekitaran organisasi yang tidak terkira banyaknya.

Hasil penyelidikan terdahulu telah menunjukkan bahawa model KM adalah kritikal untuk membangunkan konsep KM dalam organisasi untuk menyiasat strategi yang berkesan bagi pencapaian objektif. Di samping itu, kecenderungan menyajikan model KM dalam pelbagai penyelidikan di atas, menunjukkan bahawa model KM adalah konsep terbuka yang selaras dengan ciri-ciri organisasi dan objektif penyelidikan. Walaupun pelbagai penyelidikan KM telah dijalankan sama ada kuantitatif mahupun kualitatif, pelbagai aktiviti dan faktor pemboleh KM dalam persekitaran organisasi masih perlu didedahkan lagi kerana ia berpotensi menjejaskan kejayaan/kegagalan inisiatif KM. Ini telah membantu penyelidik untuk merangka fokus penyelidikan yang dijalankan dalam perspektif yang selaras dengan ciri-ciri organisasi dan keadaan di persekitarannya.

## **2.7 Rumusan**

Bahagian ini telah menerangkan konsep-konsep, teori-teori atau perspektif yang relevan yang digunakan penyelidik untuk menyusun kerangka penyelidikan. Termasuk untuk menganalisis dan menginterpretasi data. Dari keterangan ini didapati bahawa inisiatif KM dalam sesebuah organisasi adalah sangat berbeza, di mana ia mengikut perspektif tertentu, dan boleh dilakukan dalam pelbagai cara.

Adapun pelaksanaan program pemerksaan komuniti di Indonesia, khususnya di Provinsi Gorontalo telah menjadi keutamaan. Selain itu, ia bertujuan bagi pengurangan bilangan kemiskinan, manakala pelaksanaannya memerlukan penglibatan pihak-pihak berkuasa daripada kerajaan daerah, masyarakat, dan kumpulan peduli.

Oleh itu, dalam penyelidikan ini proses pelaksanaan pemerksaan komuniti perlu dilihat dari segi konsep berasaskan pengetahuan. Memandangkan nilai utama untuk menguruskan pengetahuan dalam konteks pemerksaan komuniti adalah bagaimanakah keupayaan individu untuk mencipta pengetahuan dan menggunakannya untuk mencipta kebajikan komuniti dan untuk mencipta inovasi melalui penubuhan organisasi pembelajaran.

Walau bagaimanapun, kajian terdahulu tentang KM dan pemerksaan komuniti telah dijalankan di pelbagai negara. Tetapi berbanding dengan penyelidikan ini, ia adalah berbeza dari segi masalah, objektif, lokasi, dan metode penyelidikan. Sehingga penyelidikan ini boleh melengkapkan kekurangan penyelidikan KM yang dikaitkan dengan usaha membantu pengurangan kemiskinan melalui program pemerksaan komuniti, khususnya di provinsi Gorontalo, Indonesia.

## **BAB TIGA**

### **METODOLOGI PENYELIDIKAN**

#### **3.1 Pengenalan**

Bab ini menerangkan langkah-langkah terperinci pelaksanaan penyelidikan. Bermula dari pendekatan penyelidikan, reka bentuk penyelidikan, termasuklah reka bentuk kajian kes, rangka kerja penyelidikan, kaedah penentuan peserta, kaedah pengumpulan data, kesahan data, analisis data, dan proses analisis data.

#### **3.2 Pendekatan Penyelidikan**

Secara umumnya, penyelidikan merupakan aktiviti program saintifik, berstruktur, dan mempunyai tujuan tertentu. Menurut Sekaran (2003) penyelidikan adalah suatu aktiviti yang tersusun, sistematik, berasaskan data, kritikal, objektif, dan saintifik untuk mencari jawapan atau pemahaman yang lebih baik ke atas masalah. Dalam penyelidikan ini, digunakan pendekatan kualitatif. Menurut Creswell (2009) penyelidikan kualitatif merupakan satu kaedah untuk meneroka dan memahami makna yang datang dari masalah manusia atau sosial, manakala menurut Yin (2011) penyelidikan kualitatif adalah untuk mempelajari erti kehidupan ramai, di bawah keadaan dunia sebenar.

Berdasarkan objektif dan persoalan penyelidikan, penyelidik menggunakan strategi kajian kes untuk mendedahkan hubungkait antara KM dan program pemeraksanaan komuniti. Ini adalah selaras dengan definisi kajian kes menurut Yin (2014), iaitu suatu penyelidikan empirik untuk menyiasat satu fenomena kontemporari dalam konteks kehidupan sebenar, ketika sempadan di antara fenomena dan konteks tidak jelas, dan menggunakan berbilang sumber data. Selain itu, menurut Yin (2014) pula,

kajian kes adalah sesuai untuk menjawab persoalan penyelidikan ‘bagaimanakah’ dan/atau ‘mengapa’. Tambahan pula, ciri-ciri kajian kes yang lain adalah ianya terhad kepada masa dan aktiviti, dan menggunakan pelbagai kaedah pengumpulan data tertentu (Stake, 1995).

### **3.3 Reka Bentuk Penyelidikan**

Reka bentuk penyelidikan adalah logik kaitan antara data yang dikumpul, soalan-soalan penyelidikan, kaedah yang digunakan, dan hasil penyelidikan. Yin (2014) menyifatkan ini sebagai “pelan tindakan untuk berlepas dari sini ke sana”. Sementara menurut Philiber *et al.*, (1980) seperti dicatatkan dalam Yin (2014), reka bentuk penyelidikan adalah rangka tindakan (*blue print*) penyelidikan yang sesuai dengan sekurang-kurangnya empat persoalan, iaitu: apa-apa yang perlu ditanya, bagaimana data berkaitan, data yang mesti dikumpul, dan bagaimanakah analisis data. Dalam penyelidikan ini, reka bentuk penyelidikan dijalankan mengikut langkah-langkah utama, iaitu: reka bentuk kajian kes, rangka kerja penyelidikan, kaedah penentuan peserta, kaedah pengumpulan data, kesahan data, analisis data, dan proses analisis data. Untuk kepentingan reka bentuk penyelidikan ini, penyelidik menjelaskan perkaitan antara soalan penyelidikan, objektif penyelidikan, kaedah yang digunakan, dan hasil penyelidikan, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.1.

#### **3.3.1 Reka Bentuk Kajian Kes**

Strategi penyelidikan yang dijalankan dalam kajian ini, termasuk dalam bentuk kajian kes deskriptif-eksplorasi (Yin, 2014). Dalam penyelidikan ini, kajian deskriptif bertujuan untuk menggambarkan pelaksanaan program pemerksaan komuniti manakala kajian eksplorasi dijalankan untuk mendedahkan kefahaman yang lebih mendalam tentang hubungkait KM dan pemerksaan komuniti.

Jadual 3.1

*Perkaitan persoalan penyelidikan*


<b>Persoalan Penyelidikan</b>	<b>Objektif Penyelidikan</b>	<b>Kaedah</b>	<b>Hasil</b>
Bagaimanakah KM boleh diintegrasikan dalam proses pemeraksanaan komuniti?	Untuk mengenal pasti sumber pengetahuan yang wujud dalam proses pemeraksanaan komuniti	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengumpulan data: temubual, pemerhatian, analisis dokumentasi.</li> <li>• Analisis data: Analisis Interaktif.</li> </ul>	Deskripsi sumber pengetahuan
Bagaimanakah KM boleh digunakan dengan cara yang sesuai untuk memantapkan pelaksanaan pemeraksanaan komuniti?	Untuk menganalisis konsep KM dalam proses pemeraksanaan komuniti menggunakan sumber pengetahuan yang dikenalpasti	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengumpulan data: temubual, pemerhatian, analisis dokumentasi.</li> <li>• Analisis data: Analisis Interaktif.</li> </ul>	Deskripsi aktiviti KM dan faktor-faktor pemboleh KM
Bagaimanakah KM boleh digunakan dengan cara yang sesuai untuk memantapkan pelaksanaan pemeraksanaan komuniti?	Untuk membina model KM untuk pemeraksanaan komuniti	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengumpulan data: temubual, analisis dokumentasi/ literatur.</li> <li>• Analisis data: Penjodohan pola.</li> </ul>	Model KM

Sumber: diadaptasi daripada Norshuhada dan Shahizan (2010)

Dalam penyelidikan ini, konsep KM yang berkaitan dengan objektif penyelidikan terbahagi kepada dua komponen, iaitu: aktiviti KM (Abdullah, 2008; Alavi, 1997; Holsapple & Joshi, 2008), dan faktor pemboleh KM (Bhatt, 2000; Cong & Pandya, 2003; Edwards, 2009; Hurley & Green, 2005; Misra, 2007; Nair, 2005; Nonaka & Takeuchi, 2004). Komponen aktiviti KM berkait rapat dengan aktiviti manipulasi pengetahuan yang terdiri daripada aktiviti pemerolehan, penyimpanan, pengagihan,

dan penggunaan pengetahuan, manakala komponen faktor pemboleh KM adalah terdiri daripada unsur: manusia, proses, organisasi, dan teknologi.

Untuk tujuan penyelidikan ini, kedua-dua komponen tersebut adalah sebahagian daripada konsep KM yang diekstrak daripada kajian literatur yang telah dibincangkan sebelum ini. Perincian kedua-dua komponen ditunjukkan pada Rajah 3.1.



Rajah 3.1: Komponen-komponen penyelidikan

Dalam penyelidikan ini, organisasi pengurusan program PNPM Bandar ditetapkan sebagai unit analisis. Ia adalah selaras dengan penyata Sekaran (2003) bahawa unit analisis merujuk kepada peringkat kesatuan data yang dikumpulkan dalam tahap analisis data, di mana organisasi adalah termasuk satu unit analisis. Sehubungan dengan itu, data dan maklumat mengenai pelaksanaan program pemerksaan komuniti dikumpulkan daripada pengurus organisasi di wilayah tempatan. Organisasi yang menjadi unit analisis dalam penyelidikan ini, iaitu: (1) Kerajaan daerah (provinsi, kabupaten/bandar, kecamatan, kampung/desa), (2) OSP (perunding/fasilitator), dan (3) BKM (komuniti).

Walau bagaimanapun, difahami bahawa strategi kajian kes daripada penyelidikan ini adalah sebuah kes tunggal (pemeriksaan komuniti) yang melibatkan pelbagai unit analisis. Mengikut Yin (2014), kajian kes yang menerima lebih daripada satu unit analisis merupakan jenis kajian kes tunggal terjal. Oleh itu, reka bentuk kajian ini termasuklah kepada Jenis-2 (Rajah 3.2). Penentuan jenis reka bentuk kajian ini pada dasarnya untuk menyokong pemahaman penyelidikan ini sebagai satu bentuk kajian kes.

	Kes Tunggal	Kes Berbilang
Holistik (satu unit analisis)	Jenis-1	Jenis-3
Terjal (berbilang unit analisis)	Jenis-2	Jenis-4

Rajah 3.2: Jenis reka bentuk kajian

Sumber: Yin (2014)

### 3.3.2 Rangka Kerja Penyelidikan


Rangka kerja penyelidikan adalah tahap operasi pelaksanaan penyelidikan yang dijalankan. Penyelidikan ini memasukkan empat fasa yang diringkaskan daripada Bodgan dan Biklen (2007), Creswell (2009), Miles dan Huberman (1984), Patton (2002), dan Yin (2014) seperti ditunjukkan pada Rajah 3.3.

Huraian setiap fasa adalah seperti berikut:

(i) Fasa Justifikasi Kajian

Fasa ini adalah satu tahap di mana penyelidik melakukan pengumpulan data dan analisis sebelum memasuki lapangan. Ia dijalankan untuk mendapatkan konsep sebenar daripada program pemeriksaan komuniti dan bagi menentukan fokus penyelidikan. Kaedah pengumpulan data yang dijalankan dalam fasa ini adalah

temubual dengan pihak perunding dan analisis dokumentasi yang berkaitan dengan program pemerksaan komuniti (PNPM Bandar).



Rajah 3.3: Rangka kerja penyelidikan

(ii) Fasa Pengumpulan Data

Fasa ini adalah satu langkah untuk memperolehi data yang diperlukan dalam penyelidikan. Bagi pelaksanaan fasa ini, dilakukan penyusunan pada instrumen pengumpul data, penentuan peserta, dan pelaksanaan pengumpulan data. Tiga kaedah pengumpulan data diguna pakai dalam fasa ini, iaitu: temubual, pemerhatian dan analisis dokumentasi.

(iii) Fasa Analisis Data

Fasa ini adalah aktiviti analisis data untuk mengkaji fenomena secara keseluruhan dan untuk menguji keserasian antara data. Ia dijalankan penyidik bersama-sama dengan pelaksanaan pengumpulan data, dan pembuatan laporan. Menurut Marshall dan Rossman (2006) dan Merriam (1998) dalam penyelidikan kualitatif, pengumpulan dan analisis data dianjurkan berlaku pada masa yang sama (serentak). Hal ini dilakukan supaya keterangan yang dikumpul boleh



digunakan secara konsisten. Dalam fasa ini, analisis data menggunakan kaedah model Analisis Interaktif (Miles & Huberman, 1984).


(iv) Fasa Pembangunan Model

Fasa ini adalah sebagai langkah untuk membina model KM. Pembinaan model dilakukan berdasarkan keputusan analisis data (dapatan kajian), analisis literatur kajian, dan penilaian pakar. Dalam hal ini, penyelidik mencari hubungan fungsi antara idea/konsep dalam dapatan kajian dan menginterpretasikan dengan idea/konsep daripada literatur dengan menggunakan kaedah analisis kajian kes Penjodohan Pola (*pattern matching*) (Yin, 2014). Seterusnya model KM disusun sesuai struktur hubungan yang berlaku, sebagai keputusan penyelidikan ini.

### 3.3.3 Kaedah Penentuan Peserta

Dalam kaedah penyelidikan kualitatif, penentuan peserta (sampel) adalah berasaskan kepada realiti atau fenomena sosial yang bersifat khas dan kompleks (Lincoln & Guba, 1985). Daripada segi pensampelan ini, penyelidik menggunakan kaedah *purposive sampling* (Patton, 2002), iaitu kaedah penentuan peserta dengan pertimbangan tertentu daripada pihak penyelidik. Ini dilakukan supaya peserta, latar, dan kejadian tertentu betul-betul terpilih untuk memberikan data dan maklumat daripada objek penyelidikan yang menjadi kajian.

Peserta dalam penyelidikan ini adalah individu yang mempunyai peranan dan tanggungjawab yang menjalankan program pemeraksanaan komuniti (PNPM Bandar) di wilayah provinsi Gorontalo. Langkah terpenting yang dijalankan penyelidik adalah menentukan organisasi dan individu yang boleh dijadikan sebagai pemberi maklumat utama (*key informant*). Oleh itu, penyelidik membuat kriteria berasaskan kategori daripada unit analisis yang dikaji (Rajah 3.4).



Rajah 3.4: Kategori peserta

Berdasarkan kategori di atas, ditetapkan pemberi maklumat utama pertama (*gatekeepers/knowledgeable informant*) adalah berasal dari pengurusan kanan organisasi perunding. Kriteria khususnya, ia adalah pihak yang bertanggungjawab ke atas pelaksanaan program PNPM Bandar di wilayah Gorontalo. Penentuan pemberi maklumat utama berasaskan kaedah ini adalah kerana ia dapat memberi gambaran maklumat yang diperlukan dalam penyelidikan ini.

Berdasarkan kepada setiap unit analisis yang dikaji, diperolehi pemaklum utama daripada pihak pengurusan kanan organisasi pelaksana program pemerksaan komuniti. Jenis organisasi pelaksana program ini merujuk kepada struktur organisasi pengurusan program (lihat muka surat 48, Rajah 2.7). Organisasi di peringkat provinsi iaitu: KMW dan SNVTPBL; di peringkat kabupaten/bandar, iaitu: Koordinator Bandar, Satker PIP, dan Bappeda; di peringkat kecamatan, iaitu: PJOK dan Pasukan Fasilitator; di peringkat kelurahan/kampung, iaitu: Ketua Kampung, dan BKM. Manakala berkaitan dengan infrastruktur IT, ditambah satu peserta berasal daripada agensi/jawatan pengurusan infrastruktur IT di peringkat provinsi.

Oleh yang demikian, jumlah pemaklum utama yang telah ditemubual bersemuka adalah seramai dua belas (12) orang, yang berasal daripada ketiga kategori organisasi di atas, seperti berikut:


- (i) Daripada organisasi kerajaan daerah, sejumlah tujuh (7) orang, iaitu:
  - (a) Pengetua Bappeda Bandar Gorontalo
  - (b) Pengetua Bappeda Kabupaten Gorontalo
  - (c) Pengetua Satker PNPM Bandar wilayah Gorontalo
  - (d) Pengetua Satker PIP Kabupaten Gorontalo
  - (e) Setiausaha Daerah Kecamatan Telaga Kabupaten Gorontalo (PJOK)
  - (f) Ketua Kampung Bulila, Kecamatan Telaga Kabupaten Gorontalo.
  - (g) Ketua Subbidang IT di Jabatan Dinas Perhubungan, Pelancongan, Komunikasi dan Maklumat Provinsi Gorontalo.
- (ii) Daripada organisasi perunding/fasilitator, sejumlah tiga (3) orang, iaitu:
  - (a) *Training Specialist* OSP 8 Provinsi Gorontalo (pemaklum utama pertama).
  - (b) Penolong Penyelaras (Askot).
  - (c) Fasilitator Kanan Kecamatan Telaga Kabupaten Gorontalo.
- (iii) Daripada organisasi masyarakat (komuniti), sejumlah dua (2) orang, iaitu:
  - (a) Naib Penyelaras BKM Bersahaja Desa Bulila Kabupaten Gorontalo
  - (b) Ahli BKM Bersahaja Desa Bulila Kabupaten Gorontalo

#### **3.3.4 Kaedah Pengumpulan Data**

Dalam penyelidikan ini, penyelidik bertindak sebagai penemuduga, pemerhati, dan penganalisis. Manakala bagi pencapaian objektif penyelidikan, pengumpulan data dilakukan melalui kaedah temubual, pemerhatian, dan analisis dokumentasi. Menurut Yin (2014), kepelbagaian kaedah ini adalah sebagai satu taktik untuk meningkatkan kesahan data (*construct validity*).

### 3.3.4.1 Temubual, Analisis Dokumentasi, dan Pemerhatian

Kedudukan daripada setiap kaedah pengumpulan data, ditunjukkan pada Rajah 3.5.



Rajah 3.5: Kaedah pengumpulan data

Perincian setiap kaedah adalah seperti berikut:

(i) Temubual

Jenis temubual yang dijalankan dalam penyelidikan ini adalah temubual separa berstruktur (*semistructured interview*) (Esterberg, 2002), iaitu temubual terhadap kepada masa tetapi bebas dijalankan (*open-ended*). Yin (2014) menyifatkan ini sebagai satu kaedah yang sangat penting dalam kajian kes. Kaedah temubual ini dijalankan untuk mendapatkan data mengenai pelaksanaan program pemerksaan komuniti dari peserta (lihat muka surat 75). Selain itu, ianya adalah untuk mendapatkan pengetahuan tasit peserta sama ada pendapat, kesan, pengalaman, dan pemikiran yang berkait rapat dengan tugas dan fungsi para peserta dalam pengurusan program, reka program, operasi program, kaedah, dan prosedur program. Termasuklah faktor-faktor yang menyokong/menghalang pelaksanaan program ditanya.

Sehubungan itu, temubual dilakukan kepada peserta berdasarkan soalan yang dibentuk untuk mendapatkan jawapan yang spesifik. Namun begitu kandungan soalan temubual boleh diperkembangkan lagi melalui soalan yang tidak dirancang awal tetapi bersesuaian dengan tajuk yang dikaji.

## (ii) Pemerhatian

Pemerhatian merupakan satu kaedah yang penting dalam pengumpulan data di samping temubual dalam kajian kes. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan pemerhatian tidak terlibat langsung (Lincoln & Guba, 1985) untuk pengumpulan data. Tujuan penyelidik adalah untuk mendapatkan gambaran mengenai perilaku atau peristiwa, dan membantu memahami tindakan subjek penyelidikan lebih faktual. Selain itu, kaedah ini digunakan untuk memahami keterangan yang diberikan peserta temubual atau hasil analisis dokumentasi.

Daripada kaedah ini, data yang dikumpulkan adalah mengenai keadaan lapangan (tempat), pelaku (aktor), dan aktiviti yang mungkin timbul dalam proses pemeraksanaan komuniti. Pemerhatian dilakukan penyelidik di jabatan-jabatan organisasi tempat kajian dilaksanakan, iaitu: jabatan perunding (OSP) dan komuniti (BKM), dan di mesyuarat di peringkat masyarakat (Musrenbang Kelurahan dan Musrenbang Kecamatan), dan di peringkat kerajaan daerah (Mesyuarat Penyelarasan Daerah Pengurangan Kemiskinan). Khususnya semasa berada dalam mesyuarat, penyelidik menyatakan sebenarnya bahawa sedang melakukan kajian. Jadi, peserta dan pihak-pihak yang lain dalam mesyuarat mengetahui sejak awal hingga akhir mengenai status penyelidik.

Hal-hal yang menjadi objek pemerhatian adalah aktiviti peserta iaitu: perunding/fasilitator, komuniti (pengerusi/ahli BKM), pejabat yang berkepentingan daripada kerajaan tempatan (kelurahan/kampung, kecamatan, agensi/jawatan (SKPD)). Manakala yang menjadi fokus pemerhatian adalah peranan/tugas/fungsi peserta dan jenis aktiviti yang dilakukan. Termasuklah penggunaan infrastruktur IT dalam konteks program pemeraksanaan komuniti.

### (iii) Analisis Dokumentasi

Mengikut Yin (2014), analisis dokumentasi diperlukan untuk menambah bukti daripada sumber data yang akan diperolehi daripada temubual dan pemerhatian. Kaedah ini dijalankan penyelidik dari awal hingga akhir penyelidikan untuk mendapatkan data berkait rapat dengan pelaksanaan program pemerksaan komuniti (PNPM Bandar) di provinsi Gorontalo. Dalam penyelidikan ini, data dikumpul dan dianalisis dengan mengambil kira dokumentasi, iaitu: panduan pelaksanaan program, dokumentasi perancangan program, penerbitan kerajaan, laporan program, undang-undang, dan peraturan (lihat muka surat 224), dan lain-lain dokumentasi (laman web) (lihat muka surat 225). Dokumen-dokumen itu diperiksa untuk mengumpul data dan maklumat yang berkaitan dengan operasi pelaksanaan program pemerksaan komuniti di provinsi Gorontalo.

#### 3.3.4.2 Instrumen Pengumpulan Data

Untuk mengumpul data, penyelidik adalah sebagai instrumen utama. Walau bagaimanapun, mengikut anjuran Yin (2014), penyelidik menggunakan instrumen tambahan (protokol) sebagai bantuan untuk penyelidik, seperti berikut:

##### (i) Protokol temubual.

Menurut Yin (2014) penggunaan protokol merupakan satu teknik untuk meningkatkan kebolehpercayaan (*reliability*) bagi penyelidikan. Protokol ini mengandungi maklumat yang perlu dikumpul. Manakala protokol ini dilengkapi dengan soalan-soalan yang terkandung di dalamnya yang digunakan untuk bertanya dan bersifat umum. Tetapi dalam pelaksanaan ianya lebih bebas atau boleh diubahsuai berdasarkan keadaan pada masa temubual, di mana ia dicipta secara langsung oleh penyelidik mengikut keperluan

penyelidikan ini, iaitu untuk mengetahui bagaimanakah program pemerksaan komuniti yang dijalankan oleh peserta (kerajaan, perunding/fasilitator, dan komuniti).

Soalan-soalan dalam protokol temubual ini dirangka secara bertulis, sebanyak 5 item disoal untuk setiap kategori peserta (lihat Lampiran E). Kandungan soalan-soalan tersebut direka bentuk merujuk kepada pandangan Chambers (1995) mengenai kelemahan dalam asas kefahaman, reka bentuk, dan proses pelaksanaan program pemerksaan, dan anjuran World Bank (2002) tentang unsur-unsur kejayaan program pemerksaan, iaitu: akses kepada maklumat, perangkuman dan penyertaan, akauntabiliti, dan kapasiti organisasi tempatan. Kandungan maklumat dalam soalan-soalan yang perlu dikumpul terutamanya tentang kewujudan sumber pengetahuan, aktiviti manipulasi pengetahuan dan faktor-faktor penyokong untuk inisiatif KM dalam proses pemerksaan komuniti.

Walau bagaimanapun, untuk menilai kesahan dan kebolehpercayaan arahan protokol dan soalan-soalan yang dibuat, instrumen tersebut telah disemak oleh 2 pakar (lihat Lampiran F), iaitu: satu dalam bidang pembangunan daerah (Kerajaan Daerah Bandar Gorontalo), dan satu lagi dalam bidang pemerksaan komuniti (Universitas Negeri Gorontalo).

Maklum balas dan penilaian terhadap instrumen ini adalah dalam bentuk peningkatan pemahaman terhadap ungkapan-ungkapan dalam soalan-soalan yang dibuat. Selepas maklum balas diterima, penambahbaikan dilaksanakan dengan mengambil kira semua saranan pakar sesuai keperluan penyelidikan. Oleh itu, instrumen penyelidikan ini telah pula dikemaskini berdasarkan tinjauan pakar.

(ii) Senarai Semak (*check list*).

Instrumen ini disediakan sebagai panduan untuk penyelidik melakukan pemerhatian di lapangan. Instrumen tersebut telah dibuat dalam bentuk senarai yang mengambil perkara apa-apa sahaja yang diperhatikan dan ditemui oleh penyelidik berkenaan dengan fenomena sosial yang dilihat.

(iii)Alat rakaman. Dalam kajian ini penyelidik menggunakan alat rakaman telefon seluler untuk merakam temubual dan pemerhatian.

### **3.3.5 Kesahan Data**

Kesahan data bermaksud data yang telah dikumpul menggambarkan realiti yang ingin didedahkan oleh penyelidik. Menurut Afrizal (2016) dalam penyelidikan kualitatif, kesahan tipologi merupakan yang utama, iaitu: untuk menggambarkan realiti. Bagi memastikan kesahan data dalam kajian ini, ketepatan tipologi dijalankan penyelidik melalui sejumlah usaha yang tertumpu kepada kesahan dalaman (internal), iaitu:

(i) Triangulasi. Penyelidikan ini memeriksa kesahan data dengan cara:

- a) Triangulasi sumber: penyelidik mencari keterangan tentang tema yang sama daripada peserta yang berbeza tetapi masih terkait antara satu sama lain. Sebagai contoh, maklumat mengenai aktiviti perunding/fasilitator. Selain daripada perunding, penyelidik juga meminta keterangan dari pejabat kerajaan daerah/tempatan yang terlibat dalam pelaksanaan program, termasuk daripada masyarakat di dalam komuniti (BKM) di wilayah tempatan yang menjadi peserta penyelidikan ini
- b) Triangulasi kaedah: pemeriksaan pengesahan data oleh penyelidik untuk perbandingan data yang diberikan. Sebagai contoh, maklumat mengenai



amalan pembelajaran/pengajaran dalam proses pemeraksanaan, di mana maklumat tersebut diperolehi penyelidik daripada panduan program semasa analisis dokumentasi. Untuk memenuhi objektifnya, penyelidik melakukan temubual kepada peserta berkaitan untuk mendapatkan maklumat yang tepat mengenai amalan itu. Di samping itu, penyelidik berada di lapangan untuk menjalankan pemerhatian bagi mendapatkan data mengenai amalan konsep pembelajaran/pengajaran tersebut. Dalam konteks ini, penyelidik telah menggunakan triangulasi kaedah temu bual, pemerhatian, dan analisis dokumentasi.

- (ii) Penyemakan (*member check*), iaitu: aktiviti peserta ke atas data dan maklumat yang diperolehi dan dirumuskan penyelidik semasa temubual dibuat. Data dan maklumat itu dikemukakan semula kepada peserta untuk diminta pembetulan dari segi pandangan peserta.
- (iii) Penglibatan pakar, iaitu penyelidik melibatkan pakar-pakar untuk boleh membantu memberikan idea-idea dan kritikan. Ini dilakukan untuk menilai dapatan kajian, terutamanya reka bentuk model KM yang dibina. Oleh itu, sepuluh (10) orang pakar telah dicadangkan atas alasan berkebolehan untuk memberikan pandangan yang profesional dalam bidang ilmu KM dan pemeraksanaan komuniti. Akan tetapi, lima (5) orang pakar sahaja (lihat Lampiran F) yang bersedia untuk memberikan penilaian, iaitu: seorang dalam bidang perancangan pembangunan daerah (Kerajaan Bandar Gorontalo); seorang dalam bidang pemeraksanaan komuniti (Universitas Negeri Gorontalo); dan tiga orang dalam bidang KM, iaitu: dari University of Dubai, Universitas Bakrie, Indonesia, dan Institut Teknologi Bandung, Indonesia.

Untuk memenuhi keperluan itu, penyelidik telah menyediakan ringkasan kajian dan instrumen penilaian untuk setiap kategori pakar. Kandungan maklumat dalam instrumen yang perlu dikumpul, berkaitan dengan dapatan kajian, iaitu:


- a) Kedudukan unsur-unsur kerajaan daerah, komuniti, dan pekongsi sebagai subjek pemeraksanaan dalam konteks program pemeraksanaan komuniti.
- b) Konsep kerjasama (*collaboration*) dan kemampanan (*sustainability*) dalam konteks program pemeraksanaan komuniti.
- c) Konsep hubungan KM dan pemeraksanaan komuniti.
- d) Kedudukan faktor-faktor manusia, proses, organisasi, dan teknologi dalam konteks pemeraksanaan komuniti.

Perkara yang sama berlaku dengan Penyemakan, iaitu selepas maklum balas diterima, dilaksanakan penambahbaikan dengan mengambil kira semua saranan pakar sesuai dengan keperluan penyelidikan. Seterusnya, hasil penambahbaikan telah dimajukan kepada pakar untuk disemak.

### **3.3.6 Analisis Data**

Analisis data dalam penyelidikan kualitatif hakikatnya adalah satu proses sistematik untuk menentukan bahagian-bahagian dan penyambungan antara bahagian-bahagian dan keseluruhan data yang telah dikumpul untuk menghasilkan satu klasifikasi atau tipologi (Afrizal, 2016). Oleh itu, analisis data dalam penyelidikan ini dijalankan untuk menentukan data yang kritikal, mentafsir, mengelaskan, dan mengetahui hubungan antara kumpulan data tersebut. Walau bagaimanapun, analisis data ini dilakukan bersama-sama dengan pengumpulan data, di mana pengubahsuaian berlangsung secara berterusan semasa penyelidikan dijalankan sehingga laporan telah disusun.

Kaedah analisis data yang digunakan dalam penyelidikan ini adalah menggunakan model Analisis Interaktif. Model analisis interaktif ini terdiri daripada beberapa elemen yang saling berhubungan antara satu dengan lainnya, iaitu pengumpulan data, pengubahsuaian data, penyajian data dan kesimpulan (Rajah 3.6).



Rajah 3.6: Model Analisis Interaktif

Sumber: diadaptasi dari Miles dan Huberman (1984)

(i) Pengubahsuaian Data

Menurut Miles dan Huberman (1984), analisis data bermula dari pengubahsuaian data yang merupakan satu bentuk analisis untuk mengubahsuaikan data, mengarahkan, mengkelaskan, membuang yang tidak perlu, dan menyusun data dalam apa-apa cara bahawa kesimpulan akhir boleh diambil dan bagi pengesahan data.

(ii) Penyajian Data

Aktiviti ini adalah tahap selepas aktiviti pengubahsuaian data dijalankan. Data tersebut disajikan dalam pola terstruktur yang memberi kemungkinan pembuatan kesimpulan dan tindakan. Hasilnya adalah satu pembentangan (*display*) mengenai situasi dan gejala dalam pendedahan naratif. Selain naratif, penyajian data ini menggunakan diagram seperti yang diperlukan.

### (iii) Pembuatan Kesimpulan

Pada tahap ini penyelidik mencatat keteraturan, pola-pola, penjelasan, konfigurasi yang mungkin, alur sebab akibat, dan proposisi. Langkah ini bertujuan untuk mendapatkan jawapan daripada persoalan penyelidikan dan untuk mendapatkan kesimpulan akhir berkaitan dengan objektif penyelidikan.

### **3.3.7 Proses Analisis Data**

Analisis data dalam penyelidikan kualitatif dilakukan secara terus menerus semasa penyelidikan berlangsung, mulai daripada mengumpulkan data sampai kepada tahap penulisan laporan. Hal ini bermakna, aktiviti pengumpulan data dan analisis data tidak terpisah, tetapi dilakukan secara serentak.

#### **3.3.7.1 Analisis Semasa Pengumpulan Data**

Analisis semasa aktiviti pengumpulan data dijalankan oleh penyelidik sebelum memasuki lapangan, selama di lapangan, dan setelah selesai di lapangan. Walau bagaimanapun, sebelum memasuki lapangan, pengumpulan data dilakukan sebagai satu kajian awal untuk menentukan fokus penyelidikan.

Di samping itu, aktiviti ini dilakukan penyelidik untuk mengetahui keadaan semasa program PNPM Mandiri di Provinsi Gorontalo. Data diperolehi melalui temubual dengan perunding dan analisis dokumentasi (rujuk <http://p2kp.org>). Keputusan kaedah analisis data yang digunakan ini adalah secara naratif.

Selepas mendapatkan kepastian tentang fokus penyelidikan, proses analisis data dilakukan secara serentak dengan aktiviti pengumpulan data mengikut langkah-langkah yang diringkaskan daripada Miles dan Huberman (1984) dan Yin (2014), serta mengikut anjuran Afrizal (2016), seperti berikut:

- 1) Mengkaji catatan, hasil rakaman, atau dokumen hasil temubual, pemerhatian, dan analisis dokumentasi dengan hati-hati. Ini dilakukan oleh penyelidik untuk mengetahui perkataan penting, simbol, hujah, atau peristiwa-peristiwa yang berkaitan dengan objektif penyelidikan.
- 2) Mentafsir perkara-perkara yang telah ditandakan sebagai kesimpulan ke atas tema-tema yang telah ditemukan. Daripada tafsiran itu, penyelidik membuat klasifikasi dan sub-sub klasifikasi berdasarkan tema-tema dapatan.
- 3) Menyajikan hasil analisis data (dapatan kajian) dalam bentuk naratif dan diagram-diagram.
- 4) Membuat proposisi tentang peristiwa atau hubungan antara kategori tersebut. Pada masa ini pengumpulan data masih terus dilakukan untuk mengesahkan proposisi tersebut.
- 5) Ujian kesahan proposisi yang telah dibina berdasarkan dapatan kajian. Analisis ini dijalankan pada fasa pembangunan model (lihat muka surat 73).

### **3.3.7.2 Analisis Semasa Penulisan Laporan**

Menurut Afrizal (2016), penulisan laporan dan penyajian merupakan satu aktiviti analisis data. Dalam kajian kualitatif, analisis data tidak hanya dilakukan semasa proses pengumpulan data, tetapi dilanjutkan dalam proses penulisan laporan. Oleh itu, langkah-langkah yang diambil penyelidik dalam tahap analisis data ini adalah seperti berikut:


- 1) Mengkaji ulang pengkategorian data yang telah dibuat semasa aktiviti pengumpulan data. Ini dilakukan untuk mengetahui konsep-konsep yang betul dalam mengkategorikan sesuatu.
- 2) Mengkaji hubungan antara kategori, iaitu penyelidik mengkaji ulang hubungan-hubungan yang telah dibina dan menyemak semula hubungan tersebut.

- 3) Menyambungkan dapatan kajian ini dengan kajian lepas. Termasuk mengambilkira tinjauan pakar yang terlibat dalam penilaian model.

### **3.4 Rumusan**

Dalam penyelidikan ini, pendekatan yang digunakan adalah pendekatan kualitatif dengan strategi kajian kes. Rangka kerja penyelidikan ini direka dalam empat fasa yang utama untuk mendapatkan jawapan daripada objektif penyelidikan yang telah ditetapkan. Semua fasa adalah pakej aktiviti yang dijalankan langkah demi langkah merujuk kepada langkah-langkah penyelidikan kajian kes.

Setelah semua data diperolehi melalui kaedah pengumpulan data, analisis data telah dijalankan menggunakan kaedah analisis kualitatif kajian kes. Berdasarkan hasil analisis data itu, dibina satu model KM untuk pemeraksanaan komuniti.



## **BAB EMPAT**

### **KEADAAN SEMASA PEMERKASAAN KOMUNITI**

#### **4.1 Pengenalan**


Bahagian ini membentangkan keadaan semasa pemerksaan komuniti di Indonesia khususnya di Provinsi Gorontalo. Deskripsi yang dibentangkan berkait rapat dengan pelaksanaan program pemerksaan komuniti PNPM Bandar yang merupakan satu program utama bagi mengurangkan bilangan orang miskin di kawasan bandar. Pada akhir bab pula dibentangkan Justifikasi Kajian tentang program pemerksaan komuniti.

#### **4.2 Deskripsi Provinsi Gorontalo**

##### **4.2.1 Kedudukan Geografi**

Provinsi Gorontalo terletak di Pulau Sulawesi, Indonesia. Secara geografi Provinsi Gorontalo dengan ibu Bandar Gorontalo terletak di antara garis lintang  $0,19^{\circ}$ – $1,15^{\circ}$  Utara dan garis bujur  $121,23^{\circ}$ – $123,43^{\circ}$  Timur. Kedudukannya bersebelahan dengan dua kawasan lainnya, iaitu: Sulawesi Utara di Timur dan Sulawesi Tengah di Barat, manakala di Utara menghadap ke Laut Sulawesi dan di Selatan ke Teluk Tomini. Secara geografi wilayah ini lebih dekat dengan Malaysia dan Filipina. Keluasan keseluruhan  $11,257.07$  km<sup>2</sup> atau kira-kira 0.64 peratus wilayah Indonesia secara keseluruhannya (Permendagri No. 66 Tahun 2011).

Dalam usaha mewujudkan tadbir urus dalam kerajaan tempatan, pembangunan dan penggunaan infrastruktur IT telah menjadi satu bahagian penting dalam proses tadbir urus kerajaan di wilayah Gorontalo. Berdasarkan sumber dokumen, penyelidik mendapati bahawa pembangunan dan penggunaan IT adalah tujuan dan dasar-dasar daripada misi dan strategi kerajaan tempatan Gorontalo.

Dari sumber dokumen (D.11) diperoleh maklumat misi dan strategi seperti berikut:

**Misi:**

Mewujudkan sinergi antara kerajaan wilayah dan kerajaan kabupaten/bandar Gorontalo berasas autonomi tempatan dan juga untuk meningkatkan prestasi perkhidmatan awam, mengurangkan kemiskinan dan mengendalikan sistem tadbir urus yang baik dalam usaha untuk reformasi birokrasi.

**Strategi:**

Strategi untuk meningkatkan tadbir urus baik telah diarahkan untuk membangunkan sistem maklumat dan komunikasi dalam pentadbiran kerajaan daerah.

Manakala dari sumber dokumen Pelan Induk Pembangunan e-Kerajaan Tahun 2009-2013 (D.09) diperolehi maklumat bahawa visi dan misi kerajaan adalah berasaskan *ICT*, seperti berikut:

**Visi e-Kerajaan**

Menjadi Provinsi Inovatif melalui Teknologi Maklumat dan Komunikasi

**Misi e- Kerajaan**

Membina Gorontalo yang berdikari, produktif dan religi, dan pintar melalui pemerkasaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi.

Dapatan maklumat visi, misi, dan strategi pembangunan menunjukkan pentingnya kedudukan dan penggunaan IT memandangkan ia adalah sebagai satu usaha kerajaan untuk meningkatkan kapasiti perkhidmatan pada masyarakat, pembangunan sinergi di daerah, dan untuk mencapai terwujudnya tadbir urus kerajaan. Walau



bagaimanapun, masalah dalam penggunaan IT diperolehi dalam sumber dokumen

Pelan Induk e-Kerajaan Gorontalo Tahun 2014-2019 (D.12) seperti berikut:

Cabaran utama dalam melaksanakan e-Kerajaan adalah untuk mengintegrasikan sistem yang sedia ada dengan menyambung dan mengaitkan data bertaburan di pelbagai institusi secara keseluruhan dan diproses menjadi banyak maklumat sehingga ia boleh digunakan sebagai asas dalam menentukan hala tuju dasar kerajaan.

Berdasarkan temubual, penyelidik memperolehi keterangan berkaitan dengan keadaan penggunaan IT dalam konteks pengurangan kemiskinan di Kabupaten Gorontalo dan Bandar Gorontalo. Dari sumber temubual (P.01/K:3B) diperolehi maklumat, bahawa:

Pengendalian kemiskinan di wilayah tempatan tidak disokong dengan infrastruktur teknologi maklumat (IT) yang mencukupi, yang mampu menyediakan data/maklumat secara terperinci mengenai keadaan kemiskinan yang berlaku dalam bidang tanggungjawab mereka.

Manakala dari sumber temubual (P.04/K:3B) diperolehi maklumat, iaitu:

Pembangunan dan penggunaan IT dalam konteks pemeraksanaan komuniti tidak dijalankan dengan sempurna manakala ia masih dalam perancangan. Terutamanya di peringkat kecamatan dan kelurahan yang menjadi sasaran program pemeraksanaan. Kami tidak mempunyai data/maklumat yang sebenar jumlah penduduk miskin di wilayah ini.

Lebih-lebih lagi di peringkat komuniti, semasa pemerhatian di jabatan setiausaha BKM, infrastruktur IT yang sedia ada terhad kepada penggunaan komputer oleh pihak fasilitator untuk keperluan pembuatan laporan aktiviti harian untuk disampaikan kepada pihak perunding. Berkaitan dengan itu, daripada sumber temubual (P.02/M:5C) diperolehi maklumat seperti berikut:

Di jabatan setiausaha ini, BKM tidak memiliki peralatan komputer yang terkait sistem dalam talian. Semua dibuat secara manual sahaja dengan menggunakan komputer yang sedia ada daripada pihak fasilitator.

Huraian di atas menunjukkan walaupun penggunaan IT adalah bahagian daripada visi, misi, dan strategi kerajaan, ia masih belum menunjukkan satu keberkesanan menyokong program pemeraksanaan komuniti. Khususnya berkaitan dengan sinergi antara agensi-agensi berkaitan di daerah dalam mendapatkan dan menyebarkan pengetahuan tentang pengurangan kemiskinan di wilayah Gorontalo. Oleh itu, keadaan ini telah membawa kepada masalah dalam menyelaraskan isu kemiskinan di peringkat komuniti berkaitan dengan program pengurangan kemiskinan yang direka oleh pihak kerajaan, iaitu ia boleh menyekat akses kepada maklumat dan pengetahuan masyarakat dalam konteks program pemeraksanaan komuniti.

Tambahan pula, dalam sumber dokumen (D.12), didapati maklumat, iaitu:

Provinsi Gorontalo tidak mempunyai infrastruktur rangkaian internet yang menghubungkan antara SKPD (agensi kerajaan).

Maklumat di atas disokong oleh keterangan dari sumber temubual (P.07/K:5B) mengenai cabaran yang dihadapi dalam penggunaan IT, iaitu:

Cabaran utama dalam penggunaan e-kerajaan semasa ini ialah bagaimana menyepadukan sistem sedia ada dengan berkongsi data yang berselerak di dalam pelbagai jawatan untuk dijadikan landasan dalam menentukan hala tuju dasar kerajaan.

Kesimpulannya, dapatan maklumat mengenai keadaan sosial, keadaan organisasi, dan keadaan infrastruktur IT dalam pelaksanaan program pemeraksanaan komuniti di wilayah Gorontalo menunjukkan kepentingan ketiga faktor dalam program pemeraksanaan komuniti. Terutamanya dalam aktiviti untuk menggalakkan perubahan dalam tingkah laku/sikap, dan perspektif seseorang. Oleh itu, perpaduan berkadaran daripada ketiga faktor adalah penting untuk menyokong pelaksanaan program pemeraksanaan komuniti.

## **5.5 Model KM Untuk Pemerksaan Komuniti**

Bahagian ini membentangkan dapatan model KM yang dibina untuk pemerksaan komuniti, di mana ia dibina berdasarkan dapatan kajian tentang sumber pengetahuan, aktiviti manipulasi pengetahuan dan faktor-faktor penyokong KM dalam konteks pemerksaan komuniti yang telah didedahkan sebelum ini. Walau bagaimanapun, pada bahagian ini penyelidik telah menggunakan kaedah analisis data kajian kes Penjodohan Pola (Yin, 2014). Memandangkan ia memusatkan perhatian terhadap kaedah mencari dapatan penyelidikan (Afrizal, 2016). Selain itu, ia memudahkan penyelidik untuk membina model KM yang menjadi objektif penyelidikan ini.


Daripada analisis data ini, penyelidik dapat merumuskan dua tema dapatan, iaitu: (1) Pembangunan model, dan (2) Analisis penjelasan pembangunan model.

### **5.5.1 Pembangunan Model**

#### **5.5.1.1 Pola Hubungan Sumber Pengetahuan dan Faktor Pemboleh KM.**

Daripada dapatan kajian yang telah diterangkan sebelum ini difahami bahawa unsur manusia, proses, dan teknologi merupakan sumber pengetahuan dalam proses pemerksaan (lihat muka surat 123), di mana individu dalam komuniti adalah sebagai sumber dalaman (internal). Manakala perunding/fasilitator, pejabat kerajaan tempatan, proses, dan teknologi adalah sebagai sumber-sumber luar. Walau bagaimanapun, dapatan daripada sumber pengetahuan itu menunjukkan bahawa ia dapat dibezakan berdasarkan kedudukannya (lokus), iaitu: dalam ingatan manusia dan dokumentasi. Unsur manusia dalam hal ini adalah individu-individu daripada perunding/fasilitator, kerajaan tempatan, dan komuniti. Manakala unsur dokumentasi boleh wujud dalam proses, dan repositori data (tertulis dan elektronik) daripada program pemerksaan komuniti.

Berkaitan dengan dapatan di atas, proposisi awal penyelidik adalah: unsur manusia, proses, dan teknologi adalah sumber pengetahuan dalam proses pemeraksanaan. Proposisi dibuat berdasarkan kajian literatur mengenai faktor-faktor pemboleh KM (lihat muka surat 27-30). Daripada kedua-dua idea iaitu: dapatan kajian di atas dan proposisi awal penyelidik tersebut difahami bahawa terdapat hubungan antara faktor pemboleh KM dan sumber pengetahuan, seperti ditunjukkan pada Rajah 5.2.



Rajah 5.2: Hubungan sumber pengetahuan dan faktor pemboleh KM

Rajah 5.2 menerangkan konfigurasi hubungan antara unsur-unsur sumber pengetahuan dan faktor-faktor pemboleh KM. Yang menarik ialah fakta bahawa sumber pengetahuan di atas adalah selaras dengan konsep faktor-faktor pemboleh KM. Konfigurasi tersebut berdasarkan hubungan fakta dan konsep jenis pengetahuan (lihat muka surat 17-18), iaitu:

- a. Pengetahuan dalam unsur manusia=ingatan individu=jenis pengetahuan tasit
- b. Pengetahuan dalam unsur dokumentasi=pengetahuan tertulis=pengetahuan eksplisit.


Dalam hal pengetahuan berada dalam unsur manusia difahami bahawa sinergi antara perunding/fasilitator, kerajaan tempatan, komuniti, dan lain-lain pihak yang berkepentingan membolehkan kemunculan aktiviti pemerolehan, pengagihan, penyimpanan, dan penggunaan pengetahuan, di mana kerjasama di antara pihak-pihak ini sangat menentukan kejayaan pelaksanaan program pemerksaan komuniti. Ia boleh dilihat daripada segi fungsi, iaitu:

- a. Di peringkat kerajaan tempatan, fungsi kerajaan adalah sebagai fasilitator, pengatur, dan penyelaras.
- b. Di peringkat masyarakat, fungsi organisasi masyarakat (BKM) adalah pemandu, pengawal, penjana, dan rakan kongsi kerajaan tempatan (kelurahan/kampung).
- c. Fungsi lain-lain pihak yang berkepentingan (selain perunding/fasilitator), iaitu: individu atau kumpulan persatuan profesional, universiti, NGO, bank, dan lain-lain pihak yang menaruh minat terhadap masalah kemiskinan (maklumat daripada sumber dokumen D.01). Pada dasarnya ia berfungsi sebagai pekongsi/rakan kongsi kerajaan tempatan, perunding/fasilitator, dan komuniti dalam membantu pelaksanaan perkhidmatan teknikal daripada program pemerksaan komuniti.

Berdasarkan kefahaman mengenai fungsi di atas, pola hubungan antara sumber pengetahuan dan faktor pemboleh KM boleh mewujudkan pihak-pihak yang berkepentingan dengan program pemerksaan komuniti. Ia terdiri daripada tiga (3) unsur utama yang menjalankan fungsi sebagai subjek pemerksaan, iaitu: kerajaan tempatan, komuniti, dan pekongsi/rakan kongsi. Dalam hal ini, istilah subjek pemerksaan digunakan kerana ia mengandungi makna pelaku atau pelakon pemerksaan. Manakala istilah pekongsi bermaksud individu atau kumpulan yang berkongsi (rujuk <http://prpm.dbp.gov.my>).

### 5.5.1.2 Pola Hubungan Proses Pemerksaan dan Proses KM.

Berkaitan dengan dapatan kajian tentang aktiviti manipulasi pengetahuan yang telah didedahkan sebelum ini (lihat muka surat 123-136), proposisi awal penyelidik adalah: tahap pemerksaan adalah sesuai sebagai suatu proses KM. Proposisi itu berdasarkan kepada kajian literatur mengenai proses utama KM, iaitu: penciptaan, penyimpanan, pengagihan, dan penggunaan pengetahuan (lihat muka surat 25, Rajah 2.3). Manakala fakta-fakta yang diperolehi daripada data yang dianalisis menunjukkan bahawa tahap pemerksaan komuniti mengandungi aktiviti-aktiviti manipulasi pengetahuan, iaitu: pemerolehan, penyimpan, pengagihan, dan penggunaan pengetahuan. Daripada kedua-dua idea iaitu: dapatan kajian di atas dan proposisi awal penyelidik difahami bahawa terdapat persamaan pola antara proses pemerksaan dan proses KM. Memandangkan kedua-duanya adalah mengandungi aktiviti yang selari dengan pembelajaran. Ia ditunjukkan pada Rajah 5.3.



Rajah 5.3: Hubungan proses pemerksaan dan proses KM

Rajah 5.3 menunjukkan dapatan aktiviti manipulasi pengetahuan dalam proses pemerksaan. Manakala dalam proses KM pun terdiri daripada aktiviti yang sama.

Jelas sekali, jika proses pemeraksanaan komuniti mengandungi aktiviti yang selaras dengan proses KM maka asasnya adalah sama iaitu: proses pembelajaran.

### **5.5.1.3 Pola Hubungan Organisasi Sebagai Satu Faktor Pemboleh KM.**

Daripada faktor-faktor penyokong KM, penyelidikan ini mendapatkan fakta-fakta yang berkaitan dengan keadaan sosial, keadaan organisasi, dan keadaan infrastruktur IT. Fakta-fakta yang didapati menunjukkan bahawa keadaan sumber manusia, organisasi yang ditubuhkan dan infrastruktur IT sebagai sumber strategik belum sepenuhnya dimanfaatkan untuk menyokong program pemeraksanaan komuniti (PNPM Bandar) di wilayah Provinsi Gorontalo (lihat muka surat 143-146). Manakala organisasi pelaksana pemeraksanaan dan infrastruktur IT, khususnya tidak dikategorikan sebagai faktor yang penting untuk mengatasi kemiskinan yang dialami oleh golongan miskin di kawasan bandar.

Daripada dapatan kajian mengenai faktor-faktor penyokong KM, khususnya keadaan organisasi, daripada sumber temubual dan dokumentasi dimaklumkan bahawa di peringkat kerajaan daerah terdapat sebuah jawatankuasa yang dipanggil Jawatankuasa Pengurangan Kemiskinan Daerah (TKPK-D). Peranan dan fungsi jawatankuasa ini adalah sebagai pusat pembelajaran (*learning center*) kepada masalah-masalah kemiskinan.

Berkaitan dengan maklumat di atas, daripada sumber dokumen (D.01) diperolehi maklumat bahawa:

Melalui PNPM Bandar, peranan dan fungsi TKPK-D dilakukan untuk mendorong KBP (Komuniti Belajar Bandar) untuk memantau dan terlibat secara langsung dalam proses pembelajaran tentang prinsip-prinsip dan nilai-nilai di PNPM Bandar.

Mengikuti di atas, penubuhan dan fungsi jawatankuasa ini adalah strategik memandangkan ia adalah satu forum yang ditugaskan untuk merangka strategi dan program pengurangan kemiskinan daerah, dan untuk menggerakkan aktiviti komuniti di peringkat kabupaten/bandar. Sebab kepentingan fungsi dan penubuhan organisasi di atas diperolehi penyelidikan dari sumber temubual (P.01/P:4B), iaitu:

Hal penting untuk usaha-usaha pengurangan kemiskinan dan pembangunan di peringkat bandar/kabupaten adalah penubuhan satu komunikasi yang sesuai, rangkaian, dan kerjasama di antara tiga pilar pembangunan daerah tempatan, iaitu: kerajaan bandar/kabupaten, masyarakat, dan kumpulan prihatin.


Satu fakta penting yang lain ialah berkaitan adalah penubuhan Forum BKM, di mana ia diharapkan sebagai embrio dan asas untuk memberi motivasi kepada program pemerksaan komuniti yang berterusan. Manakala daripada sumber dokumen (D.01) diperolehi maklumat lagi tentang forum BKM sebagai Komuniti Belajar Kelurahan, seperti berikut:

BKM melalui UPS, menyelaras relawan-relawan tempatan, terdiri daripada orang-orang peduli dan ikhlas, staf kerajaan kelurahan, dan kumpulan peduli tempatan, kepada forum kajian refleksi yang disebut sebagai Komuniti Belajar Kelurahan (KBK). Fungsi utama KBK juga membantu masyarakat setempat untuk mengawal dan melaksanakan penerapan nilai-nilai dan prinsip-prinsip universal, supaya kontrol sosial masyarakat tetap terbangun.

Fakta-fakta mengenai penubuhan forum/organisasi untuk proses pembelajaran yang berkesan di atas menunjukkan bahawa organisasi merupakan faktor penting untuk pemerksaan komuniti sama ada di peringkat masyarakat dan kerajaan daerah. Walau bagaimanapun, organisasi ini adalah berkaitan rapat dengan struktur organisasi kerajaan daerah, masyarakat, dan pekongsi/rakan kongsi. Oleh itu, dalam konteks pemerksaan komuniti, konsep organisasi ini boleh difahami sebagai satu faktor yang membolehkan untuk mencapai objektif pelaksanaan program pemerksaan dalam konteks pembelajaran.



Akhirnya, dapatan kajian mengenai faktor-faktor pemboleh KM dalam program pemerksaan komuniti dapat ditunjukkan pada Rajah 5.4. Diagram tersebut menunjukkan faktor-faktor pemboleh KM, di mana ia memiliki kedudukan yang sama dan berdampingan untuk menjalankan proses pemerksaan.



Rajah 5.4: Faktor-faktor pemboleh KM dalam pemerksaan komuniti

Dalam konteks pemerksaan komuniti, kesatuan kerja faktor-faktor itu adalah pola untuk menjalankan sebuah proses KM. Khususnya faktor organisasi adalah bahagian daripada faktor-faktor pemboleh KM (lihat muka surat 27-30).

### 5.5.2 Analisis Penjelasan Pembangunan Model

Daripada dapatan penyelidikan tentang ciri-ciri sumber pengetahuan, aktiviti KM, dan faktor-faktor pemboleh KM di atas, penyelidikan mentakrifkan proposisi mengenai hubungan antara KM dan Pemerksaan Komuniti, iaitu: KM boleh berlaku sebagai satu sistem untuk menyelaras aktiviti-aktiviti subjek pemerksaan (kerajaan–komuniti–pekongsi) untuk memperolehi, menyimpan, mengagihkan, dan menggunakan pengetahuan manakala ia boleh dibuat oleh faktor manusia, proses, organisasi, dan teknologi sebagai alat (*tool*) untuk mencapai objektif program pemerksaan. Dalam penyelidikan ini, makna sistem adalah cara atau kaedah yang

teratur untuk melakukan sesuatu, manakala domain bermakna liputan bagi sesuatu yang hendak diselesaikan (<http://prpm.dbp.gov.my>).

Pada dasarnya, proposisi di atas menyifatkan dua (2) domain yang saling berkaitan untuk membangunkan satu sistem KM, iaitu: domain pemerikasaan komuniti dan domain KM.

### **5.5.2.1 Domain Pemerikasaan Komuniti**

Bagi tujuan analisis penjelasan proposisi yang berkaitan dengan domain pemerikasaan komuniti, telah difahami sebelum ini bahawa Subjek Pemerikasaan terdiri daripada unsur-unsur kerajaan daerah, komuniti, dan pekongsi. Unsur-unsur ini merupakan pihak berkepentingan dalam pelaksanaan program pemerikasaan komuniti PNPM Bandar.

Analisis penyelidikan terhadap aktiviti subjek pemerikasaan ini menunjukkan ia berkaitan dengan aktiviti-aktiviti membangunkan tadbir urus baik kerajaan daerah. Hal itu jelas daripada maklumat yang diperolehi dari sumber dokumen (D.01) seperti berikut:

Bantuan teknikal pemudahan untuk menaik taraf kapasiti kerajaan provinsi, kabupaten/bandar, dan pihak berkepentingan yang lain pada asasnya merupakan aktiviti yang berorientasikan kepada usaha membangunkan tadbir urus baik daerah (*good local governance*), terutamanya untuk pengurangan kemiskinan.

Walau bagaimanapun, adalah difahami bahawa tadbir urus baik di atas merupakan sebahagian daripada strategi pemerikasaan untuk mencapai sinergi antara kerajaan daerah, masyarakat, dan pihak berkepentingan yang lain. Manakala asas aktiviti subjek pemerikasaan dikenali adalah untuk membangunkan dan menginstitusikan nilai-nilai kemanusiaan, prinsip-prinsip masyarakat dan pembangunan mampan.

Dalam konteks tadbir urus baik pula, subjek pemerksaan ini adalah sama-sama sebagai subjek pembangunan.

Mengikut Undang-undang No. 23, tahun 2014 tentang kerajaan daerah, peranan kerajaan daerah dalam konteks pemerksaan komuniti adalah sebagai fasilitator, pengawal selia, dinamisator, dan penyelaras untuk pelbagai aktiviti dalam mengoptimumkan pembangunan daerah. Manakala mengikut dapatan penyelidikan ini bahawa pemerksaan adalah proses pembelajaran maka peranan kerajaan daerah ini berkaitan dengan fakta-fakta mengenai aktiviti manipulasi pengetahuan yang dapat dilihat dalam aktiviti-aktiviti memperolehi, menyimpan, mengagihkan, dan menggunakan pengetahuan. Oleh itu, ia adalah jelas bahawa kedudukan kerajaan daerah adalah amat penting terhadap komuniti dan pekongsi.

Untuk menilai keputusan di atas, penyelidik telah melakukan temubual dengan pakar (C.01). Daripada catatan penyelidik, menurut makluman pakar:

- Unsur kerajaan daerah boleh dipersetujui sebagai pengendali utama program pemerksaan komuniti akan tetapi ia perlu disokong oleh unsur-unsur pekongsi.
- Usaha kecil menengah/UKM (usaha perniagaan) adalah dicadangkan sebagai unsur komuniti yang mesti diperkasakan juga.
- Penubuhan organisasi untuk menguruskan pengetahuan, tetap dijalankan oleh agensi-agensi kerajaan yang sudah sedia ada, kerana ia boleh mengukuhkan fungsi agensi kerajaan tempatan.


Manakala menurut pakar (C.02), diperolehi sokongan seperti berikut:

- Kerajaan daerah, komuniti, dan pekongsi dipersetujui sebagai pelaksana tadbir urus baik dalam konteks Subjek Pemerksaan, kerana ketiga pihak tersebut

adalah unsur-unsur yang menjadi pelaku pemeraksanaan, dan untuk mengawal kesinambungan daripada program pemeraksanaan komuniti.

- Selain daripada unsur-unsur manusia dan organisasi, unsur politik adalah faktor penting untuk kesinambungan (*sustainability*) program pemeraksanaan komuniti. Konsep kesinambungan ini penting kerana ianya bukan semata-mata untuk membolehkan tetapi termasuk mengukuhkan dan melindungi potensi yang dimiliki masyarakat.

Berdasarkan pelbagai bukti di atas, difahami bahawa antara unsur-unsur subjek pemeraksanaan dalam domain pemeraksanaan komuniti berlaku hubungan seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 5.5.



Rajah 5.5: Hubungan unsur-unsur subjek pemeraksanaan

Rajah 5.5 menunjukkan kedudukan unsur-unsur subjek pemeraksanaan, di mana ia menunjukkan pola hubungan dua hala antara kerajaan daerah–komuniti dan kerajaan daerah–pekongsi. Hakikatnya, hubungan itu berdasarkan peranan kerajaan daerah sebagai fasilitator, pengawal selia, faktor dinamik, dan koordinator (penyelaras) dalam menjalankan program pembangunan daerah di wilayah tempatan. Manakala antara unsur komuniti dan unsur pekongsi berlaku hubungan linear (setara) di bawah arahan kerajaan daerah.

Penjelasan mengenai unsur-unsur di atas berdasarkan sumber dokumen adalah seperti berikut:

- Kerajaan: Unsur ini merujuk kepada kerajaan provinsi/kabupaten/bandar. Ianya merujuk kepada UU No. 32 Tahun 2004, iaitu sebagai fasilitator, pengawal selia, faktor dinamik, dan penyelarar.
- Komuniti: kumpulan yang ditubuhkan oleh masyarakat berkaitan dengan bidang pendidikan, kesihatan, dan ekonomi. Melalui institusi komuniti ini, penyertaan masyarakat sivil (individu atau organisasi) boleh diwujudkan sebagai satu bentuk keprihatinan, dan untuk melakukan kawalan sosial yang aktif dan ikut bertanggung jawab.
- Pekongsi: dunia usaha (bisnis/perniagaan), NGO, dan lain-lain pihak berkaitan. Dalam konsep tadbir urus baik, unsur ini mengarah kepada sektor swasta. Tetapi dalam penyelidikan ini, ia tidak terhad hanya kepada sektor tersebut tetapi juga pihak-pihak lain selain daripada kerajaan dan komuniti. Sebagai contoh, jabatan/agensi pendidikan tinggi.

#### **5.5.2.2 Domain KM**


Bahagian ini menganalisis proposisi berkaitan dengan domain KM, di mana ia berkaitan dengan dapatan kajian ini mengenai konsep KM yang terdiri daripada: aktiviti KM dan faktor-faktor pemboleh KM sebagai kesatuan konsep.

Keputusan dapatan penyelidikan ini mengenai aktiviti manipulasi pengetahuan (rujuk Rajah 5.3), jelas menunjukkan bahawa aktiviti pemeraksanaan selaras dengan aktiviti KM yang mengandungi aktiviti-aktiviti manipulasi pengetahuan. Manakala daripada keputusan dapatan faktor-faktor penyokong KM (rujuk Rajah 5.4), menunjukkan bahawa untuk mencapai objektif program pemeraksanaan komuniti

adalah perlu mempertimbangkan kedudukan faktor-faktor manusia, proses, organisasi, dan teknologi sebagai pemboleh/penyokong.

Daripada huraian di atas, terdapat pola hubungan yang ketara iaitu: aktiviti pemerksaan yang terdiri daripada aktiviti memperolehi, menyimpan, mengagihkan, dan menggunakan pengetahuan dalam proses pemerksaan dibolehkan oleh faktor-faktor manusia, proses, organisasi, dan teknologi sebagai alat (*tool*) untuk mencapai objektif program pemerksaan komuniti.

Berdasarkan analisis penyelidik terhadap aspek pengetahuan dalam hubungan antara aktiviti KM (lihat Rajah 5.3) dan faktor pemboleh KM (lihat Rajah 5.4), boleh berlaku hubungan seperti yang ditunjukkan pada Rajah 5.6.



Rajah 5.6: Hubungan faktor pemboleh KM dan aktiviti KM

Secara terperinci, faktor-faktor pemboleh KM tersebut adalah:

- a) Manusia, iaitu: pengurus sistem (pengerusi, pekerja pengetahuan).
- b) Proses, iaitu: peraturan, prosedur, dan amalan terbaik.

- c) Organisasi, iaitu: agensi kerajaan yang menguruskan pengetahuan dan berkedudukan di peringkat provinsi/kabupaten/bandar.
- d) Teknologi, iaitu: infrastruktur IT.

Manakala aktiviti KM dijalankan oleh semua faktor di atas berkaitan dengan aktiviti memperolehi, menyimpan, mengagihkan, dan menggunakan pengetahuan. Hasil daripada proses pemerksaan yang dijalankan tersebut boleh menghasilkan pengetahuan-pengetahuan baharu. Justeru, pengetahuan baharu tersebut lebih diperlukan oleh kerajaan tempatan untuk mengatasi masalah-masalah kemiskinan.

### **5.5.2.3 Model KM**

Berdasarkan dapatan pola hubungan domain Pemerksaan Komuniti dan KM yang telah didedahkan di atas, idea penyelidik dalam proposisi awal (lihat muka surat 153) iaitu: KM boleh berlaku sebagai satu sistem untuk mengoptimumkan usaha mencapai objektif program pemerksaan komuniti. Manakala sistem KM boleh diperolehi dengan pengintegrasian daripada kedua-dua domain. Walau bagaimanapun, penyelidik memerlukan pandangan dan penilaian para pakar untuk menilai apakah sistem ini sesuai dengan konsep/teori dalam bidang KM. Daripada tiga orang pakar KM, penyelidik telah mendapatkan keterangan seperti berikut:

#### **(i) Pakar (K.01)**

Unsur-unsur manusia, proses, dan teknologi, disepakati sebagai sumber pengetahuan dalam konteks pemerksaan komuniti. Manakala aktiviti pemerolehan, penyimpanan, pengagihan, dan penggunaan pengetahuan juga difahami sebagai aktiviti KM dalam proses pembelajaran. Di samping itu, *facilitation/mentoring* dinyatakan pula sebagai lain-lain aktiviti KM yang penting dalam konteks pembelajaran dan menganjurkan keperluan penubuhan forum

komuniti praktikal (*CoP*) untuk pemeraksanaan komuniti yang berkesan. Ini adalah kerana ia di nilai sebagai faktor pemboleh (*enabler*) atau sebagai satu konsep perkongsian maklumat di luar organisasi sedia ada.

(ii) Pakar (K.02)

Pakar bersetuju dengan konsep integrasi KM dalam pemeraksanaan komuniti, akan tetapi perlu bukti apakah hubungan kelihatan kuat, dan berlaku interaksi. Selain itu, komponen-komponen yang terkandung dalam hubungan itu, perlu disahkan secara ilmiah melalui penyelidikan sehingga boleh menjawab soalan mengapa komponen itu wujud. Pakar berkenan menyatakan bahawa unsur-unsur KM bergantung kepada bidang (*field*) dan sudut pandangan yang digunakan (perspektif). Lebih-lebih lagi diperlukan tanda aras (*benchmark*) daripada rujukan yang digunakan. Akhir sekali, diberikan saranan bahawa hasil penyelidikan harus berdasarkan hasil analisis literatur dan terbukti di lapangan (sesuai dengan data dan fakta).

(iii) Pakar (K.03)

Penilaian pakar berkenaan dengan konsep tiang penyangga untuk penubuhan organisasi pembelajaran yang mampu melahirkan inovasi (lihat muka surat 61, Rajah 2.13). Manakala konsep tiang penyangga ini adalah selari dengan dapatan kajian ini mengenai faktor-faktor pemboleh KM dalam pemeraksanaan komuniti. Inspirasi penting yang diperolehi daripada penilaian pakar adalah hasil daripada proses pemeraksanaan daripada model penyelidikan ini direka untuk mencipta inovasi (tidak terhad kepada pengetahuan baharu sahaja).

Berdasarkan maklum balas dan penilaian daripada para pakar di atas cukup jelas untuk mengukuhkan model sistem yang dibina. Oleh itu, selepas maklum balas



diterima, penambahbaikan model penyelidikan ini dilaksanakan dengan mengambil kira semua saranan pakar sesuai keperluan penyelidikan adalah seperti berikut:


- (i) Menukar output pengetahuan baharu pada Rajah 5.6 kepada inovasi. Selain itu, ia disokong pula oleh maklumat yang didapati penyelidik dari sumber dokumen (D.01) bahawa inovasi adalah penting untuk mengatasi masalah pengurangan kemiskinan yang semakin meningkat semasa ini. Di samping itu, inovasi adalah keperluan sebenar pihak kerajaan daerah untuk pembangunan daerah mengikut Undang undang No. 23, tahun 2014 tentang Kerajaan Daerah.
- (ii) Mengarahkan penubuhan forum komuniti praktikal (*CoP*) sebagai satu faktor organisasi dalam pemerksaan komuniti. Hal ini dijelaskan dalam Bab Enam (lihat muka surat 185-186).

Seterusnya, berdasarkan penjelasan di atas, hubungkait antara KM dan pemerksaan komuniti dapat dibina sebagai satu model sistem KM (lihat Rajah 5.7) yang merupakan penggabungan daripada dua domain, iaitu:

- (i) Domain Pemerksaan Komuniti, terdiri daripada unsur-unsur Kerajaan Daerah, Komuniti, dan Pekongsi (Rajah 5.5).
- (ii) Domain KM, terdiri daripada Aktiviti KM dan Faktor Pemboleh KM (Rajah 5.6).

Daripada analisis penjelasan di atas, logik kerja daripada model sistem KM yang dibina tersebut pada dasarnya telah selaras dengan proposisi awal penyelidik, iaitu: KM sebagai satu sistem untuk menyelaraskan aktiviti subjek pemerksaan (kerajaan–komuniti–pekongsi) untuk memperolehi, menyimpan, mengagihkan, dan menggunakan pengetahuan. Manakala ia dibolehkan oleh faktor manusia, proses, organisasi, dan teknologi untuk menyokong pencapaian objektif program pemerksaan komuniti.

Pada Rajah 5.7, Garis Kerjasama antara kerajaan daerah–komuniti dan kerajaan daerah–pekongsi adalah menunjukkan kerjasama dua hala dalam pelaksanaan program pemerksaan komuniti. Manakala Garis Pemudahan menunjukkan bantuan teknikal daripada faktor pemboleh KM kepada aktiviti kerajaan, komuniti, dan pekongsi. Selain itu, Garis Pelaksanaan menunjukkan aktiviti KM yang dilaksanakan oleh faktor-faktor pemboleh KM dalam program pemerksaan komuniti. Akhir sekali, dapatan model kajian ini adalah jawapan kepada persoalan penyelidikan ini.



Rajah 5.7: Model KM untuk pemerksaan komuniti

## 5.6 Rumusan

Pemerksaan komuniti adalah paradigma baru pembangunan manusia untuk mencipta, menguatkan, dan melindungi potensi yang dimiliki oleh masyarakat. Pemerksaan komuniti yang dilaksanakan melalui PNPM Bandar di wilayah Provinsi Gorontalo adalah sebuah program daripada kerajaan pusat yang dijalankan

di daerah untuk mengurangkan kemiskinan. Ianya dilaksanakan untuk menyedarkan masyarakat terutama pemimpin-pemimpin organisasi masyarakat dan kerajaan tempatan untuk merealisasikan nilai-nilai kemanusiaan (gerakan moral), prinsip-prinsip kemasyarakatan (gerakan tadbir urus baik) dan pembangunan mampan (gerakan Tridaya) dalam kehidupan bermasyarakat.

Aktiviti program pemerksaan komuniti telah dijalankan sebagai satu proses pembelajaran kepada masyarakat dan pengukuhan peranan pihak berkuasa tempatan, yang bertujuan untuk membuat perubahan dalam tingkah laku/sikap, dan perspektif berfikir. Manakala dalam pelaksanaan, disediakan bantuan teknikal, dana perangsang (*stimulant*), dan melibatkan pelbagai pihak yang berkepentingan di kawasan tempatan.

Melalui temubual, pemerhatian, dan analisis dokumentasi, dikenalpasti bahawa unsur manusia daripada kerajaan tempatan, perunding/fasilitator, dan komuniti adalah sumber pengetahuan dalaman. Manakala unsur proses (prosedur/mekanisme pemerksaan), dan teknologi (dokumentasi/repositori) merupakan sumber pengetahuan luaran dalam konteks pembelajaran komuniti.

Dengan mengenal pasti sumber pengetahuan dalam proses pemerksaan komuniti, keputusan penyelidikan ini menunjukkan bahawa aktiviti KM dalam proses pemerksaan komuniti tersirat dalam empat (4) aktiviti utama manipulasi pengetahuan, iaitu: pemerolehan, penyimpanan, pengagihan, dan penggunaan pengetahuan. Manakala unsur manusia, proses, organisasi, dan teknologi adalah faktor-faktor pemboleh KM yang penting untuk menyokong proses pemerksaan komuniti.

Berdasarkan dapatan kajian ini tentang sumber pengetahuan, aktiviti KM, dan faktor pemboleh KM, dapat direkabentuk satu model sistem KM dalam konteks pemeraksanaan komuniti. Walau bagaimanapun, penilaian pakar turut menyumbang dalam proses pembinaan model terutamanya daripada segi logik sistem model yang dibentuk, iaitu hubungan antara KM dan pemeraksanaan komuniti.

Daripada model KM yang dibina, menunjukkan bahawa integrasi KM kepada pemeraksanaan komuniti berpotensi untuk menambahbaikkan proses pelaksanaan program pemeraksanaan komuniti. Ini disokong oleh fakta-fakta yang didapati dari pelaksanaan program PNPM Bandar di wilayah Gorontalo, iaitu:

- a. Pengurangan kemiskinan masih merupakan satu program utama kerajaan tempatan sama ada di peringkat provinsi atau kabupaten/bandar Gorontalo.
- b. Model KM untuk pemeraksanaan komuniti direka bentuk sebagai strategi yang sistematik untuk mempercepatkan dan mengoptimumkan usaha-usaha pengurangan kemiskinan di wilayah Gorontalo.

## **BAB ENAM**

### **PERBINCANGAN DAN RUMUSAN**

#### **6.1 Pengenalan**

Bab ini membincangkan hasil dapatan kajian yang diperolehi melalui analisis data berdasarkan persoalan penyelidikan dan hubungannya dengan pencapaian objektif penyelidikan. Pada akhir bab ini dihuraikan rumusan yang terperinci tentang implikasi penyelidikan sama ada teori dan praktikal, batasan penyelidikan, cadangan penyelidikan lanjutan, kesimpulan dan saranan.

#### **6.2 KM dan Pemerksaan Komuniti**

Pemerksaan komuniti adalah paradigma dalam mengurangkan kemiskinan di Indonesia yang pada masa ini terus dijalankan dalam pelbagai program. Perhatian utama kepada isu-isu kemiskinan yang masih dialami oleh sebahagian penduduk di Indonesia menunjukkan kepentingan program pemerksaan untuk peningkatan kesejahteraan masyarakat tetap menjadi keutamaan buat masa ini.

Daripada penyelidikan ini difahami bahawa PNPM Bandar adalah satu projek program pembangunan manusia yang dibiayai oleh luar negara (World Bank), kerajaan pusat, dan kerajaan daerah. Di samping itu, ia adalah instrumen untuk mencapai Matlamat Pembangunan Milenium (*MDGs*) yang dijalankan di Indonesia dalam satu dekad ini. Ia juga boleh difahami sebagai program teras pemerksaan komuniti dalam mengurangkan kemiskinan di Indonesia, terutamanya bagi golongan masyarakat miskin di kawasan bandar. Program ini menggariskan pelaksanaannya yang sentiasa memberi tumpuan kepada pembangunan manusia, iaitu untuk meningkatkan maruah manusia.

Moto daripada program pemerksaan komuniti, iaitu: berasal daripada masyarakat, dilaksanakan oleh masyarakat, dan untuk masyarakat. Pada dasarnya moto ini selaras dengan konsep pembangunan masyarakat yang didakwa oleh Ross (dalam Nejkar, 2013) sebagai pendekatan berasaskan sumber (*the inner resources approach*). Inti pendekatan tersebut adalah masyarakat digalakkan untuk mengenalpasti keinginan dan keperluan mereka sendiri dan bekerja sama dengan agensi-agensi kerajaan dan unsur-unsur lain yang berkaitan untuk menyelesaikan masalah kemiskinan yang dihadapi dengan menggunakan keupayaan yang dimiliki, mampu untuk mengakses dan menggunakan sumber-sumber yang diperlukan. Keupayaan itu sendiri adalah dikaitkan dengan kuasa, yang secara individu dan kumpulan mempunyai kadar yang berbeza bergantung kepada faktor-faktor seperti pengetahuan, pengalaman, status, atau persekitaran sosial.

Walau bagaimanapun, White (dalam Suhendra, 1998) telah menyatakan bahawa pemerksaan itu mesti bermula dari kehendak politik pihak berkuasa (*political will*). Kenyataan yang didapati penyelidik adalah benar, kerana program pemerksaan (PNPM Bandar) adalah program yang dimulakan oleh kerajaan nasional dan dijalankan di seluruh wilayah Republik Indonesia. Ianya berdasarkan kepada Peraturan Presiden Nomor 13, tahun 2009 mengenai Penyelarasan Pengurangan Kemiskinan, Peraturan Presiden Nomor 15 Tahun 2010 mengenai Percepatan Pengurangan Kemiskinan, dan Arahan Presiden Nomor 3 Tahun 2010 mengenai Program Pembangunan Keadilan.

Sebaliknya, kedudukan kerajaan tempatan pun sangat penting kerana ia tertakluk sebagai subjek dan masyarakat adalah objek. Di samping itu, ia memainkan peranan yang penting kerana memiliki kuasa, sama ada sumber manusia atau teknologi di

kawasan tempatan. Tetapi mengikut pendapat Ife (1995), pemerksaan itu bertujuan untuk memberi kuasa, peluang, pengetahuan dan kepakaran kepada masyarakat untuk meningkatkan keupayaan dalam menentukan masa depan mereka sendiri, menyertai dan mempengaruhi kehidupan masyarakat itu sendiri. Selaras dengan itu, Craig dan Mayo (1995) menyatakan bahawa pemerksaan adalah jalan untuk penyertaan. Tambahan pula, pemerksaan bukan sahaja mengukuhkan individu/orang ramai, tetapi juga institusi (Kartasasmita, 1997).

Analisis penyelidik terhadap pelbagai pemikiran di atas, menunjukkan bahawa status hubungan antara kerajaan dan masyarakat adalah bersifat penawaran–permintaan (*supply-demand*), iaitu kerajaan daripada segi penawaran manakala masyarakat berada daripada segi permintaan. Peranan kerajaan adalah pihak yang menyediakan perkhidmatan yang diperlukan masyarakat tetapi masyarakat juga perlu bersikap aktif. Hal ini disokong oleh konstitusi negara Indonesia (UUD 1945) yang menyatakan bahawa hak rakyat adalah mendapat kehidupan yang baik, untuk membangunkan diri mereka sendiri, dan mendapat manfaat daripada pengetahuan dan teknologi. Selain itu, disenaraikan tanggungjawab masyarakat untuk mengambil bahagian dalam program-program pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan.

Dapatan tentang sumber pengetahuan daripada penyelidikan ini menunjukkan bahawa di samping pihak kerajaan, masyarakat juga adalah sumber pengetahuan. Terutamanya pemilikan data, maklumat atau pengetahuan yang berkaitan dengan keadaan sosial dan geografi tempatan. Data/maklumat tentang keadaan kemiskinan di wilayah tempatan tersebut sangat diperlukan oleh kerajaan untuk dasar bagi mengawal program kemiskinan. Kekurangan atau ketiadaan data/maklumat berkaitan dengan keadaan sosial dan geografi tempatan ini, biasanya menjadi masalah utama

yang dihadapi oleh kerajaan dalam membuat keputusan yang terbaik untuk menangani masalah-masalah kemiskinan.

Dalam keadaan sedemikian, dapatan kajian ini tentang kedudukan kerajaan dan masyarakat sebagai sumber pengetahuan boleh mengukuhkan kedudukan masyarakat selari dengan pihak kerajaan sebagai pihak pembekal (*supply*), di mana ia boleh membuka peluang kepada masyarakat untuk membuat pilihan yang dapat memenuhi kehendak dan keperluan mereka. Ini adalah perkara penting untuk menyokong pelaksanaan daripada program pemerksaan komuniti untuk dijalankan secara berterusan.

Cadangan penyelidik bagi meneruskan pelaksanaan program pemerksaan komuniti di atas melalui pembinaan satu model KM, menunjukkan idea yang berbeza dengan cadangan daripada kumpulan penyelidikan INFID (INFID, 2010), di mana mereka menyimpulkan bahawa program pemerksaan komuniti (PNPM Mandiri) di Indonesia telah mengalami kegagalan dan mencadangkan untuk menghentikan program tersebut kerana ia tidak mempunyai kesan positif yang bermakna untuk meningkatkan kuasa dan kemampuan berdikari komuniti miskin. Cadangan kumpulan penyelidik tersebut merujuk kepada fakta-fakta, iaitu: (1) kekurangan penyertaan masyarakat dalam program, (2) Projek PNPM berorientasikan kepada hasil dan bukannya memperkasakan, dan (3) sinergi tidak dibina dalam kalangan komuniti, kerajaan, dan pengurus program.

Dalam penyelidikan ini, fakta-fakta tersebut juga ditemukan dalam pelaksanaan program pemerksaan komuniti melalui PNPM Bandar di Provinsi Gorontalo. Tetapi, dalam konteks sumber pengetahuan, menurut analisis penyelidik perkara



tersebut disebabkan kegagalan program dalam meletakkan masyarakat sebagai subjek pembangunan. Upaya memampukan (*enabling*) yang dijalankan melalui program pemerksaan komuniti tersebut masih dominan meletakkan masyarakat sebagai objek pembangunan (penerima pengetahuan). Keputusan penyelidikan ini dapat terlihat daripada indikator prestasi program yang hanya berorientasikan kepada hasil untuk menilai kejayaan pelaksanaan program pemerksaan komuniti.

Walaupun demikian faktanya, menurut pandangan penyelidik, ia tidak menjadi usaha terakhir, malah perlu penambahbaikan di dalam reka bentuk program pemerksaan komuniti tersebut. Hal tersebut merujuk kepada dapatan penyelidikan ini, di mana berlaku kesejajaran peranan antara kerajaan dan masyarakat, iaitu kedua-duanya sebagai subjek pembangunan. Termasuklah peranan daripada pihak berkepentingan lain sebagai rakan kongsi, seperti perunding/fasilitator.

Dari huraian di atas, boleh difahami bahawa akibat anjakan paradigma dalam hubungan antara kerajaan dan masyarakat di atas, pengetahuan sememangnya adalah sumber (*resource*) bagi membolehkan pemerksaan komuniti. Perkara ini selari dengan pernyataan Francis Bacon, bahawa *knowledge itself is power*, manakala menurut Sher dan Lee (2004), pengetahuan dapat dipandang sebagai sumber (*resource*) dan kini muncul sebagai satu faktor tradisi.

Dalam konteks hubungan itu, inisiatif menggunakan pengetahuan dalam proses pemerksaan komuniti adalah satu keutamaan. Hal ini yang menjadi satu alasan utama sokongan penyelidik kepada program pemerksaan komuniti. Berasaskan dapatan penyelidikan ini, sumber pengetahuan dan faktor-faktor pemboleh KM

belum digunakan sepenuhnya sebagai solusi dalam mengatasi kelemahan daripada program pemerksaan komuniti.

Berkaitan dengan kedudukan pengetahuan dalam proses pemerksaan komuniti, adalah difahami bahawa pembangunan manusia berasaskan sumber boleh menjadi pola/pendekatan yang utuh dan berkesan bagi kerajaan untuk memampukan masyarakat melalui penempatan masyarakat sebagai sumber pengetahuan yang penting. Di samping itu, ia boleh menjadi tumpuan bagi kerajaan tempatan untuk mengubahsuai program PNPM Bandar kepada program pemerksaan komuniti tempatan bagi pengurangan kemiskinan. Hal ini menjadi asas cadangan penyelidik di atas.

Penyelidikan ini dapat mengenalpasti bahawa aktiviti manipulasi pengetahuan dalam program pemerksaan komuniti terdiri daripada aktiviti pemerolehan pengetahuan, pengagihan pengetahuan, penggunaan pengetahuan, dan penyimpanan pengetahuan. Keputusan penyelidikan ini menunjukkan bahawa pelbagai aktiviti tersebut, adalah bahagian daripada proses pembelajaran bagi membina kesedaran dan menggalakkan perubahan dalam tingkah laku/sikap, dan cara pandang daripada masyarakat untuk dapat berperanan secara aktif bagi mengubah kehidupan mereka menjadi lebih baik. Melalui aktiviti-aktiviti tersebut masyarakat mendapatkan maklumat/ pengetahuan/pengalaman dijangka meningkatkan pengetahuan yang dimiliki dalam komuniti. Walau bagaimanapun, penyelidikan ini juga menunjukkan bahawa potensi faktor-faktor pemboleh KM belum dilaburkan dan dibina sebagai faktor utama dalam kejayaan program pemerksaan komuniti untuk mengatasi kemiskinan yang dialami oleh golongan miskin di bandar. Terutamanya infrastruktur IT kerajaan tempatan, memandangkan ia telah diterima pakai untuk mempercepatkan proses kerja dan

pemodenan automasi kerja-kerja pentadbiran dengan menyediakan perkhidmatan e-kerajaan kepada orang ramai.

Dalam konteks hubungan KM dan pemerksaan komuniti, analisis penyelidik mendapati beberapa perkara yang boleh menunjukkan persamaan KM dan pemerksaan komuniti. Ia ditunjukkan dalam Jadual 6.1.

Jadual 6.1

*Persamaan KM dan Pemerksaan Komuniti*

<b>KM</b>	<b>Pemerksaan Komuniti</b>
Memberi tumpuan kepada elemen manusia (Bhatt, 2000; Uriarte, 2008))	Memberi tumpuan kepada pembangunan manusia
Proses sistematik untuk membangunkan pengetahuan individu dan organisasi (Alavi & Leidner, 2001)	Proses pembelajaran untuk membangunkan kesedaran kritikal masyarakat dan kerajaan tempatan.
Aktiviti yang memberi tumpuan kepada penciptaan dan pelaksanaan pengetahuan (Amidon, 1998)	Aktiviti manipulasi pengetahuan yang memberi tumpuan kepada pembangunan minda
Orientasi untuk pembentukan persekitaran pembelajaran ( <i>learning environment</i> ) (Tjakraatmadja & Lantu, 2006)	Pembentukan komuniti pembelajaran dalam masyarakat dan kerajaan tempatan

Daripada jadual tersebut, hubungan persamaan itu boleh didapati daripada segi tumpuan, proses, aktiviti, dan orientasi kerja. Aspek-aspek persamaan itu boleh menjadi sebab yang mencukupi untuk bagaimana KM boleh dikaitkan dengan proses pemerksaan komuniti.

Daripada analisis penyelidik, hal penting yang perlu dilakukan untuk meningkatkan kualiti proses pemerksaan komuniti sebagai proses pembelajaran adalah bagaimana ia boleh diinstitusikan dalam bentuk amalan komuniti untuk menumbuhkan budaya

berkongsi pengetahuan (*knowledge sharing*) di antara kerajaan tempatan, komuniti, mahupun pihak lain yang berkaitan. Hal ini selari dengan pandangan Tjakraatmadja dan Lantu (2006), bahawa proses pembelajaran adalah satu proses kerja berterusan yang memerlukan komitmen pelbagai pihak yang berkaitan. Oleh itu, konsep kerja yang ditetapkan adalah pengetahuan yang terkumpul daripada hasil amalan komuniti boleh menjadi pengetahuan yang boleh diagihkan dan digunakan oleh pelbagai pihak berkepentingan, dan boleh disimpan sebagai modal manusia (*human capital*).

Berdasarkan keputusan kajian di atas, perkara-perkara yang penting dalam pengurusan pengetahuan adalah bagaimanakah mewujudkan persekitaran pembelajaran (*learning environment*), supaya komuniti termotivasi untuk terus belajar, untuk mengambil manfaat daripada maklumat atau pengetahuan yang ada, dan membangunkan pengetahuan individu, dan akhirnya ingin berkongsi pengetahuan baru yang didapati untuk menjadi pengetahuan bersama. Hal ini disokong oleh fenomena perkembangan IT pada masa ini yang telah meningkat dengan ketara bagi meningkatkan produktiviti penemuan pengetahuan (memudahkan proses pengurusan pengetahuan) serta mempercepatkan proses pelaksanaan. Sehingga membolehkan bagi menginstitusikan dan mengedarkan pengetahuan yang diperolehi daripada individu-individu di dalam organisasi. Oleh itu, menurut analisis penyelidik, fungsi IT dalam proses pemeraksanaan komuniti perlu ditingkatkan. Hal ini selaras dengan pandangan Brink (2001) bahawa ia mengandungi maklumat dan mengeksplicitkan pengetahuan dalam talian, teratur, dan dipetakan. Selain itu, ia menyokong keberkesanan daripada KM (Turban, McLean, & Wetherbe, 2004).

Keputusan penyelidikan ini untuk penginstitusian pengetahuan daripada proses pembelajaran dalam proses pemeraksanaan komuniti adalah berkaitan dengan tumpuan

sebenarnya proses KM. Menurut Tjakraatmadja dan Lantu (2006) apa-apa keputusan proses belajar individu dan kumpulan perlu diinstitusikan supaya ahli-ahli organisasi lain boleh mengakses atau menggunakan mana-mana hasil pembelajaran untuk membimbing kerja atau garis panduan bagi proses pembelajaran berikutnya untuk mencapai visi organisasi yang dikongsi bersama.

Penyelidikan ini juga mendapati bahawa IT sebagai sumber pengetahuan, telah menjadi satu bahagian penting dalam proses tadbir urus kerajaan tempatan. Keputusan ini boleh dilihat dari misi, strategi, dan aplikasi e-kerajaan yang telah dibina di kerajaan tempatan di provinsi Gorontalo, di mana ia digunakan untuk mewujudkan sinergi dan peningkatan prestasi perkhidmatan kepada orang ramai. Tetapi, dalam amalan pelaksanaan program pemerikasaan komuniti melalui PNPM Bandar, penggunaan IT sememangnya belum kelihatan sebagai satu keutamaan dalam kalangan kerajaan tempatan. Khususnya dengan mengambil kira sinergi antara agensi-agensi berkaitan untuk mendapatkan dan menyebarkan pengetahuan tentang pelaksanaan program pemerikasaan komuniti.

Oleh itu, keputusan penyelidikan ini adalah aktiviti pemerikasaan komuniti yang dilaksanakan sebagai satu proses pembelajaran perlu direka dalam satu proses KM yang disokong oleh pelbagai faktor pemboleh KM secara sistematik. Matlamatnya adalah untuk mempercepatkan proses dalam membangunkan minda masyarakat (individu) mengenai bagaimana ia menjalankan aktiviti dalam komuniti. Selain untuk membangunkan minda pengurus dan pegawai-pegawai kerajaan tempatan untuk bekerja dan berkhidmat membina tadbir urus tempatan yang baik. Juga untuk membina kesedaran bagi pelaksanaan dasar pembaharuan, program, dan penganggaran pro-miskin (*pro-poor*). Ini merupakan satu usaha untuk mengukuhkan

keupayaan komuniti dan kerajaan sama ada individu mahupun organisasi untuk meningkatkan kebolehcapaian strategi pemerksaan komuniti.

### **6.3 Model KM Untuk Pemerksaan Komuniti**

